

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3

Rabu

20 April 2011

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *YB Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn* (Halaman 31)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussein (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
11. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Shou @ Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator*
– *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

29. Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D’Cruz
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
33. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator*
– *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
54. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
55. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
56. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
57. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
58. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
59. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
60. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)

61. Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

62. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani Bin Haji Sulaiman

Petugas-Petugas Penyata Rasmi (*Hansard*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 20 April 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil bagi menjamin keselamatan nyawa dan alam sekitar khususnya selepas malapetaka di Jepun terutama letupan loji nuklear, agar kita sedia menghadapi segala masalah akibat bencana alam yang menimpa baru-baru ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan jawapan secara bersekali bagi soalan-soalan berikut kerana menyentuh berkenaan isu yang sama iaitu: pertama, soalan hari ini daripada Yang Berhormat Dr. Malasingam; kedua daripada Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman bagi soalan pada 25 April 2011; Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang soalan pada 26 dan 27 April; dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim untuk soalan pada 26 April 2011.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Fadillah bin Yusof: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengeluarkan Arahan No. 20 iaitu Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kebangsaan di bawah Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri bagi menangani sebarang bencana yang melanda Malaysia. Bagi malapetaka di Jepun yang melibatkan loji nuklear di Fukushima, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah dilantik sebagai agensi penyelamat utama bagi insiden radiologi dan nuklear serta bertanggungjawab mengambil langkah bagi menjamin keselamatan nyawa dan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2009, pemantauan paras sinaran di Malaysia telah dibuat melalui:

- (i) enam unit sistem pemantauan radiologi alam sekitar iaitu di Cuping, Perlis; Ipoh, Perak; Kuantan, Pahang; Senai, Johor; Kudat, Sabah; dan Sri Aman, Sarawak; dan
- (ii) empat sistem pemantauan sinaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Malaysia iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching dan juga Pulau Pinang.

Dalam masa yang sama, semua kontena yang memasuki Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas juga dipantau menggunakan sistem pemantauan sinaran yang telah dipasang di pelabuhan tersebut semenjak tahun 2010. Sehingga hari ini, bacaan sinaran alam sekitar tidak menunjukkan sebarang peningkatan dan tiada penumpang, bagasi atau barangan yang masuk ke Malaysia dikesan melebihi bacaan normal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bermula 16 Mac 2011, pegawai LPTA dan Agensi Nuklear Malaysia turut berada di lapangan terbang yang menerima pesawat dari Jepun untuk melakukan saringan kedua yang akan dibuat jika terdapat bacaan yang melebihi kadar yang dibenarkan. Sehingga 4 April 2011, pemantauan telah dilakukan terhadap 90 penerbangan dari Jepun ke Malaysia ke atas penumpang-penumpang dan anak kapal dan tiada kadar dedahan lebih paras normal dikesan sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, analisa juga telah dilakukan ke atas air paip, air laut dan air hujan di sekitar Kudat, Sabah iaitu lokasi di Malaysia yang paling hampir dengan Jepun pada 31 Mac 2011. Keputusan yang diperolehi menunjukkan tiada sebarang pencemaran radioaktif dikesan. LPTA dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia juga sedang membuat pensampelan air paip, air hujan, air laut dan tanah di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia bertujuan mengawasi pencemaran radioaktif.

Daripada segi sampel makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia memantau semua makanan yang diimport dari Jepun melalui sistem berkomputer di KKM iaitu *Food Safety Information System of Malaysia*. Sehingga kini, sebanyak 70 sampel makanan dari Jepun telah dianalisis bagi kandungan bahan radioaktif dan didapati mematuhi tahap yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, bermula 13 Mac 2011 sehingga ke hari ini, Pusat Informasi Radiologi di LPTA telah dibuka 24 jam bagi menjawab sebarang persoalan teknikal daripada orang awam. Sehingga 4 April 2011, sebanyak 243 persoalan melalui talian *hotline* diterima, manakala lebih daripada 30 soalan melalui e-mel telah diterima dan dijawab.

LPTA sentiasa menerima berita terkini dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa dan turut memantau perkembangan di Jepun melalui Kedutaan Besar Malaysia di Austria dan perutusan tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Vienna. Dalam masa yang sama, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri sentiasa mengemas kini maklumat terkini berhubung kejadian ini melalui kenyataan akhbar dan juga maklumat teknikal di laman web MOSTI, Kementerian Kesihatan Malaysia, LPTA dan Agensi Nuklear Malaysia.

MOSTI berpendapat, orang awam tidak perlu gusar dengan kesan radiasi susulan daripada kejadian loji jana kuasa nuklear di Fukushima kerana situasi di Malaysia masih berada di tahap normal dan terkawal. Terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Kita sedar bahawa tindak balas radiasi nuklear adalah amat berbahaya kepada manusia mahupun ekosistem. Penyebaran radiasi dan akibatnya boleh dikesan dalam tempoh masa yang boleh mencecah lebih daripada 10 tahun untuk benar-benar mengetahui akibat dan kesan radiasi sedemikian.

■1010

Soalan saya, apakah cara-cara dan kaedah yang diambil oleh kementerian dalam memantau pengeluaran dan tahap radiasi kita sentiasa terjamin pada masa akan datang akibat letupan tersebut? Apakah perjanjian konvensyen antarabangsa AIA atau PBB menjamin hak dan keselamatan negara-negara jiran yang munasabah dengan dilindungi dengan segala kecuaihan yang dikenakan selepas tempoh masa yang lama. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya katakan tadi, pemantauan kita melangkaui beberapa kaedah. Pertama dengan semua *equipment* dengan izin, yang saya katakan dipasang di pelabuhan dan juga monitor-monitor yang kita pasang di negeri yang kita katakan tadi. Di samping itu di peringkat antarabangsa, Malaysia mempunyai stesen CTBT antarabangsa bagi tujuan membuat pemantauan *radionuclide* yang mana ianya terletak – ada 80 stesen di seluruh dunia. Di Malaysia kita di bawah *treaty* pengharaman menyeluruh ujian senjata nuklear ataupun dengan izin, *Comprehensive Nuclear-Test-Ban Treaty*. Kita mendapat satu *equipment* ini yang digelar stesen RN42 terletak di Stesen Meteorologi di Tanah Rata Cameron Highlands.

Equipment ini sebenarnya akan mengukuh segala tindakan ataupun aktiviti berkaitan dengan nuklear sama ada berlakunya letupan nuklear, sama ada bom nuklear malah kalau letupan loji nuklear sekalipun, kita akan dapat mengesan penurunan ataupun bacaan dari segi aktiviti nuklear yang berlaku di seluruh dan dalam konteks ini Malaysia akan membaca di peringkat zon Asia. Oleh sebab itu saya kira dari segi *equipment* kita memang ada kaedah untuk memantau sama ada berlakunya pelepasan kadar nuklear ataupun radiasi di udara. Jadi, untuk itu saya kira dari segi kaedah pemantauan memang kita sudah bersedia. Yang lebih penting saya kira ialah apa yang penting saya kira apakah tindak balas yang bakal kita ambil kiranya berlaku perkara tersebut. Oleh sebab itu kita di Malaysia sudah ada agensi Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Maka agensi inilah yang akan ambil tindakan bila berlakunya perkara-perkara tersebut maka langkah-langkah keselamatan akan diambil termasuklah *neutralize* kan segala pencemaran yang berlaku dan menasihatkan orang ramai, termasuk dalam kaedah ini yang berlaku di Jepun misalnya.

Kita memantau sepanjang 24 jam dan kita akan memberi nasihat kepada rakyat Malaysia, apa tindakan yang bakal kita ambil termasuklah mengurangkan lawatan ke Jepun misalnya dalam radius 20 kilometer di kawasan Fukushima itu.

Saya kira di peringkat antarabangsa Agensi Tenaga Nuklear Antarabangsa adalah badan yang bertanggungjawab berkaitan dengan soalan Yang Berhormat bangkitkan tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada letupan loji nuklear di Jepun telah menimbulkan reaksi antarabangsa dari segi keselamatan. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah kita sedar bahawa ada empat strategi bahan bakar negara iaitu minyak, gas, arang batu dan hidro dan sumber nuklear adalah satu *source* baru akhir-akhir ini. Persoalannya, apakah kerajaan bercadang dalam usaha untuk meningkatkan permintaan bahan bakar dalam negara dari segi pembinaan loji nuklear dan sekiranya kerajaan bersedia, adakah kerajaan sudah pun mempunyai pakar yang mahir dan berkemampuan untuk menganalisis kebarangkalian dari kesan radiasi yang wujud pada hari ini untuk masa hadapan kepada rakyat di negara kita ini. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini mungkin lari sedikit daripada soalan asas iaitu berkaitan dengan Fukushima tetapi memang benar dari segi soalan dasar kerajaan sudah memutuskan untuk menimbangankan tenaga nuklear sebagai salah satu alternatif kepada bekalan tenaga di Malaysia khususnya di Semenanjung. Malahan kita sudah tubuhkan Perbadanan Kuasa Nuklear bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membuat kajian. Belum untuk memutuskan sama ada ya ataupun tidak. Akan tetapi lebih untuk membuat kajian sama ada nuklear boleh menjadikan sebagai sumber. Jika ya, di mana? Di mana dan sudah ada itu semua dari segi saintifik dan teknologi dan juga kajian menyeluruh dari segi sosioekonomi itu dibuat barulah akan ada rekomendasi kepada Kabinet sama ada untuk meneruskan ataupun tidak. Setakat ini lebih kepada kajian untuk kita pertimbangkan.

Belum ada kelulusan muktamad. Akan tetapi dari segi sains dan teknologinya, nuklear ini contohnya di Jepun, mereka tidak ada pilihan lain tetapi Fukushima itu adalah teknologi generasi kedua. Sekarang ini yang sudah dikembangkan di Korea misalnya, adalah generasi yang keempat. Di mana kalau kita melihat Russia sendiri pun sudah lihat untuk membuat kajian, sama ada kita akan membuat *floating reactor nuclear*. Maknanya di laut pun boleh. Maknanya ia akan ikut dari segi mengurangkan. Dari segi kesan kalau ada berlaku gempa bumi ataupun tsunami maka reaktor tidak akan terjejas dan sebagainya. Kajian ini sebenarnya masih berlaku di peringkat dunia. Oleh sebab di peringkat dunia melihat bahawa sebagai alternatif dari segi jangka panjang nuklear merupakan bekalan yang termurah dari segi bekalan dan juga bersih seba ianya tidak mengeluarkan *carbon dioxide* dan sebagainya.

Akan tetapi ini lebih di peringkat sains dan teknologinya. Sama ada kita hendak memutuskan akan menggunakan nuklear ataupun tidak di peringkat Malaysia, kita masih melakukan kajian dan konsultan memang telah dilantik untuk membuat perincian kepada kesesuaian kita gunakan tenaga nuklear sebagai alternatif untuk membekalkan tenaga di Malaysia nanti. Terima kasih.

2. **Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Perdagangan Dalam negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah sebabnya kerajaan perlu menaikkan harga minyak RON95 apabila harga petroleum antarabangsa naik sedangkan rakyat jelata beranggapan bahawa kenaikan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa juga mendatangkan keuntungan yang besar kepada Malaysia dan kerajaan mampu membiayai subsidi yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menggunakan harga purata harian iaitu *Mean of Platts Singapore* atau MOPS di pasaran *Platts* sebagai asas untuk menentukan kod produk bagi RON95. *Platts* merupakan pasaran harian produk petroleum yang diterbitkan oleh McGraw-Hill Companies Limited di Singapura.

Kebanyakan negara di rantau ini juga menggunakan MOPS sebagai rujukan kos produk petroleum di negara mereka. Harga runcit produk petroleum di Malaysia ditentukan melalui kaedah *Automatic Pricing Mechanism* atau APM sejak tahun 1983. melalui *Automatic Pricing Mechanism* kerajaan akan menetapkan harga runcit pada satu paras tertentu di mana perubahan kos produk tidak akan mengubah harga runcit dengan begitu ketara. Perbezaan antara harga runcit dengan harga yang sebenar akan ditampung oleh subsidi dan pengecualian cukai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesan kenaikan harga mentah dunia telah mengakibatkan tanggungan subsidi kerajaan meningkat. Adalah dianggarkan peningkatan mencecah sehingga RM14 bilion berbanding peruntukan sebanyak RM10 bilion pada tahun ini. Sehingga 11 April tahun ini, harga sebenar bagi produk RON95 ialah sebanyak RM2.77 satu liter. Namun untuk mengekalkan harga runcit produk RON95 pada harga RM1.90 seliter, kerajaan masih menanggung subsidi sebanyak 87.82 sen seliter.

Walaupun peningkatan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa dilihat menguntungkan, namun harga runcit di pam masih lagi ditentukan oleh kerajaan di samping menanggung subsidi yang lebih tinggi. Jadi inilah kerajaan 1Malaysia iaitu 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'. Terima kasih.

■1020

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tanya soalan ini oleh kerana ada ura-ura bahawa sekiranya kalau harga petroleum naik tersangat tinggi, harga petrol RON95 pun akan naik.

Jadi sebab itu ada rakyat yang kata, walaupun subsidi kita bertambah tetapi untung kita juga tambah oleh kerana kita merupakan pengeluar petroleum. Jadi dia kata kalau untung kita tambah, kenapa kita hendak naik harga? Soalan yang kedua ialah sekiranya kita betul-betul perlu naik harga, apakah mekanisme untuk kita menerangkan alasannya kepada rakyat supaya mereka terima keputusan kerajaan? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Khoo. Yang Berhormat, setakat saya menjawab ini belum ada lagi keputusan untuk menaikkan RON95. Oleh sebab itulah saya maklumkan tadi dari segi berapa sebenarnya yang kita tanggung dan setakat ini memang dikekalkan RON95 pada harga RM1.90 satu liter. Jadi yang khabar-khabar itu Yang Berhormat, kita ketepikan dan Yang Berhormat maklumkan bahawa setakat ini belum ada lagi. Walaupun demikian, RON95 pun kita membuatnya walaupun dikatakan ianya tidak dikawal, tetapi sebenarnya harga RON97 pun adalah dengan izin, *manage float*, bermakna kita tidak benarkan juga dari segi pasaran antarabangsa menentukan harga RON97. Jadi walaupun itu, bermakna RON95 kekal pada RM1.90 dan RON97 kekal pada RM2.70.

Jadi Yang Berhormat, kalau ditanya soalan kedua bagaimana mekanisme untuk kita maklumkan dan itu adalah strategi yang biasa Yang Berhormat di bawah rasionalisasi kita hendak mengaturkan bahawa subsidi buat masa ini pun kita sudah menanggung RM4 bilion untuk harga-harga minyak ini. Akan tetapi memang ada nanti - kalau betul ada kenaikan yang mana saya katakan setakat ini tidak ada, kerajaan akan membuat yang terbaik. Kalau ada naik pun, ia tidaklah ketara sebab kita ada formula-formula yang akan kita gunakan untuk memastikan bahawa rakyat tidak dibebankan dengan begitu ketara. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah di atas jawapan yang diberikan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, harga berdasarkan satu *barrel crude oil* dengan izin. Satu *barrel crude oil* ini mengeluarkan pelbagai *by-product*, RON95, RON97, *bitumen*, *aviation fuel* dan sebagainya. Mengambil kira kos tadi, satu *barrel crude oil*, mengambil kira kos mengeluarkan pelbagai *by-product* yang saya nyatakan tadi dan mengambil kira nilai jualan hasil *by-product* yang saya nyatakan sebentar tadi. Saya ingin mengatakan kepada Dewan ini bahawa syarikat petroleum mengambil keuntungan berlebihan. Kalau saya salah, tolong berikan di Dewan yang mulia ini kos-kos yang saya nyatakan itu dan tolong beritahu bahawa sesungguhnya apa yang saya katakan tadi adalah salah. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian kita sentiasa mengadakan perbincangan secara hati ke hati dengan semua syarikat minyak dan maklumkan juga kepada syarikat minyak bahawa untuk - melalui CSR mereka jugalah supaya mereka juga jangan keterlaluan untuk mengaut keuntungan dalam masa-masa kita memerlukan juga penglibatan pihak-pihak tertentu untuk menentukan bahawa harga ini terkawal. Jadi Yang Berhormat, eloklah saya berkongsi dengan Yang Berhormat sebab kita sama-sama membuat simulasi harga bersama dengan pengusaha-pengusaha atau syarikat minyak dan *even*, dengan izin, kami tentukan berapa keuntungan yang sepatutnya mereka raih melalui penjualan minyak.

Jadi di sini Yang Berhormat, kita membuat simulasi harga melalui *APM calculation* yang saya sebutkan tadi, satu kita ambil kira kos produk, selepas itu kita tolakkan atau kita campurkan dengan kos operasi, kita masukkan juga keuntungan syarikat minyak, sebab itulah saya katakan tadi kita *predetermine*, bukan Kementerian ini sahaja termasuk MOF. Berapa sepatutnya keuntungan, selepas itu kita masuk juga keuntungan pengusaha sebab kita tahu berniaga ini mesti ada mereka untung, kalau tidak buat apa berniaga. Selepas itu kita dapat harga sebenarnya sebelum cukai, selepas itu kita masukkan juga cukai jualan. Bermakna sekarang kita dapat harga sebenar di pam termasuk cukai dan kita tolakkan lagi cukai jualan dan kita tentukan dengan harga yang hendak kita berikan dan itulah jumlah subsidi yang kerajaan harus tanggung.

Jadi ini Yang Berhormat, memang kita adakan perbincangan dengan begitu mendalam sebab kita tidak mahu seperti Yang Berhormat katakan tadi, terima kasihlah Yang Berhormat, memang kita tahu bahawa ini mungkin boleh berlaku. Mereka mengaut sebanyak keuntungan sebab banyak *by-product* yang dikeluarkan tetapi di pihak Kementerian dan juga MOF kita tentukan berapa kadar keuntungan mereka untuk kita dapat menentukan harga RON95, RON97, diesel dan juga LPG. Terima kasih Yang Berhormat.

3. Dr. Syed Husin Ali minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada Kementerian bersedia untuk menimbangkan pemberian biasiswa sepenuhnya bagi semua warganegara yang layak menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi awam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengagihan yang disediakan oleh kerajaan adalah berasaskan pembangunan modal insan berdasarkan keperluan sumber manusia sektor awam dan negara yang perlu memberi keutamaan kepada bidang kritikal dan juga keutamaan yang diperlukan agar perkhidmatan kepada rakyat dalam sektor berkenaan terjamin.

Sehubungan dengan itu, JPA bersedia menimbangkan pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar di IPTA yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tertakluk kepada peruntukan kewangan kerajaan bagi tahun tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA bagi program ijazah dalam negara sejak tahun 2001 hingga 2010 ialah 74,993 pelajar. Manakala bagi program ijazah luar negara dari tahun 2001 hingga 2010 ialah 15,587 pelajar. Jumlah keseluruhannya ialah 90,580 pelajar yang telah pun diberikan peluang di dalam program ijazah tersebut. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Soalan tambahan saya ialah pertama setakat manakah kerajaan sanggup menimbangkan untuk menggantikan pinjaman kepada pelajar-pelajar ijazah tinggi dengan biasiswa?

Keduanya, kita dapati bahawa ramai pelajar yang baik terutama sekali yang bukan bumiputera ke luar negara tidak mendapat *scholarship*, akhirnya kita kehilangan bakat mereka kerana mereka diambil bekerja di negara-negara lain terutama misalnya di Singapura. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Ini adalah satu masalah yang dihadapi oleh pihak JPA di mana pelajar yang telah pun diberikan biasiswa belajar di negara lain dan selepas menamatkan pelajaran mereka di situ telah pun mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada pihak kerajaan asing untuk terus bekerja di situ. Ini kadangkala susah untuk kerajaan untuk memastikan bahawa mereka balik ke negara ini kerana ini terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan. Akan tetapi sekiranya mereka telah pun mungkir kontrak dengan kerajaan, mereka terpaksa membayar balik pampasan kepada kerajaan. Akan tetapi saya di sini ingin menegaskan kepada pelajar tersebut, janganlah buat keputusan sedemikian kerana ini menjejaskan peluang kepada pelajar yang lain yang ingin mendapatkan tempat itu untuk belajar di luar negara.

■1030

Sekiranya mereka telah pun tamat pelajaran mereka di negara asing dan mendapatkan ijazah berkenaan, balikkah kepada negara dan berkhidmatlah kepada bangsa dan negara kerana mereka telah pun diberi peluang untuk belajar dan mendapatkan biasiswa. Jadi itulah harapan kerajaan untuk mereka yang dapat biasiswa balik ke negara untuk berkhidmat. Sekian.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan semangat yang sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Dr. Syed Husin sebentar tadi. Saya mahu bertanya, adakah benar bahawa biasiswa perubatan yang selama ini diberikan oleh MARA dan JPA kepada pelajar-pelajar yang belajar di Indonesia telah dihentikan.

Ertinya yang dilanjutkan ialah yang telah menerima biasiswa, sedangkan ruang belajar untuk mereka di Indonesia masih banyak dan calonnya juga masih banyak tetapi biasiswa dihentikan kononnya antara sebabnya ialah kerana dalam jangkaan atau unjuran tindakan guna tenaga manusia setakat yang belajar di Indonesia telah mencukupi.

Semangat daripada soalan saya ini Tuan Yang di-Pertua ialah, kalau pun benar bahawa menurut unjuran guna tenaga pelajar-pelajar di Indonesia sekarang telah cukup. Tidakkah patut kita terus melanjutkan tajaan ini untuk membekalkan tenaga-tenaga perubatan di bidang swasta kemudiannya? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan ini. Asasnya Yang Berhormat bahawa tawaran biasiswa adalah terhad Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap tahun.

Jadi calon-calon yang dapat kelayakan akan dinilai dengan mengikut kriteria mereka dan juga syarat-syarat yang seperti kelayakan akademik dan juga kedudukan belakang sosial ekonomi.

Mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai mereka yang belajar di Indonesia ini, saya setakat ini belum ada informasi yang tepat untuk menjawab soalan. Jadi, saya berjanji akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

4. Puan Chew Lee Giok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh manakah keberkesanan mekanisme yang diwujudkan untuk membolehkan anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu warganegara yang berkahwin dengan bukan warganegara diberikan kewarganegaraan sebagai langkah pentadbiran sementara (*interim administrative measures*) yang diumumkan oleh Menteri pada April tahun lepas dan berapa kes permohonan telah dibuat.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok yang bertanyakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme yang diwujudkan untuk membolehkan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu yang bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki yang bertaraf bukan warganegara Malaysia boleh kemukakan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara telah dilaksanakan mulai 1 Jun 2010 dan berjalan lancar. Permohonan-permohonan yang diterima di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara akan dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara terlebih dahulu untuk diproses sebelum dimajukan ke Kementerian Dalam Negeri untuk dibuat keputusan. Langkah yang diambil adalah didapati sangat berkesan dan sehingga dan sehingga kini tiada masalah berbangkit.

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme yang diwujudkan oleh kerajaan untuk tujuan tersebut adalah bersifat kekal dan bukanlah satu langkah pentadbiran sementara semata-mata. Ini adalah bagi membantu rakyat Malaysia yang berada di luar negara dalam menguruskan permohonan taraf kewarganegaraan bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara tanpa perlu pulang ke Malaysia. Dari 1 Jun 2010 sehingga 31 Mac 2011, jumlah permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan yang diterima di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara adalah sebanyak 88 permohonan. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, terdapat beberapa kes ibu warganegara asing yang berkahwin dengan orang Malaysia sejak tahun 2008 yang mahu mendaftar dengan negara asalnya. Satu lagi, bagaimanakah kementerian mahu mengawal perkahwinan palsu yang berlaku di negara ini? Maksud saya kahwin palsu ini ialah wanita warganegara asing yang berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia? Tujuannya adalah untuk mendapatkan permit tinggal lebih lama di Malaysia untuk kerja lain. Terima kasih.

Datuk Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahannya ini adalah di luar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun berkaitan dengan statistik terperinci, izinkan saya untuk memberikan maklumat tersebut secara bertulis selepas ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini juga, buat masa ini kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan memproses setiap permohonan bagi pendaftaran perkahwinan sekiranya permohonan tersebut mempunyai dokumen yang cukup dan lengkap kementerian sedang dalam proses mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk NGO dan agensi kerajaan berkaitan kes-kes *marriage of convenience*, dengan izin, dan cara untuk mengatasinya. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan bagi memastikan warga asing yang termasuk di dalam senarai *shark immigration* dapat dihalang daripada memasuki negara untuk melakukan jenayah. Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah memandangkan kaedah yang kekal bukan kaedah sementara, saya ingin tahu daripada pihak kementerian apakah daripada 88 permohonan yang diterima sebentar tadi, tidak disebut berapa yang ditolak oleh kementerian luar ataupun oleh JPN? Juga apakah ibu-ibu yang lahirkan anak di luar negara ini juga mendapat kelayakan yang sama walaupun kelahiran itu berlaku sebelum 1 Jun 2010, iaitu sebelum kita mula pelaksanaan ini dan juga pentingnya ialah apakah kaedah ini juga meliputi anak yang sah oleh ibu ini cuma bukan kelahiran daripada perkahwinan? Apakah layak juga dalam membuat permohonan membuat permohonan mengikut Perkara 15(2) ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai statistik permohonan yang telah ditolak, memang tidak ada statistik yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Lee Chee Leong: So, saya akan jawab secara bertulis mengenai permohonan apa terjadi kepada anak yang lahir sebelum 1 Jun 2010, iaitu keputusan untuk beri taraf warganegara kepada anak yang dilahirkan kepada seorang ibu warganegara. Mereka masih boleh pohon melalui membawa perkara Perlembagaan yang lain. Terima kasih.

5. Tuan Pau Chiong Ung minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah Klinik 1Malaysia yang telah pun didirikan di seluruh pelosok negara dan apakah kesannya kepada rakyat semenjak pelancarannya; dan
- (b) jumlah klinik bergerak yang telah beroperasi di negeri Sarawak dan jumlah yang akan dimulakan lagi pada masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung di atas soalan yang dikemukakan.

■ **1040**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Olian bin Abdullah pada 17 April 2011 dan juga persoalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga pada 27 April 2011 kerana semuanya berkaitan persoalan Klinik 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Klinik 1Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan di kawasan bandar khususnya. Pelanggan Klinik 1Malaysia tidak menunggu lama untuk mendapatkan rawatan penyakit ringan dan sehingga akhir Mac 2011 sebanyak 80 Klinik 1Malaysia telah diwujudkan di mana 53 buah telah beroperasi pada tahun 2010 dan 27 buah lagi telah beroperasi pada tahun 2011. Pecahan 80 Klinik 1Malaysia mengikut negeri adalah seperti berikut.

Negeri	Bilangan klinik (buah)
Perlis	1
Kedah	5
Pulau Pinang	7
Perak	7
Selangor	8
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	6
Negeri Sembilan	5
Melaka	4
Johor	9
Pahang	5
Terengganu	4
Kelantan	6
Sarawak	7
Sabah	5
Wilayah Persekutuan Labuan	1
Jumlah keseluruhan	80

Sehingga 17 April 2011, sebanyak 3,475,151 kedatangan pesakit telah dilaporkan dan kesemua Klinik 1Malaysia di seluruh negara. Jumlah ini termasuk 524,000 kedatangan di 27 Klinik 1Malaysia yang beroperasi pada tahun 2011. Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ia menunjukkan sambutan rakyat yang cukup menggalakkan dan ia adalah relevan untuk dipertingkatkan.

Justeru daripada itu, kementerian bercadang untuk menambah sebanyak 25 Klinik 1Malaysia di dalam tahun 2011. Kriteria penubuhan Klinik 1Malaysia ini adalah masih sama seperti kriteria penubuhan Klinik 1Malaysia sebelum ini. Seperti contoh, ia ditubuhkan atau diwujudkan di kawasan bandar dan di diwujudkan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di kawasan perumahan dan masyarakat serta penduduk yang dilibatkan adalah terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah. Pembinaan Klinik 1Malaysia adalah kurang sesuai bagi kawasan luar bandar dan pendalaman seperti di kawasan perkampungan orang asli.

Memandangkan skop perkhidmatan yang diberikan adalah terbatas kepada rawatan kuratif, penyakit ringan seperti batuk, demam dan selesema. Keperluan kesihatan masyarakat luar bandar dipenuhi oleh klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh termasuk perkhidmatan preventif, kuratif dan *rehabilitative*. Perkhidmatan klinik bergerak adalah alternatif sementara bagi kawasan yang sukar mendapat rawatan daripada klinik kesihatan statik. Bilangan klinik bergerak akan dikurangkan sekiranya klinik kesihatan statik dapat disediakan.

Bagi masyarakat yang tinggal jauh di kawasan pendalaman, sebanyak 171 pasukan klinik bergerak aktif beroperasi memberikan perkhidmatan kesihatan preventif dan kuratif kepada penduduk di luar bandar. Terdapat 60 pasukan di Semenanjung, 13 pasukan di Sabah dan 98 di Sarawak. Perkhidmatan klinik bergerak dijalankan secara darat, air dan udara. Perkhidmatan doktor udara Kementerian Kesihatan Malaysia hanya terdapat di negeri Sabah dan juga Sarawak.

Klinik Bergerak 1Malaysia atau lebih dikenali sebagai KB1M telah diperkenalkan dengan menggunakan bas di negeri Perak, Selangor, Pahang dan Johor dan menggunakan bot di Sungai Baram di Sarawak. Setakat ini Klinik Bergerak 1Malaysia Hulu Selangor dan Kinta telah memberikan perkhidmatan kepada 4,331 orang penduduk yang merangkumi 22 stesen dan 58 kampung. Purata kedatangan ialah 71 orang sehari. Klinik Bergerak 1Malaysia Segamat baru sahaja mula beroperasi pada hari Isnin, 4 April 2011 di mana 16 stesen, 47 kampung dan 43,204 orang penduduk akan menikmati perkhidmatan ini. Begitu juga dengan Klinik Bergerak 1Malaysia di Pahang, ia dijadualkan beroperasi pada 18 April 2011 yang akan melibatkan 44 stesen, 59 kampung dan meliputi 57,546 penduduk. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, persilakan soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi.

Soalan tambahan saya ialah sejak Klinik 1Malaysia dilancarkan, adakah kementerian menghadapi sebarang cabaran seperti kekurangan kakitangan perubatan atau sebaliknya mencipta banyak peluang pekerjaan. Sekian.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas persoalan yang dikemukakan. Satu persoalan yang cukup baik dan saya akan cuba menjawab Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya apabila kita merancang untuk mewujudkan Klinik 1Malaysia, kita juga pada masa yang sama telah merancang dari segi sumber manusia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2010 kementerian telah meluluskan perjawatan U29 yang baru iaitu sebanyak 75 *post* ataupun jawatan yang baru telah diwujudkan yang terdiri daripada penolong pegawai perubatan, *attendance* dan juga jururawat. Begitu juga pada tahun ini Yang Berhormat, kementerian telah mewujudkan jawatan U29/32 jawatan baru telah diwujudkan untuk jururawat, *attendance* dan juga penolong pegawai perubatan di 25 buah klinik daripada 27 buah klinik yang diwujudkan pada tahun ini. Jadi saya harap itu dapat membantu menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar tadi penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Klinik 1Malaysia ini tidak sesuai di luar bandar tetapi saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa ia adalah sesuai.

Saya tidak faham kriteria yang dikeluarkan oleh kementerian kerana di bandar-bandar ini sudah ada hospital Tuan Yang di-Pertua. Di luar bandar tidak ada hospital dan klinik desa. Jadi tidakkah munasabah Klinik 1Malaysia ini dibina di luar bandar untuk *fill-in the vacuum*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebab di situ memerlukan klinik kesihatan. Banyak kes-kes di mana orang kampung di desa berjalan berbatu-batu jauhnya untuk sampai ke hospital di pekan dan meninggal di tengah jalan hendak ke hospital. Jadi perlulah dikaji kriteria ini untuk memenuhi kehendak keperluan luar bandar ini. Sekian.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas persoalan yang dibangkitkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, *the spirit* dengan izin, penubuhan Klinik 1Malaysia ini adalah tujuannya untuk mengurangkan beban yang ditampung oleh klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital dari segi rawatan penyakit ringan. Seperti contoh, batuk, demam dan selesema.

Oleh yang demikian perkhidmatan Klinik 1Malaysia ini terhad kita berikan kepada kawasan-kawasan bagi tujuan tersebut dan pada masa yang sama untuk memberi rawatan kepada golongan yang kurang berkemampuan di pinggir-pinggir bandar dan kawasan bandar. Itu tujuan *the spirit behind the* penubuhan Klinik 1Malaysia ini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila Yang Berhormat membangkitkan mengenai ketidaksesuaian Klinik 1Malaysia ini ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar, sebenarnya Yang Berhormat perkhidmatan untuk penduduk luar bandar telah disediakan melalui *facilities* seperti klinik desa dan juga klinik kesihatan yang ditubuhkan di kawasan-kawasan ini. Menjurus kepada kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan statik seperti klinik desa dan juga klinik kesihatan ini, kita menggunakan perkhidmatan klinik bergerak seperti yang saya nyatakan lebih awal tadi dalam jawapan kepada persoalan utama, saya menyatakan bahawa kita mempunyai sebanyak 171 pasukan klinik bergerak yang memberi perkhidmatan sama ada di kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak yang kita tubuhkan 98 pasukan di Sarawak, 13 di Sabah dan jumlah yang tertentu di Semenanjung.

■1050

Jadi, ini sebenarnya walaupun perkhidmatan ini diwujudkan ianya bersifat sementara. Sementara penubuhan ataupun kita mewujudkan klinik-klinik yang statik di kawasan-kawasan yang tertentu. Kita sebenarnya bertuah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah datang dengan idea yang baru iaitu Klinik Bergerak 1Malaysia di mana ianya mampu juga untuk memberikan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit luar bandar khususnya di kawasan-kawasan seperti negeri Sarawak yang memang luas dari segi geografinya. Ianya telah mendapat sambutan yang begitu baik di kalangan penduduk terutama sekali di negeri Sarawak dan kawasan-kawasan luar bandar yang sememangnya tidak mempunyai fasiliti statik Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mengalu-alukan kedatangan pelajar Institut Latihan Islam Malaysia (JAKIM) dan para pelajar serta guru Sekolah Menengah Kebangsaan Buluh Kasap, Segamat, Johor ke Dewan yang mulia ini.

6. **Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah Skim Rumah Pertamaku dapat membantu mengurangkan beban golongan muda yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 untuk memiliki rumah.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Tee Hock Seng dan Yang Berhormat Senator Li Chuan Cun yang dijadualkan pada 21 April 2011. Memandangkan ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju, silakan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan Skim Rumah Pertamaku telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2011 pada bulan Oktober 2010 yang lalu. Skim ini secara rasminya telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Skim Rumah Pertamaku ini adalah bertujuan untuk membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapatkan pembiayaan sehingga 100 peratus daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka.

Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Pada masa ini nilai pinjaman perumahan di bawah Skim Rumah Pertamaku adalah kurang daripada RM220,000 bagi memenuhi permintaan daripada golongan yang berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan.

Dengan bayaran balik pinjaman perumahan adalah dihad tidak melebihi satu per tiga daripada pendapatan. Peminjam yang berpendapatan RM3,000 sebulan, kadar bayaran balik pinjaman yang ideal adalah sehingga RM1,000 sebulan. Berdasarkan kadar faedah semasa dan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun.

Jumlah pembiayaan maksimum yang layak adalah dalam lingkungan harga sehingga RM220,000. Walau bagaimanapun, pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam. Bagi mereka yang bekerja sendiri, kerajaan telah mewujudkan Skim Jaminan Kredit Perumahan atau (SJKP) yang boleh dimanfaatkan oleh mereka yang bekerja sendiri. Skim ini memberikan jaminan ke atas pinjaman perumahan untuk pembelian rumah kos rendah dan sederhana sahaja. Sehingga 15 April 2011, sebanyak 2,587 orang peminjam dengan nilai jaminan RM120.1 juta telah diberikan oleh SJKP kepada peminjam yang bekerja sendiri.

Selain itu, bagi memastikan rumah berharga sehingga RM220,000 mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Pelajar menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang merangka strategi dan mengenal pasti tapak-tapak untuk membina lebih banyak rumah di bawah kategori Skim Rumah Pertamaku di Lembah Klang bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi. Kerajaan juga melalui syarikat berkaitan kerajaan akan membina lebih banyak rumah kediaman yang bernilai antara RM100,000 ke RM200,000 terutama di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan juga amat prihatin akan masalah kewangan yang dihadapi oleh rakyat. Oleh sebab itu bagi membantu rakyat terutamanya golongan muda yang menghadapi masalah kewangan, kerajaan telah memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda atau (POWER). Bertujuan untuk meningkatkan tahap cerdik kewangan di kalangan isi rumah dan menggalakkan pengurusan kewangan dan tahap perhutangan yang berhemah.

Selain itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga telah ditubuhkan dengan objektif untuk menyediakan perkhidmatan nasihat dan bantuan berhubung dengan pengurusan kredit kepada peminjam individu dan bakal peminjam. Sekian.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang disediakan. Soalan tambahan saya, yang mana rumah adalah aset penting untuk membina kehidupan berkeluarga, menjamin perkembangan positif emosi dan sahsiah anak dan seterusnya membina kehidupan berkualiti. Adakah kerajaan bercadang menggalakkan pemaju swasta membangunkan taman perumahan atau bandar baru dengan membina lebih banyak rumah mampu milik untuk golongan muda yang berpendapatan rendah. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar. Terima kasih di atas soalan tambahan. Memang adalah hasrat kerajaan supaya kita boleh adakan rumah untuk tiap-tiap rakyat di Malaysia. Kalau mereka tidak mampu milik, kita berharap mereka boleh sewa dan memang dari pihak kerajaan kita memang seperti yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kerajaan mensasarkan tambahan 161,000 unit rumah mampu milik yang merangkumi 78,000 unit yang dibina oleh kerajaan dan 83,000 unit dibina oleh pihak swasta.

Selain itu, pelancaran Dasar Perumahan Negara pada 10 Februari 2011 telah menetapkan hala tuju sektor perumahan negara khususnya memenuhi keperluan asas rakyat iaitu tempat tinggal yang selesa, berkualiti dan mampu milik terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, memanglah adalah dasar Kerajaan Pusat.

■1100

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab soalan ini. Cuma saya ucap tahniahlah sebab ini konsep 1Malaysia menyebabkan anak muda mendapat rumah. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang pemaju ini bila dia sudah ramai orang dah mula beli dia akan cari jalan hendak naikkan harga rumah. Jadi apakah kriteria yang akan digunakan oleh pihak kerajaan supaya perkara-perkara ini tidak berlaku menyebabkan esok rumah ini akan dilelong dan akhirnya kebanyakan anak muda jadi mufliis. Sudahlah kredit kad mufliis, ini pun mufliis, yang pertama.

Kedua, RM3,000 gaji ini saya rasa tidak sesuai, nanti tidak dapat bayar lagi susah. Jikalau dapat saya cadangkan kalau boleh RM3,500 dan harga rumah antara RM100,000 dan RM250,000. Apa pandangan Yang Berhormat untuk menjayakan konsep 1Malaysia? Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu ada asas.

Kita akan dari segi angka yang kita hendak bina dan juga dari kadar yang kita tentukan itu memang pihak pakar yang telah membuat cadangan iaitu kita tidak hendak pembayar itu dia hendak bayar hutangnya tidak lebih dari satu pertiga daripada pendapatan. Oleh itu cadangan Yang Berhormat iaitu RM3,500 itu kita akan bawa kepada *committee* yang ada untuk ditimbang.

7. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan pilihan raya kecil diadakan selepas Pilihanraya Umum Kedua Belas pada 2008 sehingga kini. Nyatakan keputusan kemenangan dan kos yang ditanggung oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 16 pilihan raya kecil telah diadakan sejak Pilihanraya Umum Kedua Belas. Manakala keputusan kemenangan dan anggaran kos perbelanjaan adalah seperti berikut:

Kawasan	Parti Yang Menang	Kos Perbelanjaan (RM/)
Permatang Pauh	PKR	409,000
Kuala Terengganu	PAS	325,416
Bukit Gantang	PAS	460,971
Bukit Selambau	PKR	318,000
Batang Ai	BN	391,700
Penanti	PKR	514,600
Manik Urai	PAS	548,003
Permatang Pasir	PAS	461,367.93
Bagan Pinang	BN	449,485
Hulu Selangor	BN	1.2 juta
Sibu	DAP	1 juta
Batu Sapi	BN	1.29 juta
Galas	BN	1.47 juta
Tenang	BN	1.1 juta
Merlimau	BN	755,000
Kerdau	BN	915,000

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang menghapuskan pilihan raya-pilihan raya kecil memandangkan ia merugikan masa, tenaga, wang serta menimbulkan suasana tegang dan menggantikannya dengan kaedah lain yang lebih baik. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk atas soalan tambahan ini.

Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa daripada segi perundangan yang tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga dalam Akta Pilihanraya 1958, pilihan raya kecil semestinya kena diadakan apabila seseorang wakil rakyat telah meninggal dunia ataupun hilang kelayakan atas sebab-sebab perundangan yang tertakluk dalam undang-undang.

Jadi ini adalah isu perlembagaan dan buat setakat ini kerajaan tidak boleh membuat apa-apa sekiranya berlaku kejadian yang seperti saya nyatakan tadi. Akan tetapi walau bagaimanapun apabila seseorang wakil rakyat telah pun hilang kelayakan pada masa tertentu ataupun meninggal dunia selepas tahun ketiga dalam perkhidmatan, jadi pihak SPR mengikut perundangan tidak perlu mengadakan PRK. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah mengapa perbelanjaan ini berbeza yang begitu ketara. Kita boleh terima perbelanjaan di Batu Sapi misalnya RM1.29 juta kerana kedudukan di Sarawak kawasan pendalaman dan sebagainya. Akan tetapi di Hulu Selangor RM1.2 juta, di Penanti DUN yang kecil pun RM514,000 misalnya – perbezaan-perbezaan ini berlaku, yang pertama.

Kedua, saya rasa kerajaan patut mengkaji kalau sekarang ini kekosongan itu berlaku setelah tiga tahun baru tidak ada pilihan raya kecil. Mungkin boleh ditambah lagi kekosongan yang berlaku kurang daripada setahun misalnya, sebab ini satu perbelanjaan yang besar dan menyusahkan semua pihak. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman tadi supaya kerajaan memikirkan satu rang undang-undang yang baru untuk meminda kekosongan ini agar tidak terlalu banyak berlaku pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof atas soalan tambahan ini.

■1110

Pertama-tamanya Yang Berhormat Senator patut mendapatkan faktor yang betul. Batu Sapi ini bukanlah di Sarawak. Batu Sapi di Sabah. Itu satu faktor yang telah pun tersilap oleh Yang Berhormat Senator. Akan tetapi itu boleh difahami oleh kerana Senator bukan berasal daripada Malaysia Timur. Walau bagaimanapun kos belainan yang telah dikatakan tadi, ini tertakluk kepada jumlah pengundi yang berada di dalam daerah itu dan logistik dan juga kepada daerah-daerah yang berkenaan.

Jadi jumlah itu memang belainan untuk perbelanjaan kos bagi pihak SPR untuk menghantarkan kakitangan dan juga kegunaan *facilitate* dan sebagainya. Seperti yang saya katakan tadi bahawa isu Perlembagaan ini perlu sekiranya diubah mendapatkan persetujuan daripada Dewan Rakyat, 2/3 majoriti dan juga persetujuan daripada Dewan yang mulia ini yang kita bersidang pada masa setakat ini.

Jadi, isu Perlembagaan mengatakan bahawa PRK sepatutnya diadakan apabila berlaku insiden yang saya telah pun sebutkan tadi. Selain daripada itu, di sini saya rasa masanya tepatlah untuk saya mengatakan tahniah kepada pihak SPR kerana telah pun berjaya menjalankan pilihan raya di negeri Sarawak dengan begitu baik. Di mana semua calon yang telah pun berdaftar iaitu 213 calon telah pun bertanding dan keputusan mengatakan bahawa Barisan Nasional telah pun menang.

Ini menunjukkan bahawa demokrasi di negara kita ini amat subur dan ini juga kita dapat lihat semua pihak daripada pihak pembangkang telah pun dapat mencalonkan calon mereka masing-masing untuk bertanding.

Ini menunjukkan bahawa SPR telah pun menjalankan tugas mereka seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan. Jadi ini adalah satu kejayaan bagi pihak SPR. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, seterusnya soalan pertanyaan ke lapan. Dato' Mohammed Najeeb.

8. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah kementerian berhasrat menarik balik kelulusan yang telah diberikan kepada Lynas Corporation untuk membina kilang *rare earth* di Gebeng. Sekiranya diteruskan apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil bagi menjamin tidak berlaku kebocoran radiasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memberikan jawapan secara bersekali bagi tiga soalan yang hampir serupa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pembinaan kilang *rare earth* di Gebeng oleh syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah untuk jawapan pada hari ini;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon untuk jawapan pada 26 April 2011; dan
- (iii) Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad untuk jawapan juga pada 26 April 2011.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bidang kuasa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ataupun LPTA iaitu agensi di bawah MOSTI adalah terhad di dalam bidang keselamatan sinaran sahaja.

Pihak Lynas Sdn. Bhd. wajib mendapatkan pelbagai lesen dan kebenaran dari semua agensi penguat kuasa yang berkaitan bagi membolehkan ianya beroperasi di Malaysia termasuk Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, pihak berkuasa tempatan atau Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang dan sebagainya.

Dalam hubungan ini LPTA telah melakukan penilaian perlesenan berdasarkan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya. Sehingga kini LPTA telah mengeluarkan lesen untuk penempatan tapak dan pembinaan, *sitting and construction* dengan izin, sahaja bagi tempoh sah lesen yang bermula daripada 19 September 2009 hingga 18 September 2011 bagi tujuan mendirikan kilang.

Lesen tersebut dikeluarkan memandangkan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat Lynas adalah selamat dan tidak membahayakan orang awam, pekerja dan alam sekitar. Selepas pengeluaran lesen penempatan tapak dan lesen pembinaan, penilaian terhadap pengeluaran lesen pengendalian ataupun *operational* dengan izin, akan dibuat dengan lebih ketat dan ia adalah untuk memastikan sisa yang bakal dihasilkan kelak harus diurus dengan baik dan selamat di samping memenuhi dan mematuhi kriteria asal seperti mana kertas cadangan yang dikemukakan oleh pihak Lynas semasa permohonan lesen dibuat. Lesen pengeluaran penuh atau dengan izin, *full operational* tidak akan dikeluarkan jika pihak Lynas tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu berkenaan kesan daripada insiden yang berlaku di Jepun, ingin dimaklumkan bahawa kilang pemprosesan nadir bumi atau *rare earth* adalah jauh berbeza sama sekali dengan sebarang loji jana kuasa nuklear. Loji jana kuasa nuklear bertujuan menghasilkan tenaga elektrik dari bahan nuklear. Sedangkan kilang pemprosesan nadir bumi bertujuan menghasilkan bahan logam yang jarang ditemui atau dengan izin, *rare metal* dari sumber galian yang turut mengandungi bahan galian radioaktif semula jadi.

Oleh itu tahap keradioaktifan hasil sampingan dari kilang pemprosesan nadir bumi adalah jauh lebih rendah dan lebih kecil dari segi kuantiti serta keradioaktifannya berbanding dengan hasil sampingan dari loji-loji jana kuasa nuklear. Dengan memproses nadir bumi logam-logam yang jarang ditemui dan diperlukan dalam bidang teknologi tinggi seperti teknologi elektronik dan juga teknologi angkasa lepas dapat dihasilkan untuk menyumbang pada pembangunan ekonomi dan eksport negara.

Di samping membolehkan bahan-bahan galian radioaktif semula jadi dibekalkan supaya lebih mudah diurus serta diasingkan dari alam persekitaran untuk kesejahteraan manusia.

Bahan-bahan logam yang dihasilkan melalui pemprosesan nadir bumi ini juga adalah dianggap sebagai bahan strategik terutama oleh negara-negara maju kerana sangat penting dalam penghasilan peralatan dan sistem berteknologi tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan sama ada projek loji jana kuasa nuklear berada di bawah bidang kuasa Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia dan kerajaan masih mengkaji keperluan tenaga nuklear sebagai salah satu pilihan penjanaan tenaga elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab sama ada kajian terperinci kesan alam sekitar dilaksanakan laporan *Radiological Impact Assessment* ataupun singkatannya RIA sebelum lesen penempatan tapak dan pembinaan *sitting and construction* telah dilakukan, di mana RIA ini merupakan sebahagian daripada kehendak *environmental impact assessment* ataupun EIA yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum sesuatu lesen itu dikeluarkan.

Perkara ini dilaksanakan sebagaimana standard yang dikenakan kepada pelabur-pelabur lain jika ianya berkaitan. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Silakan ya, tambahan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang agak baik tadi. Jadi Lynas Corporation dari Australia telah melabur hampir atau sejumlah yang amat tinggi iaitu RM700 juta, satu pelaburan yang besar.

Saya ingin tahu apakah sebenarnya yang membuatkan syarikat ini datang ke Gebeng Kuantan memilih Gebeng Kuantan atau Malaysia sebagai secara khususnya untuk melabur. Adakah kerana ada *push or the pulling factor*. *Push* maksudnya adakah pihak-pihak yang menolak pelaburan ini ke sini atau kita sebagai yang menyediakan *investment climate* yang baik, yang menarik syarikat ini dari Australia untuk memproses apa yang kita panggil tanah jarang ke sini. *Rare earth* ini tanah jarang... [Ketawa]

Keduanya, kalau di Dewan Rakyat sendiri pihak Menteri telah menjawab tentang isu yang sama, yang mana kumbahan daripada kilang ini nanti tidak akan mengandungi bahan radiasi ataupun radioaktif. Jadi kalau itu jawapannya apa lagi yang kita semua hendak risau. Kalau benarlah jawapannya seperti mana yang diberikan oleh Menteri semasa menjawab soalan ataupun isu yang sama ketika dibangkitkan dalam Dewan Rakyat.

Untuk meyakinkan kita, saya ingin tahu sama ada pihak badan bebas antarabangsa akan diguna atau dijemput bagi memastikan yang kumbahan daripada kilang ini nanti benar-benar tidak mempunyai ataupun mengeluarkan bahan-bahan *radiation* ataupun radiasi. Terima kasih.

■1120

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Najeeb. Soalan pertama tadi sama ada kita ada *push or pull factor*, ini lebih kepada bidang kuasa MIDA.

Akan tetapi dalam makluman yang saya perolehi, mereka melihat bahawa kedudukan lokasi Malaysia adalah merupakan lokasi yang amat dekat dengan Australia. Tanah ini dihasilkan di Alice Spring iaitu di penghujung Australia. Kalau dibandingkan di tempat mereka menghasilkan, pergi ke mana yang paling dekat di Australia pun ialah Perth dan jarak perjalanan menggunakan kereta api dan menggunakan kereta dikirakan oleh mereka, mereka merasakan Malaysia lebih murah untuk mereka membuat pelaburan terakhir untuk menghasilkan teknologi yang terkini daripada *rare earth* tersebut ataupun *rare earth* ini, nadir bumi dalam istilah saintifiknyalah. Saya pun kali pertama juga dengar nadir bumi ini. Kalau semua tanya sebut nadir bumi, kita pun tidak faham agaknya tetapi kalau *rare earth* mungkin lebih senang untuk kita memahami. Itu yang pertama.

Kedua, saya kira mereka juga melihat bahawa Malaysia mempunyai kepakaran dan juga dari segi untuk penghasilan. Ini kerana akhirnya benda ini nanti akan di eksport. Hasil hilirannya akan dieksport ke Jepun, ke negara-negara Eropah dan juga Amerika. Maka kedudukan Malaysia dilihat sebagai kedudukan yang strategik untuk pelaburan tersebut. Di samping itu, Malaysia mempunyai komitmen dari segi dapat melahirkan sumber manusia yang berkepakaran. Ini kerana, teknologi ini memerlukan kepakaran-kepakaran tertentu. Oleh sebab itu kita melihat bahawa peluang yang akan kita perolehi ialah lebih kurang 450 bidang kerja kepakaran tertentu yang perlu kita hasilkan.

Dari segi MOSTI, tanggungjawab dan tugas kita ialah berkaitan dengan sains dan teknologi. Kita melihat dari sudut sains dan teknologi. Daripada sains dan teknologinya, *rare earth* ini ialah kedudukannya yang saya jawab tadi, dari segi keradioaktifannya adalah dari segi yang asli. Maknanya, memang kalau kita gali akan tanah ini, memang akan ada radioaktif tetapi setakat mana? Adakah di tahap yang selamat ataupun tidak? Jadi hasil daripada *rare earth* ini sebenarnya kandungannya dari segi saintifiknya adalah yang selamat untuk kita proses.

Jadi sama ada pematuhan nanti diletakkan di bawah tanggungjawab banyak kementerian, banyak agensi termasuklah Kerajaan Negeri Pahang sendiri. Kebetulan pagi tadi saya mendengar berita Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kata mereka akan menjemput pakar-pakar dari luar negara untuk membuat *due diligent* untuk memastikan bahawa apa yang berlaku di Lynas ini akan di *certified* dan diaudit oleh pakar-pakar perunding dari luar negara untuk memastikan bahawa perkara ini iaitu apa yang diperkatakan mereka adalah benar dan tidak akan memberikan kesan sampingan kepada sama ada orang Pahang di Kuantan khususnya, apatah lagi alam sekitar di Pahang itu sendiri. Ini yang saya dengar pagi tadi. Maka, itu komitmen daripada kita dan kita akan membantu Kerajaan Negeri Pahang.

Malahan, dalam dialog-dialog yang kita adakan, kita membawa semua *stakeholders* sama ada di peringkat universiti, pakar-pakar dalam bidang nuklear, *the practitioners* dan juga daripada luar negara untuk bersama dalam sesi dialog dan perjumpaan dengan rakyat.

Insyah-Allah, bulan Mei nanti saya sendiri akan turun untuk berada di Kuantan mendengar rintihan daripada rakyat dan memberikan penjelasan apakah kedudukan dari segi sains, fakta-fakta sains dan teknologi, adakah ianya memberikan kesan negatif ataupun kesan positif kepada Kuantan itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, perkara *rare earth* ini, kilang Lynas di Gebeng di Kuantan ini memang sekarang ini hangat diperkatakan dan dibincangkan di Kuantan. Soalan saya adalah, kerajaan pernah ada pengalaman di Bukit Merah berkenaan dengan nadir bumi ini iaitu juga sensitiviti rakyat membantah pemprosesan di sana.

Jadi, kenapa awal-awal lagi, sebelum dilaburkan dan sebelum diluluskan, pihak-pihak berkuasa, kerajaan atau agensi yang tertentu tidak mengadakan *roadshow* ataupun taklimat atau keterangan kepada semua rakyat di Kuantan supaya meyakinkan mereka dan selepas itu setelah semua setuju baru menjalankan pembinaan loji? Sekarang sudah 90 peratus siap kilang itu. Sekian.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya kita sudah membuat taklimat kesedaran awam berkaitan dengan perkara tersebut. Untuk makluman, kita telah mengadakan taklimat bersama dengan wartawan pada 21 Julai 2009 yang diadakan di Kuantan. Kedua, kepada ketua-ketua jabatan kerajaan yang berpejabat di Kuantan juga pada 21 Julai 2009, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Ahli-ahli Exco negeri Pahang pada 22 Julai 2009 dan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang pada 23 Julai 2009 di mana pada waktu tersebut kita juga jemput orang-orang awam untuk bersama dalam taklimat dan majlis dialog tersebut.

Kita sudah memberikan penjelasan dari segi *the scientific aspect of it*, dari fakta saintifik adakah ianya ada bahan-bahan sampingan dari segi radiasi dan sebagainya. Maka, ini akan diteruskan. Oleh sebab itu bila ini berlaku, maka *insyallah* pada bulan Mei nanti kami sendiri akan turun bersama untuk melihat kembali. Salah seorang *panelist* dalam majlis dialog ini, forum ini ialah Ahli Parlimen Hulu Langat, seorang wakil PAS yang juga merupakan pensyarah dalam bidang nuklear daripada UKM dahulu dan mereka mempunyai kepakaran dan kita sendiri menjemput sebab ini adalah berkaitan dengan keselamatan negara, dan sebab itu kita kena melibatkan semua *stakeholders* untuk memberikan penjelasan. Oleh sebab itu saya memberi jaminan dari segi saintifiknya bahawa perkara ini adalah perkara yang selamat dan bukan apa yang dikatakan di luar sana. Terima kasih.

9. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawli minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah pelan tindakan Kerajaan di dalam memberikan pendidikan pembangunan insan khususnya pendidikan agama secara formal kepada masyarakat FELDA dan anak-anak mereka dan bagaimana keberkesanan pendidikan formal dan tidak formal dipantau memandangkan peningkatan masalah gejala sosial terus berlaku terutamanya kepada generasi muda berbanding penumpuan kepada pendapatan FELDA.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz yang bertanya. FELDA sebenarnya telah melaksanakan pelbagai program bersepadu dalam mengukuhkan pembangunan insan dan mengurangkan gejala sosial dengan memberikan penekanan bukan sahaja dalam bidang keagamaan, malah juga dalam bidang lain seperti latihan kemahiran, keusahawanan dan pelaung pekerjaan.

Daripada 317 kawasan rancangan, terdapat 260 buah masjid dan 261 buah sekolah agama dan kawasan-kawasan gugusan berkongsi masjid dan sekolah agama. Di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah, rakyat FELDA diberi pelbagai kemudahan seperti skim tuisyen FELDA, kemudahan tinggal di asrama FELDA, Maktab Rendah Sains MARA FELDA, pusat pembelajaran sains PPS dan pelbagai program motivasi pelajar dan keibubapaan termasuk *parenting skills*. Anak-anak yang cemerlang diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dan mendapat hadiah biasiswa. Bagi yang kurang bernasib baik dalam peperiksaan, generasi baru diberi peluang kedua melalui latihan kemahiran dalam pelbagai bidang, *multi skill*. Dengan menyediakan latihan kemahiran ini, generasi FELDA akan lebih berdikari dan mendapat peluang pekerjaan yang lebih terbuka di pasaran kerja.

Bagi membolehkan pelaksanaan program kemahiran ini, FELDA menyediakan peruntukan berjumlah RM50 juta setahun. Kepada mereka yang berminat dalam bidang keusahawanan pula, FELDA menyediakan Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) bagi membantu generasi baru menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Selain itu juga, FELDA menyediakan kemudahan perumahan mampu milik di kawasan tertentu kepada generasi baru bagi membolehkan mereka memiliki rumah yang dikenali sebagai Perumahan Warga FELDA.

Kita juga memberikan tumpuan dalam bidang keagamaan melalui pelbagai program antaranya menyediakan barisan pelapis imam di kalangan generasi baru, membina pusat tahfiz di beberapa lokasi, program kerohanian seperti Kembara Syukran, musabaqah al-Quran dan berzanji, kuliah Subuh, kuliah Maghrib, kelas agama, ceramah perdana, kumpulan Yasin peringkat blok dan ceramah-ceramah kelompok. FELDA mempunyai sekumpulan 197 pegawai pembangunan masyarakat yang khusus membimbing peneroka dan generasi baru termasuk bidang kerohanian.

Di samping itu, bagi menggalakkan warga FELDA terlibat dengan aktiviti yang sihat dan berfaedah, kita telah membina dewan, kompleks sukan, dewan serba guna yang mengandungi kemudahan bersukan dan mengadakan aktiviti seperti perjumpaan, kesenian, seminar, pameran, forum dan macam-macam. Pada tahun 2011, FELDA juga bersetuju membina 134 gelanggang futsal baru yang melibatkan kos RM13.5 juta.

Hasil daripada semua usaha yang disebutkan sebentar tadi, ada rancangan yang dikenali sebagai sifar gejala sosial dengan kes kurang 1 peratus iaitu sebanyak 28 peratus atau 89 rancangan daripada 317 buah kawasan FELDA di seluruh negara di kenali sebagai sifar gejala sosial. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya.

Memandangkan daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa terdapat 261 sekolah agama, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah kerajaan bercadang untuk membuat sekolah menengah agama berasrama penuh di kawasan-kawasan FELDA bagi memastikan pencapaian mereka ini dapat dipantau secara spesifik dan seterusnya akan menubuhkan universiti FELDA di kawasan terbabit?

■1130

Kedua, berapakah jumlah NGO yang aktif, yang menjalankan aktiviti-aktiviti di semua komuniti-komuniti FELDA di seluruh negeri. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: FELDA bukanlah satu rancangan yang terpisah daripada masyarakat. Di kiri kanan kawasan FELDA itu ada kampung dan halaman yang lain. FELDA ini cuma 317 buah kawasan rancangan. Kawasan kampung ada 15,000 buah kampung seluruh negara. Oleh kerana itu, apa juga yang kita hendak lakukan sebagaimana kita hendak buat sekolah menengah agama dan sebagainya itu, jika kita boleh menggunakan fasiliti yang sedia ada di kawasan rancangan FELDA, tidak mengapa kita pergi ke sekolah menengah agama di kawasan luar rancangan FELDA. Walaupun begitu, cadangan oleh Yang Berhormat itu, kita boleh teliti selain daripada memikirkan hal-hal lain, saya ingin maklumkan, jangan kita salah sangka apabila disebut FELDA, dadah. FELDA, dadah. FELDA, gejala sosial.

Saya ada angka terkini yang kita *update* setiap bulan. Angka terkini gejala dadah misalnya di kawasan FELDA, yang selalu orang menyebut FELDA dadah, mudah-mudahan selepas ini kita lupakan perkara itu. Ini disebabkan seluruh kawasan FELDA ini, gejala dadah ini jumlahnya 1,269. Sebelum ini 2,500 turun pada 1,269. 1,269 ini Ahli-ahli Yang Berhormat, dibandingkan dengan 1.6 juta orang yang terlibat dengan kawasan rancangan ini cuma 0.08 peratus. Jadi, janganlah kita risau tentang perkara ini sebab perkara itu adalah terkawal dan gejala sosial yang lain ini pun ada senarai di tangan saya ini – 25 jenis gejala sosial. Banyak tempat yang kosong sahaja. *Insya-Allah*, FELDA akan terus menjadi kawasan yang terbaik sebagai contoh masyarakat, teras pertama FELDA yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan inilah yang diusahakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri Johor membelanjakan sejumlah RM150 juta setiap tahun untuk sekolah-sekolah agama termasuklah di kawasan-kawasan FELDA di dalam negeri Johor. Sepertimana jawapan Yang Berhormat tadi, FELDA bukanlah satu komuniti yang terpisah daripada masyarakat di sekeliling.

Soalan tambahan saya ialah adakah kajian dibuat tentang gejala sosial yang dikatakan berlaku dengan begitu tinggi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz tadi di kawasan-kawasan FELDA mengikut negeri-negeri? Umpamanya di Johor, Negeri Sembilan, Melaka yang mempunyai sistem sekolah agama, *across the board*. Semua murid-murid sekolah di Johor melalui sistem sekolah agama di sebelah petang. Tidak barangkali seperti di Kedah atau Kelantan. Adakah kajian dibuat tentang *locality* FELDA yang berkaitan dengan gejala sosial ini? Kalau ada, tolong beritahu kita. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop atas soalan itu. Memang benar kerajaan Johor membelanjakan RM150 juta setahun untuk sekolah agama. Ia lebih besar daripada Kelantan, Terengganu dan juga pastinya Kedah. Senarai gejala sosial mengikut negeri, memang ada di tangan saya ini. Nampaknya Johor tidaklah tinggi senarainya. Kita letak Johor Bahru (159 kes), Segamat (119 kes) dan juga Trolak (141 kes) dibandingkan dengan Jengka (255 kes), Kuantan (252 kes), Raja Alias (227 kes).

Jadi Johor, ketiga-tiga wilayah itu lebih rendah daripada wilayah Jengka, lebih rendah daripada Kuantan, lebih rendah daripada wilayah Raja Alias di Negeri Sembilan. Ini menunjukkan bahawa kesan daripada sekolah-sekolah agama Johor itu nampak jelas daripada angka-angka yang kita ada di sini. Kalau angka gejala sosial secara keseluruhan, jika kita lihat Johor (662), Jengka (892). Jadi, nampaknya Pahang perlu kerja lebih sedikit. Terima kasihlah kepada kerajaan Johor yang menyediakan sekolah agama yang begitu baik. Terima kasih.

10. Datuk Chandrasekar Suppiah minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, keberkesanan universiti-universiti tempatan melahirkan graduan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Apakah ranking universiti-universiti tempatan dalam pelbagai indeks antarabangsa mengenai modal insan berkepakaran.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi mendapati semua institusi pengajian tinggi di Malaysia berusaha ke arah melahirkan graduan yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Sungguhpun tiada kajian spesifik dijalankan untuk menunjukkan keberkesanan mereka, apa yang diutamakan ialah kementerian sepanjang masa berusaha meninggikan kebolehdapatan pekerjaan dan kebolehpasaran graduan baik di dalam mahupun di luar negara.

Untuk itu, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama industri dan juga IPT menganjurkan pelbagai program dan inisiatif yang mampu meninggikan kebolehdapatan pekerjaan dan kebolehpasaran graduan. Ini termasuklah program dengan izin, *degree++*, *finishing school*, *bridging the gap*, *internship*, *apprenticeship* dan sebagainya. Maka itu, peratusan setinggi 75 peratus graduan kita telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian boleh dijadikan satu petunjuk yang memberangsangkan tentang keberkesanan IPT kita.

Tuan Yang di-Pertua, dua sistem ranking universiti dunia yang dikenali dan lazimnya digunakan sebagai sandaran umum dengan izin, ialah *Times Higher Education World University Rankings* (THE) dan *QS World University Rankings* atau singkatannya QS. Kedua-dua sistem tersebut menggunakan metodologi komponen dan *indicator* yang berbeza-beza dalam menghasilkan keputusan ranking masing-masing. Di antara mereka, hanya QS menggunakan komponen *Employer Reputation Index*, dengan izin. QS turut menyenaraikan ranking universiti berdasarkan pada komponen ini.

Menurut QS, *Employer Reputation Index*, dengan izin ini antara lainnya menjelaskan kajian telah dijalankan dalam kalangan majikan berhubung pandangan mereka terhadap kualiti graduan sesebuah IPT. Dalam ranking QS menggunakan komponen *Employer Reputation Index* ini, sebanyak 300 buah IPT telah disenaraikan. Ini termasuk empat buah IPT kita iaitu Universiti Malaya di tangga 177, Universiti Teknologi Malaysia (207), Universiti Sains Malaysia (254) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (281). Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Chandrasekar Suppiah, soalan tambahan.

Datuk Chandrasekar Suppiah: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah universiti-universiti ini mengendalikan kursus yang relevan dengan pasaran ekonomi global kini?

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kementerian mengambil berat tentang kursus-kursus yang kita kendalikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi negara yang dilancarkan pada 27 Ogos 2007, telah menggariskan tujuh teras supaya institusi pendidikan tinggi negara menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa serta memberikan penekanan terhadap pembangunan modal insan kelas pertama bagi mendukung dan menjayakan hasrat negara untuk mencapai sesebuah negara maju, makmur dan kompetitif.

■1140

Teras kedua, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran dihasratkan untuk menghasilkan modal insan yang mampu berdaya saing dan berjaya dalam arena kompetitif di pasaran tempatan dan global. Melalui langkah pengukuhan pengalaman pembelajaran individu, penambahbaikan kurikulum, peningkatan kualiti tenaga pengajar dan penyediaan infrastruktur yang fungsional dan mencukupi, graduan yang cemerlang dapat dihasilkan.

Dengan ini, graduan bukan sahaja mudah mendapat pekerjaan tetapi mampu berdikari dari segi kerjaya sebagai usahawan dan lain-lain.

Pada masa ini, graduan IPT tempatan sememangnya terbukti berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Umpamanya graduan kejuruteraan Universiti Sains Malaysia yang boleh disifatkan sebagai setanding dengan jurutera yang dikeluarkan oleh negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Jepun dan sebagainya memandangkan kesemua program kejuruteraan mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Washington Accord (WA). WA yang berpangkalan di Amerika Syarikat adalah badan profesional yang memberi pengiktirafan kepada program-program kejuruteraan di seluruh dunia. Di antara negara yang diiktiraf sebagai ahli termasuk Australia, Kanada, UK, US, New Zealand, Ireland dan juga Malaysia. Pengiktirafan oleh WA juga mengesahkan graduan yang dilahirkan telah memenuhi keperluan akademik dan mempunyai lesen khas untuk memulakan profesion sebagai jurutera. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

11. Datuk Akbar bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan kem PLKN mengikut negeri, jumlah pelajar yang dilatih dan pelajar yang enggan hadir mengikut kaum dan jantina serta sebab-sebabnya dan kemalangan mengikut jenis sehingga akhir Mac 2011 serta menggariskan usaha mencapai kemalangan sifar; dan
- (b) *outcome* latihan yang dikendalikan PLKN dari segi pembinaan jati diri, pegangan terhadap Rukun Negara dan kecintaan terhadap tanah air, Malaysia berdasarkan indikator kuantitatif dan kualitatif.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kem PLKN semasa adalah 87 buah. Ikut negeri, Perlis tiga buah, Kedah sembilan buah, Pulau Pinang empat buah, Perak sebelas buah, Selangor sembilan buah, Negeri Sembilan enam buah, Melaka empat buah, Johor tujuh buah, Pahang sebelas buah, Kelantan tiga buah, Terengganu lima buah, Sabah tujuh buah; dan Sarawak lapan buah.

Tuan Yang di-Pertua, integrasi nasional dicapai melalui percampuran pelatih pelbagai kaum dalam sebuah kem. Sehubungan itu, penampilan pelatih di semua kem adalah mengikut komposisi kaum serta jantina seperti berikut; bumiputera – 60 peratus, etnik Cina – 28 peratus, etnik India – 10 peratus dan lain-lain – 2 peratus. Dari segi jantina pula, pecahan peratusan lelaki adalah seramai 55 peratus, manakala wanita 45 peratus.

Melalui komposisi kaum yang telah ditetapkan tersebut, sejumlah 377,797 orang pelatih bumiputera, 121,733 orang pelatih etnik Cina, 41,777 orang etnik India telah menghadiri PLKN dari tahun 2004 hingga Mac 2011. Manakala 11,021 orang terdiri daripada lain-lain kaum. Ini menunjukkan jumlah keseluruhan pelatih yang menjalani Program Latihan Khidmat Negara sehingga Mac 2011 adalah 552,328 orang. Daripada jumlah keseluruhan yang hadir, 296,038 orang lelaki, 256,290 wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator tanya panjang, jadi saya perlu potong-potong sedikit. Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pelatih yang enggan hadir, enggan hadir ini selepas semua prosedur yang telah ditetapkan diambil, yang enggan hadir berjumlah dari tahun 2005 hingga tahun 2008, seramai 5,288 orang telah gagal hadir dan daripada pecahan tersebut 2,876 lelaki, 2,368 perempuan. Untuk pecahan bangsa atau etnik, 2,344 bumiputera, 1,239 etnik Cina dan 1,555 etnik India gagal menghadiri program latihan tersebut.

Untuk statistik kemalangan dan kecederaan daripada tahun 2004 hingga tahun 2010, sebanyak hanya 505 kes kemalangan dan kecederaan kecil di mana 21 kes melibatkan kecederaan kekal, 139 kes adalah kecederaan biasa atau *minor injuries*, dengan izin. Bagi memastikan kadar kemalangan sifar, Jabatan Latihan Khidmat Negara telah pun bekerjasama dengan *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) agar tahap keselamatan di kem-kem yang sebanyak 87 itu sentiasa dipertingkatkan agar ibu bapa dan juga pelatih yang menjalankan program tersebut sentiasa selamat dan sihat.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, PLKN bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang cintakan negara, bersatu padu, mempunyai semangat kesukarelaan, berperwatakan positif, cerdas serta mempunyai keyakinan diri. Ekoran daripada itu, satu kajian kuantitatif telah pun diadakan tahun demi tahun. Umpamanya tahun 2009 dari sudut elemen cintakan kepada negara, ia meningkat daripada 83.7 peratus ke 87.5 peratus pada tahun 2010. Sementara jati diri sebagai contoh meningkat daripada 88.8 peratus kepada 91.19 peratus pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, jabatan masih tidak berpuas hati. Kita bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk melakukan kajian kualitatif di mana melibatkan 61,950 responden dan daripada kajian tersebut didapati bahawa 80 peratus daripada responden bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang sungguh tepat pada sayalah. Tahniah terutama dari segi kemalangan, kalau saya imbas, saya jangka kurang daripada 0.1 peratus kalau berbanding dengan pelajar yang telah dilatih. Dari segi statistik khabarnya lebih ramai orang meninggal di atas tempat tidur, berbanding di kem PLKN, maka *by deduction, cruelty speaking* dengan izin, lebih selamat di PLKN daripada di tempat tidur sendiri.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah boleh kita menggunakan PLKN sebagai salah satu *vehicle*, dengan izin berdasarkan pencapaian dari segi jati diri tadi dapat memantapkan lagi perpaduan kaum dan dalam masa yang sama dapat meruntuhkan tembok polarisasi kaum? Terima kasih.

■1150

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: ...

Daun keladi, daun selasih,

Thank you, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat bahawa kita adalah sebuah negara yang baru yang mempunyai pelbagai etnik dan juga pelbagai agama serta pelbagai budaya. Namun begitu, kalau kita banding dengan negara-negara *nation state* yang lain, yang mempunyai hanya satu rumpun bangsa, tahap koordinasi di antara pelbagai kaum dengan negara yang mempunyai hanya satu rumpun bangsa, negara kita telah mencapai satu pencapaian yang tidak pernah kita impikan.

Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa integrasi kaum, percampuran kaum ini adalah satu perkara yang dinamik. Ia bermula bukan hanya di PLKN, ia bermula daripada masyarakat. Bagaimana mereka pergi ke prasekolah, kemudian di sekolah, sekolah menengah, sekolah tinggi, di universiti dan pada waktu yang sama ke alam pekerjaan. Sebab itu usaha untuk menyeragamkan ini perlu dibuat berterusan dan kita tidak boleh ikut cara bagaimana British layan ketiga-tiga kaum, di mana pecah dan perintah.

Oleh sebab itu usaha untuk menyeragamkan ini perlu kita kendalikan dan kita memperkuatkan supaya moto, tujuan, modul negara yang berbilang kaum ini dapat memahami apa yang Perdana Menteri kata bukan sahaja *tolerance* tetapi *acceptance* dan perkara ini adalah satu yang dinamik. Sebab itu modul-modul dalam Latihan Khidmat Negara sentiasa berubah mengikut keperluan dan kepentingan masyarakat muda pada ketika ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong” demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.” **[19 April 2011]**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Dr. S. Ramakrishnan menyambung berucap. Untuk makluman, Yang Berhormat semalam telah berucap selama lapan minit ya.

11.53 pg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk soalan saya kepada ataupun perhatian saya kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Satu ialah berkenaan Flat Samping - adakah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mempunyai perancangan untuk memberi pemaju swasta membangunkan kawasan Flat Samping berkenaan selepas di roboh. Tindakan-tindakan nampak macam DBKL ada sesuatu rancangan. Apakah rancangan itu? Yang kedua, cara DBKL mengendalikan 41 orang bekas pekerja Ladang Bukit Jalil menunjukkan DBKL tidak menghargai sumbangan bekas pekerja ladang. Bekas pekerja ladang termasuk kaum India dan Melayu dan mereka duduk di tempat itu lama.

Menteri Wilayah Persekutuan mengambil alih ladang itu pada tahun 1980. Sejak itu mereka diuruskan oleh kontraktor yang diupah oleh DBKL. Akan tetapi setelah penat lelah mereka tidak di bayar upah yang setimpal dan KWSP. Tanah tersebut ketika ini adalah dimiliki oleh Bukit Jalil Development Sdn. Bhd. dan pengerusinya ialah bekas *Mayor DBKL*. Saya cadangkan kepada Menteri bolehkah jual enam ekar tanah kepada pekerja ladang dengan harga minimum. 23 orang pekerja dari Ladang Twan Mee bahagian Batu Arang di Kuala Selangor mendapat pampasan wang dan boleh beli rumah dengan harga murah. Inilah majikan prihatin.

Syabas saya ucapkan kepada Syarikat KL-Kepong atas keprihatinan mereka. Saya minta DBKL mencontohi keprihatinan syarikat ini. Ladang swasta pun diberi tempat tinggal tetapi mereka bukan penduduk haram. Mereka adalah bekas pekerja ladang. Jadi saya harap DBKL menghargai sumbangan mereka dan berilah pampasan yang sewajarnya.

Kementerian Luar Negeri - laut yang berdekatan dengan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan dikenali sebagai Laut China Selatan. Mengapa tidak dinamakan mengikut kawasan sekitarnya dan mengapa perlu meletakkan nama negara China sedangkan negara berkenaan sangat jauh dari kawasan laut tersebut. Tambahan pula, negara China tidak memberi kebenaran kepada negara lain untuk mengambil sumber laut mereka. Laut yang berhampiran dengan Pahang, Terengganu, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak harus diberikan nama yang mencerminkan demografi di negara ini misalnya, polemisasi atau satu nama yang mencerminkannya. Saya mencadangkan bahawa Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan maritim untuk mengubah nama lautan yang di sekeliling Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

SPRM - ramai Ahli Dewan ini telah pun berucap mengenai SPRM. Saya hanya menyentuh satu perkara sahaja iaitu apakah telah terjadi kepada kes penyiasat persendirian (PI) Bala Subramaniam? SPRM telah mengambil kenyataan melalui peguamnya. Bala Subramaniam menjawab soalan SPRM dan menandatangani kenyataan bertulis affidavit yang diserahkan kepada SPRM pada bulan Julai tahun lalu. Sejak itu tiada berita mengenai perkara tersebut. Saya minta menteri berkenaan memberitahu perkembangan terkini kepada Dewan yang mulia ini.

Kepada Menteri Sumber Manusia - rancangan jangka masa panjang diperlukan bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing adalah dengan menggalakkan pekerja tempatan yang berkemahiran untuk berkhidmat di negara ini. Malaysia perlu mengubah fokusnya dari mengimport tenaga kerja murah kepada menguruskan aliran tenaga kerja yang boleh memaksimumkan pertumbuhan dan memudahkan penyesuaian struktur ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Penggunaan jentera atau mesin dan tindakan membantu diri sendiri diperkenalkan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Perladangan mendapat berbilion ringgit untung sudah pasti mampu untuk membayar upah yang lebih tinggi kepada pekerja tempatan daripada mengeksploitasi pekerja asing. Perladangan ini mendapat bayaran berbilion ringgit tetapi bayarannya kurang daripada gaji minimum khususnya kepada penduduk-penduduk rumah panjang di Sarawak sehingga mereka juga tidak boleh kerja dan ladang-ladang ini membawa pekerja Indonesia. Mengapa penguatkuasaan undang-undang lemah? Apakah dasar berkenaan penggajian pekerja asing? Pendapat saya adalah tiada pentadbiran dan betul dan rasuah adalah masalah dalam hal ini. Peluang pekerjaan harus diberi kepada semua warga Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Saya minta apakah pendirian kementerian mengenai isu ini?

■ 1200

Gaji minimum kementerian masih lagi enggan untuk bergerak ke hadapan mengenai gaji minimum. Nampaknya Kementerian Sumber Manusia lebih pentingkan apakah kehendak majikan dan pandang rendah sumbangan pekerja.

Gaji minimum wajib untuk meningkatkan pendapatan tinggi seperti dalam RMKe-10. Penerangan Bank Dunia pada 11 Februari 2011 untuk gaji minimum tidak beri keutamaan untuk mewujudkan gaji minimum tetapi beri alasan kenapa gaji minimum tidak kompetitif dengan izin. Apakah perkembangan terkini di Kementerian Sumber Manusia mengenai pewujudan gaji minimum?

Tuan Yang di-Pertua saya juga cadang bahawa satu audit luar harus dilakukan terhadap akaun Petronas. Petronas hanya pemegang amanah rakyat dalam sumber petroleum. Saya minta PAC juga perlu menyemak secara tahunan kerana Petronas hanya membuat laporan kepada Perdana Menteri. Petronas perlu laporkan kepada Parlimen prestasinya. Ini adalah masanya rakyat mahu tahu apakah, bagaimanakah sumber-sumber negara diuruskan. Saya minta Menteri memberitahu Dewan ini pendiriannya.

Kepada Kementerian Pelancongan, Kementerian Kewangan dituduh campur tangan dalam kontrak pengiklanan dan promosi pelancongan yang bernilai lebih RM381 juta. Saya mempersoalkan mengapa Kementerian Kewangan arahkan Kementerian Pelancongan untuk mengabaikan pembentangan yang sebenar seperti yang didakwa oleh Menteri Pelancongan. Menteri Pelancongan mengatakan bahawa Kementerian Kewangan telah memutuskan untuk membatalkan pembentangan yang sebenar kerana penyerahan yang dibuat adalah cukup baik. Dalam proses tender dalam kontrak iklan dan promosi yang bernilai RM381 juta tersebut.

Perubahan proses tender keseluruhan dalam pemberian tender yang lepas pada lima syarikat baru dan penarikan balik tender oleh Syarikat ICS menimbulkan kecurigaan dan keraguan untuk pemberian tender. Memandangkan tidak ada pembentangan yang sebenar siapakah yang membaca semua *proposal* dengan izin, mendengar muzik iklan iaitu *jingle* dan menonton iklan TV yang biasanya disampaikan dalam iklan besar dan pilihan promosi. Siapa dalam Lembaga Pengiklanan Pelancongan Malaysia yang berkelayakan untuk memilih kerja kreatif dengan hanya melihat dokumen-dokumen sahaja? Mengapa agensi diberitahu secara lisan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan tidak diberikan peluang untuk membentangkan *proposal* mereka?

Selanjutnya mengapa mengambil masa lapan bulan untuk memilih agensi walaupun satu langkah penting iaitu proses pembentangan diabaikan? Persatuan agen-agen pengiklanan bertauliah berpendapat bahawa untuk memastikan kualiti pembentangan yang sebenar adalah menjadi kebiasaan untuk melihat pembentangan akhir diikuti dengan sesi soal jawab antara pelanggan dan agensi.

Tuan Yang di-Pertua sekarang kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air iaitu mengenai penswastan air, aset air di negeri Selangor. Penswastan aset air negeri Selangor kepada empat konsesi yang berbeza telah mewujudkan industri yang tidak cekap dan berpecah belah.

Berdasarkan perjanjian yang sedia ada pembekalan air dibenarkan untuk menaikkan kadar mengikut tempoh. Jika kerajaan negeri mengambil alih konsesi dan formula kadar disusun semula ia boleh mengelakkan kenaikan harga air. Kerajaan Persekutuan memberi sokongan kepada empat syarikat berkenaan tetapi kerajaan negeri menyokong rakyat. Rakyat Selangor tahu siapa yang mengambil berat terhadap mereka. Kerajaan negeri berjuang untuk hak terhadap industri air dan berjanji untuk memberi 20 mililiter air percuma dan mengekalkan 12 peratus kenaikan tarif air.

Dibandingkan dengan rancangan SYABAS untuk menaikkan sebanyak 20 peratus pada tahun 2015. Penswastaan bukan penyelesaian kepada isu air negeri yang kompleks ini. Idea penswastaan adalah untuk membawa kecekapan dan juga harga yang lebih baik. Saya minta Menteri memudahkan pemindahan aset air kepada negeri Selangor demi kepentingan, kebaikan rakyat.

Kepada Menteri Pelajaran mengenai pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). PPSMI ini di mula oleh bekas Perdana Menteri dalam tahun 2002 dan dimansuhkan oleh Menteri Pelajaran sekarang dalam tahun 2009. Baru-baru ini kami pun dengar bahawa melalui surat khabar bahawa Perdana Menteri memberitahu bahawa program atau kaedah ini akan dikembalikan. Ini menunjukkan bahawa kementerian tidak ada satu pendirian mengenai isu ini. Ini adalah satu tidak keadilan kepada murid-murid yang terlibat dalam pertukaran bahasa penghantaran.

Saya minta kementerian melanjutkan PPSMI kepada pelajar yang sedang menggunakan bahasa Inggeris sehingga mereka tamatkan Tingkatan 5. Ramai ibu bapa sokong Program PPSMI dan pungutan suara pun terlalu tinggi untuk kembalikan PPSMI. Apakah pandangan kementerian?

Tuan Yang di-Pertua mengenai pengenalan novel *Interlok*. Pengenalan novel *Interlok* edisi murid dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Tingkatan 5 gagal menepati garis panduan terperinci buku teks. Buku ini mengandungi kesalahan fakta, menghina rakyat Malaysia dan bertentangan dengan konsep 1Malaysia. Kenapa Kementerian Pelajaran juga menggunakan buku ini? Ada banyak lagi buku sastera yang lebih sesuai seperti misalnya *Anak Semua Bangsa*. Buku *Interlok* ini tidak mewujudkan 1Malaysia...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Habiskan, habiskan. Akan tetapi memecahbelahkan perhubungan rakyat Malaysia. Saya minta Menteri Pelajaran jangan mempolitikkan pendidikan tetapi melaksanakan polisi-polisi yang dapat membina minda yang berpandangan jauh, terbuka dan boleh berintegrasi dengan semua bangsa di Malaysia dan seluruh dunia. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hanya hendak bertanya. Yang Berhormat tadi cuba berbahas tentang novel *Interlok* itu. Saya hendak tahu beliau sudah bacakah sama ada edisi murid atau edisi asal. Ini kerana saya kata begini pengkritik-pengkritik sastera daripada seluruh bangsa - Dr. Lim Swee Tin dan saya baca di *The Sun* dan juga dalam *The Star*. Malah juga penulis-penulis yang berketurunan India pun mengalu-alukan keunggulan novel itu.

Akan tetapi bila Yang Berhormat tadi cuba hendak mengkritik mengatakan fakta tidak betul saya hendak tahu sudah bacakah atau hanya mendengar khabar-khabar angin yang rasa kurang bertanggungjawab. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Saya pun sudah bincang dengan beberapa pakar mengenai perkara ini dan suruhanjaya yang dilantik oleh Menteri tiga orang masyarakat India...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Soalan saya *simple* sahaja sudah baca atau belum?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya ada bincang dan tiga orang yang pakar yang dilantik dalam suruhanjaya itu telah tarik keluar. Jadi ertinya tidak ada sokongan sebulat suara. Jadi walaupun tarik keluar dan masyarakat pun tidak mahu buku ini digunakan tetapi Menteri masih mahu juga menggunakan. Jadi ini ialah satu program ataupun satu buku yang tidak sebenarnya wajar dan tidak memberi apa-apa manfaat kepada murid-murid dan juga rakyat Malaysia. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Selepas itu diminta bersedia Haji Ahmad Rusli

■1210

12.10 tgh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahir rahmaniir rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia Nya juga telah memungkinkan saya berucap dalam Dewan yang mulia ini bagi menjunjung kasih Titah Al-Wathiqu Billah Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Sesungguhnya saya amat berterima kasih dan berasa amat bertuah kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan terima kasih secara peribadi ke atas Seri Paduka Baginda yang telah sudi mencemar duli untuk merasmikan dan menyampaikan Titah Perasmian di Persidangan Penggal Keempat Parlimen Kedua Belas pada 7 Mac 2011 yang lalu. Pantun saya Tuan Yang di-Pertua:

*Salam dihulur penuh terhormat,
Budi disanjung mengikut adat,
Tuanku dirgahayu penuh berdaulat,
Titah dijunjung segenap rakyat.*

Titah yang mulia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda banyak menyentuh pelbagai inisiatif yang telah dirangka dalam Model Baru Ekonomi (MBE) merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Aktiviti Ekonomi Utama Nasional atau (NKEA), Enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), hubungan antarabangsa Ops Pyramid, Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh serta lainnya. Ucapan Menjunjung Kasih Titah Perasmian Seri Paduka Baginda ini dan izinkan saya menyentuh beberapa perkara penting yang menjadi pemacu ke arah negara maju berpendapatan tinggi dalam menuju ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan ini saya juga ingin menghulurkan jutaan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana sekali lagi diberi mandat oleh rakyat Sarawak selepas menang 2/3 sekali gus meletakkan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin diambang terbaik untuk memimpin negara di masa hadapan. Tahniah juga kita kepada Ketua Menteri Sarawak dan rakan-rakannya yang telah pun mengangkat sumpah baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai cabaran ekonomi terbuka dalam mencapai Wawasan 2020. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan konsep 1Malaysia, terdapat golongan yang mempertikaikan di mana kedudukan orang Melayu dalam konsep 1Malaysia itu. Wujud kebimbangan-kebimbangan tentang sejauh manakah kedudukan ekonomi mereka dapat dipertahankan di bawah konsep ini serta sebanyak manakah ruang dan peluang yang mampu diberi kepada mereka melalui konsep ini.

Hal ini tentu lebih dibimbangi apabila Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi dimansuhkan dan banyak dasar liberalisasi diperkenalkan. Semua ini membuatkan orang Melayu lebih bimbang daripada bangsa-bangsa lain. Teraju ditubuhkan untuk melindungi kepentingan bumiputera dalam hal ehwal ekonomi. Saya melihat ini dari sudut positif kerana kepentingan bumiputera tetap dijaga malah tetap berfungsi dan Teraju bakal menjadi paksi menyokong kedudukan ekonomi Bumiputera. Mohon bertanya Tuan Yang di-Pertua, mekanisme Teraju dalam visi dan misinya, *target group* dan bagaimana Teraju bakal menangani masalah *urban poverty* di mana RM3,000 ditaksirkan sebagai *benchmark* kemiskinan bandar.

Seterusnya mengenai dengan isu negara berpendapatan tinggi. MBE yakni Model Baru Ekonomi ke arah menjana Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi di mana ianya bertujuan untuk menjadikan negara dengan penduduk berpendapatan sekitar RM48,000 setahun dari RM21,000 setahun sekarang ini. Defisit bajet kerajaan disasarkan dikurangkan daripada 5.3 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini kepada 2.8 peratus pada 2015.

Jumlah hutang dijangkakan menurun daripada 52.9 peratus dalam KDNK tahun ini kepada 49.9 peratus menjelang 2015.

Cabaran utama bagi merealisasikan sasaran ini ialah kesediaan kerajaan untuk sebenarnya mempercepatkan pembaharuan yang diperlukan. Kerajaan sebelum ini menanggungkan pelaksanaan pemansuhan subsidi serta pengecualian cukai barangan dan perkhidmatan GST selepas bantahan daripada orang ramai. Saya berpendapat kerajaan perlu meneruskan pembaharuan fizikalnya bagi mencapai nilai bagi wang yang lebih baik untuk perbelanjaan kerajaan dan mengembangkan asas pendapatan menerusi GST dan saya juga ingin bertanya bagaimana kerajaan bakal mengatasi isu lambakan pendatang tanpa izin (PATI) yang kebanyakannya *unskilled* dan *semi skill workers* yang tidak bertepatan dengan menjana pendapatan melalui sumbangan pakar *unskilled workers* luar negara dan peranan Talent Corporation sendiri dalam menarik pakar luar berkhidmat menyumbang kemahiran di Malaysia.

Bagi menarik FDI, Rancangan Malaysia Kesepuluh menawarkan penambahbaikan material dalam persekitaran perniagaan bagi pelaburan swasta termasuk langkah-langkah untuk meliberalisasikan ekonomi dan kecekapan sektor awam lebih baik dengan menyelaraskan proses birokratik dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan aliran FDI ke atas ekonomi kita. Tanpa ekonomi terbuka begitu kita tidak mungkin dapat menarik pelaburan penting dalam bidang seperti pembuatan, minyak dan gas serta dalam sektor teknologi tinggi berinisiatif modal.

Pelaburan-pelaburan FDI ini membantu ekonomi kita pulih daripada krisis kewangan Asia apabila keadaan pasaran global membolehkan kita membebaskan diri daripada kegawatan. Saya menyokong MIDA yang bakal diperbadankan yakni *corporation*, di mana fungsi, visi dan misinya bakal berubah dan bakal menjana lebih FDI di samping mempunyai organisasi pengurusan yang lebih sistematik dan mengelakkan kerenah birokrasi. Saya mohon bertanya jumlah FDI bagi suku pertama 2011 berbanding suku yang sama 2010. Terdapatkah peningkatan, siapakah rakan dagang antarabangsa yang utama sekarang dan berapakah jumlah dan prestasi nilai dagangan dengan negara Jepun yang teruk dilanda bencana alam baru-baru ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 2020 Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) perkapita negara dijangka akan berada pada tahap RM46,000 yakni USD15,000 berbanding dengan RM23,000 atau USD7,500 pada tahun 2010. Seramai 27 orang penduduk telah berjaya menghasilkan seramai 22 orang *billionaire* Dalam konteks ini pihak swasta adalah pemandu *and driver* pada pembangunan ekonomi untuk sepuluh tahun mendatang ini.

lanya perlu kerana ketidakseimbangan dari segi pendapatan antara dan *intra* kaum. Tambah lagi struktur antara kelas elit dan golongan bawahan semakin runcing. Sejak merdeka pada tahun 1957, kelompok 20 peratus ke atas telah meraih manfaat dan pertumbuhan ekonomi berbanding 40 peratus kelompok terbawah.

Menurut laporan Majlis Penasihat Negara atau NEAC, kelompok terbawah mengalami purata pertumbuhan pendapatan paling perlahan dan menerima kurang dari RM1,500 sebulan pada tahun 2008. Aliran pendapatan sepanjang sepuluh tahun lalu menunjukkan bahawa hampir 34 peratus daripada 1.3 juta pekerja memperoleh kurang RM700 sebulan sedangkan garis kemiskinan adalah RM720 sebulan. Pada pandangan kementerian, bolehkah kita mencapai pertumbuhan ekonomi dalam keadaan ekonomi dunia kini yang masih tidak menentu. Mengikuti rekod sejak merdeka, KDNK pada harga sebenar meningkat sekitar 6.5 peratus setahun bagi tempoh 1957 hingga 2005.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kita sering didedahkan oleh media masa berkaitan aduan awam mengenai isu pencemaran persekitaran, perumahan, tempat ibadat, perparitan, sungai, laut, air dan udara. Isu-isu pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan kualiti hidup manusia malahan turut merencatkan usaha kerajaan dalam mencapai aspirasi nasional untuk membentuk sebuah negara berpendapatan tinggi.

■1220

Apatah lagi sejak kebelakangan ini kita sering dikejutkan dengan peningkatan penyakit demam denggi, jangkitan virus *Leptospirosis* yang telah meragut nyawa orang ramai dan pelbagai jenis penyakit yang lain. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita 308 pelatih Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur iaitu PULAPOL telah di kuarantin berikutan penularan virus *Adeno* yang telah meragut nyawa dua pelatih. Selain daripada itu peningkatan kes demam denggi dan jangkitan pelbagai virus berbahaya ini adalah petunjuk jelas bahawa amalan kebersihan di negara ini tidak dipandang serius sesetengah masyarakat dan hukuman serta denda sudah tidak dihiraukan oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa agar kempen kebersihan dan budaya hidup dilancarkan secara menyeluruh di setiap negeri bagi memupuk sikap membudayakan kebersihan di kalangan masyarakat yang menjadikan kebersihan sebagai rutin kehidupan. Bersesuaian dengan firman Allah SWT. dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 222 yang bermaksud; "*Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa menyucikan diri*". Kebersihan adalah amat dituntut oleh Islam, namun dalam kajian sebuah syarikat penyelidikan antarabangsa telah mengenal pasti 25 negara paling bersih di dunia antaranya ialah Switzerland, Sweden, Norway, Finland, Jerman, Jepun, Denmark dan Perancis.

Apa yang ingin saya persoalkan di sini ialah mengapakah tidak ada satu pun negara Islam menduduki tangga tersebut sedangkan prinsip kebersihan di dalam Islam seperti yang ditekankan di dalam berwuduk dan bersuci dalam ibadat sepatutnya dihayati dan dijadikan budaya di dalam aktiviti kehidupan seharian.

Ironinya kebanyakan masjid tidak begitu mengambil berat perihal kebersihan terutamanya tandas, sehingga menyebabkan ramai orang lebih gemar memilih untuk bersolat di stesen minyak atau R&R serta kerana keadaan surau dan tandas yang lebih selesa dan bersih. Perkara sebegini tidak sepatutnya timbul memandangkan masjid adalah rumah Allah dan sepatutnya dijaga dengan rapi dan meletakkan kebersihan sebagai asas utama memandangkan Islam amat mencintai kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar JAKIM merangka satu sistem pengurusan masjid secara lebih sistematik yang bertanggungjawab mengawal selia semua aspek pentadbiran masjid dengan memastikan keadaan kebersihan terutama tandas sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. JAKIM juga perlu melakukan pemantauan secara berterusan untuk memastikan jawatankuasa yang dilantik sentiasa proaktif dalam menjalankan tugas-tugas mengimarahkan masjid agar persekitaran masjid benar-benar selari dengan tuntutan Islam itu sendiri. Saya percaya langkah yang ini amat bersesuaian dan bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai hab halal dunia dan sekali gus menyokong konsep Islam Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan perbahasan dengan menyentuh pula mengenai isu kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang kini dirasakan semakin kurang penggunaannya, meskipun mengikut Perkara 152, dalam Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu perlu digunakan di dalam segala urusan rasmi di peringkat kebangsaan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa awam. Namun setelah lebih setengah abad merdeka, peruntukan itu belum terlaksana sepenuhnya malah belum mencapai tahap yang cukup memuaskan. Umpamanya di tepi-tepi jalan terlalu banyak kesalahan dari segi ejaan yang digunakan, umpamanya "lebuhraya" sepatutnya dijarakkan tetapi disambungkan dan sebagainya.

Bahasa Melayu sewajarnya diletak dan digunakan mengikut standard yang telah ditetapkan. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan adakah kementerian bercadang untuk melakukan semakan secara menyeluruh terhadap setiap tanda jalan dan tanda niaga. Inisiatif ini sangat perlu diperluaskan bagi memastikan aspek ejaan dan bahasa yang digunakan benar-benar mengikut standard bahasa Melayu.

Saya juga ingin mencadangkan agar setiap remaja tanpa mengira bangsa yang tidak fasih bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu haruslah menjalani kursus untuk mendalami bahasa Melayu secara intensif supaya bahasa Melayu terus subur penggunaannya dan diterima pakai oleh setiap generasi.

Memandangkan bermula tahun ini seterusnya sesi pengajian di IPTA akan bermula pada bulan September, saya mencadangkan agar masa yang terluang digunakan sebagainya oleh DBP untuk mendekati dan mengenal pasti pelajar lepasan SPM khususnya yang tidak mahir menggunakan bahasa Melayu. Program yang dijalankan hendaklah program yang berbentuk mesra rakyat iaitu program turun padang yang pergi terus kepada rakyat dan saya percaya inisiatif ini akan dapat memupuk sikap kesabaran dan keterlibatan remaja secara langsung dalam mengguna pakai bahasa Melayu.

Saya juga menggesa agar satu langkah proaktif diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memperkasakan bahasa Melayu. Ke arah itu saya ingin mencadangkan agar DBP dapat merangka strategi yang lebih praktikal dan melakukan transformasi secara terancang bagi memungkinkan proses pembudayaan dan penyerapan bahasa Melayu diterima baik di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan kurikulum baru sekolah rendah bermula sesi 2011 terdapat kira-kira 500,000 murid Tahun 1 diperkenalkan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yakni KSSR. KSSR akan dilaksanakan sehingga lengkap satu pusingan pada tahun 2016. Kurikulum baru ini adalah penambahbaikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yakni KBSR dan ia akan memberikan penekanan kepada pendekatan pembelajaran secara langsung di samping keupayaan berbahasa serta pembelajaran berasaskan projek, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran.

Isu yang saya ingin bangkitkan di sini adalah apakah sebenarnya kelainan yang diperkenalkan, kenapakah wujudnya masalah kesilapan di dalam buku bahasa Inggeris baru-baru ini dan bagaimanakah ia ditangani. Saya juga ingin tahu sejauh manakah kajian dijalankan sebelum KSSR ini dilaksanakan dan apakah matlamat KSSR ini. Kita ingin melihat selepas lengkap satu pusingan ini, KSSR pada tahun 2016 dapat generasi anak-anak yang terdidik dengan sistem ini dapat lahir sebagai modal insan yang mempunyai jati diri yang tinggi dan mampu memenuhi keperluan negara maju yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai isu pendidikan, antara topik hangat yang diperkatakan sekarang ini ialah guru sandaran dan guru kontrak, saya ingin meminta supaya pihak Kementerian Pelajaran membuka ruang yang luas kepada guru berkenaan supaya permasalahan mereka untuk meneruskan kehidupan sebagai pendidik dapat diteruskan dan kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih besar bagi memastikan mereka mendapat tempat sebagai guru tetap demi masa depan pendidikan negara.

Isu buku teks *Interlok* juga masih belum ditemui penyelesaiannya biarpun ia sudah dianggap selesai namun isu ini tetap diperbesarkan dan dipolitikkan. Bila sudah masuk isu politik pelbagai perkara diluahkan, saya berpendapat masih banyak lagi buku atau novel yang lebih panas daripada *Interlok* yang perlu dilihat. Setiap novel ada jalan ceritanya, ada nilai-nilai itu sendiri dan isu-isu yang dibincangkan serta mempunyai motifnya tersendiri dan kita akan belajar daripada jalan ceritanya, baik dan buruk kita akan tahu bukan untuk dipolitikkan.

Oleh itu kerajaan perlu bijak menangani masalah ini kerana setiap yang dilaksanakan perlu dipastikan tidak ada hubung kait dengan perkauman, malah apa yang terjadi, saya lihat iaitu dalam buku *Interlok* itu adalah bahan sejarah sebelum merdeka lagi, ia tidak perlu dipolitikkan kerana itulah hakikat sebenarnya yang berlaku kepada masyarakat kita sebelum, semasa dan selepas merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara membangun, Malaysia sebenarnya telah banyak menghasilkan dan mengeluarkan pelbagai barangan produk sendiri seperti produk makanan, pakaian, aksesori dan pelbagai jaringan produk termasuk juga kenderaan dan barangan keluaran tempatan adalah setanding dengan produk luar dari segi kualitinya, malahan sesetengah produk keluaran negara kita dijamin lebih baik lagi. Pada masa ini kita melihat lambakan barangan dari luar negara terutamanya barangan dari negara China contoh yang paling ketara kalau kita berkunjung ke pasar malam, gerai-gerai di *Uptown* dan *Downtown* di sekitar Lembah Klang sangat ketara barangan-barangan dari negara China yang berada di situ. Saya hendak tanya apakah dasar kerajaan terhadap kemasukan barangan-barangan sebegini ke dalam pasaran negara kita.

■1230

Apakah peranan kerajaan dalam melindungi rakyat sebagai pengguna? Sejauh manakah kerajaan memainkan peranan untuk melindungi rakyat daripada terus didedahkan dengan barangan sebegini? Kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas dan proaktif dalam melindungi hak pengguna terutamanya pengguna dari golongan kelas pertengahan dan ke bawah yang merupakan pengguna barangan ini. Di samping itu, kerajaan juga perlu tegas dalam menangani isu lambakan barang luar negara yang tidak berkualiti ini.

Di sini saya ingin mencadangkan agar kerajaan menghidupkan semula Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia secara lebih agresif bagi menggalakkan belian barangan Malaysia. Pastikan kempen ini diadakan di media massa, televisyen, surat khabar dan juga di pasar-pasar raya. Selain menjana ekonomi negara dan merencanakan produktiviti negara, kempen ini secara tidak langsung mendidik pengusaha dari negara kita meningkatkan keupayaan pengusaha tempatan dalam pengeluaran barangan dan meningkatkan kualiti barang yang dihasilkan supaya setanding atau menyaingi barang dari luar.

Kempen ini juga akan meningkatkan sokongan masyarakat negara kita terhadap barangan tempatan untuk menentukan jatuh dan bangun industri serta juga barang tempatan dan dapat menghidupkan industri tempatan dengan melipatgandakan usaha untuk mengekalkan industri mereka. Melebarkan perniagaan dan menambahkan baik mutu barangan yang dikeluarkan dengan harapan dapat memuaskan hati pengguna. Ia juga dapat menyokong industri tempatan, bermakna kita dapat menyumbang ke arah kemantapan ekonomi negara pada pelbagai aspek termasuklah peluang pekerjaan yang dapat dinikmati oleh penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan isu sekolah tahfiz. Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini sekolah tahfiz tumbuh seperti cendawan. Tidak dinafikan wujudnya sekolah di bawah kelolaan kementerian dan Jabatan Agama Islam Negeri. Namun saya ingin ketengahkan di sini berkaitan sekolah tahfiz yang tidak berdaftar. Sekolah-sekolah tahfiz persendirian ini kebiasaannya mempunyai lebih kurang 30 orang murid dan ke atas. Sekolah-sekolah tahfiz persendirian atau swasta ini tidak mempunyai prasarana dan fasiliti yang mencukupi serta sempurna, guru yang tidak terlatih dan benar-benar layak atau tidak ada pemantauan dan kawal selia terhadap sekolah. Sekolah-sekolah tahfiz ini ditakuti bertentangan dengan akidah atau tidak mengikut amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah atau mana-mana fahaman yang dibenarkan di bawah undang-undang kita.

Pada masa ini ramai ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah tahfiz kerana yakin bahawa pendidikan agama ini dapat melahirkan anak yang soleh dan solehah, berakhlak mulia dan berintegriti. Namun ramai ibu bapa yang menghadapi masalah mencari sekolah maahad tahfiz yang sesuai. Tidak dinafikan ada yang berkualiti tetapi kemasukan adalah terhad dan murid-murid yang gagal memasukinya terpaksa mencari tahfiz swasta yang lain di mana sesetengahnya tangkap muat sahaja asalkan sekolah dinamakan madrasah tahfiz Al-Quran sedangkan kualiti sekolah dari segi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung ya. Empat minit lagi masa untuk Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri atau gabungan dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain bagi memantau dan mengawal sekolah tahfiz di seluruh negara. Selain itu kita mahukan agar badan ini bertindak sebagai rujukan di mana sekiranya ibu bapa ingin menghantar anak ke mana-mana sekolah tahfiz persendirian ini ada tempat untuk merujuk sebarang kemusykilan dari segi akidah dan juga *syllabus* serta prosedur pentadbiran sekolah tahfiz persendirian ini. Selain itu juga meminta kerajaan mengadakan kerjasama dengan agensi bukan kerajaan bagi membangunkan dan memartabatkan maahad tahfiz di negara ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini cerita tentang kanak-kanak didera dan kes pembuangan bayi semakin menjadi-jadi. Kes-kes penderaan sering dilakukan terhadap bayi dan kanak-kanak yang telah dikenal pasti oleh JAKIM ialah kes buang bayi terdampar, diabaikan, fizikal seksual, emosi, psikologi serta sumbang mahram. Malah penderaan ini telah menyebabkan kematian kepada kanak-kanak. Justeru perlindungan terhadap kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi adalah aspek penting yang perlu diberi keutamaan.

Secara dasarnya, kita mempunyai dokumen dan perundangan sebagai panduan untuk menangani isu penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi di negara kita. Kita mempunyai dasar perlindungan kanak-kanak yang menggariskan hak dan menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001.

Selain itu kita juga mempunyai modal dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Negara yang menggariskan strategi dan aktiviti untuk mencegah dan bertindak balas terhadap pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak. Meskipun dasar serta polisi dan Pelan Tindakan Perlindungan telah wujud, persoalan sekarang kenapakah ia masih belum dapat menurunkan jumlah statistik setiap tahun. Kita ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah terajunya, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil yang melaksanakan pelbagai program pencegahan juga penguatkuasaan untuk membantu mengurangkan pembuangan bayi dan juga aspek *advocacy* kerana iklan-iklan di televisyen serta media massa yang mendidik masyarakat tentang isu perlindungan kepada kanak-kanak.

Dalam aspek ini, khidmat sokongan kerajaan telah memainkan peranan dengan menjadikan *one-stop crisis centre* (OSCC) di hospital-hospital menyediakan rumah-rumah perlindungan dan lain-lain. Namun kebanyakan khidmat sokongan ini hanya terdapat di kawasan bandar. Justeru, saya sarankan agar khidmat sokongan ini juga disediakan di kawasan luar dari Kuala Lumpur yakni luar bandar agar mereka yang terlibat dengan keganasan dan penderaan serta kes-kes pembuangan bayi ini dapat diberi pertolongan dan bantuan yang sewajarnya dalam aspek termasuk moral dan kewangan.

Berhubung dengan itu, saya sarankan kementerian mengadakan kerjasama yang lebih dalam menjalankan kajian tentang aspek penderaan, memahami yang mendera. Selain itu pengumpulan data yang tepat adalah aspek yang penting bagi menangani masalah ini. Selain daripada itu, diharapkan kementerian juga dapat bekerjasama dengan pihak NGO untuk turun padang dan menemui masyarakat terutamanya mengunjungi sekolah-sekolah dalam proses memberi pendidikan kepada rakyat dalam aspek hak dan perlindungan kanak-kanak.

Kita juga menyeru agar semua pihak memahami hakikat tanggungjawab untuk menangani gejala sosial perlu dipikul oleh semua pihak. Semua pihak perlu berganding bahu dan merealisasikan hasrat negara untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bertamadun, agresif dalam mencapai Wawasan 2020 yang menjadi kunci kepada transformasi pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, boleh satu sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua?

Pergi ke pasar membeli cendawan,

Cendawan dimasak oleh Cik Sukarti;

Tuan Yang di-Pertua manis menawan;

Lembut suaranya menusuk hati.

Saya sambung sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada pantun pun saya minta kerjasama juga ya.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat akan turut berbahas.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ya, saya sambung sedikit ya mengenai dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Boleh ya Tuan Yang di-Pertua? Saya juga mengambil kesempatan untuk menyentuh berkenaan pelajar-pelajar kita yang pulang dari tiga negara-negara di Timur Tengah yang bergolak iaitu Mesir, Yaman dan Libya. Sebahagian dari pelajar telah pulang semula ke universiti masing-masing dan sebahagiannya bercadang menyambung pelajarannya di sini. Kita berterima kasih kepada semua kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat yang telah mengambil inisiatif untuk menghantar anak-anak pelajar kita ini pulang.

Saya hendak bertanya di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan kerajaan dalam membantu pelajar-pelajar bukan sahaja dari Mesir tetapi dari Libya dan Yaman di negara-negara teluk yang bergolak ini yang berhasrat untuk menyambung pelajaran di universiti tempatan. Sejauh manakah kementerian membantu mereka untuk mendapatkan tempat di universiti tempatan, IPTA dan IPTS seperti UIA, UKM, UM, dan universiti-universiti yang menawarkan kursus-kursus yang bersesuaian dengan mereka?

Saya difahamkan ramai pelajar berhasrat untuk tidak kembali ke negara bergolak tersebut kerana takut mengancam nyawa. Contohnya pelajar dari Yaman di mana sebahagian mereka sudah berada dalam Tahun Tiga Pengajian Syariah, Pengajian Islam dan sebagainya. Sekiranya tidak disediakan tempat untuk mereka menyambung pelajaran, alangkah ruginya kita kerana pelajar ini adalah aset negara dan modal insan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kerana memberi ruang masa kepada saya. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

■1240

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim.

12.40 tgh.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian. Pertama sekali saya menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah Taala khususnya di atas kesempatan Tuan Yang di-Pertua memberikan suatu ruang untuk saya mengemukakan beberapa pandangan di atas kesempatan untuk menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada persidangan ataupun pembukaan Parlimen kita yang lalu.

Daripada titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita lihat suatu *vision* dan juga pengharapan kepada kerajaan serta meletakkan suatu asas yang kukuh untuk membina satu tamadun yang lebih baik khususnya kepada rakyat jelata yang ada di dalam negara kita pada hari ini. Daripada ucapan beberapa rakan dan juga sahabat sebelum daripada ini, pada hari ini saya cuba mengambil bahagian di dalam beberapa isu yang saya rasakan ianya perlu diketengahkan di samping suatu asas yang kukuh telah pun diletakkan oleh kerajaan sebelum daripada ini.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan keadaan ataupun suasana yang kita alami secara khusus pada hari ini untuk membanteras keluarga ataupun isi rumah miskin tegar dan juga keluarga miskin. Saya telah pun membaca dan mendengar ucapan dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dan jawapan bertulis di atas soalan lisan yang dikemukakan pada 18 hari bulan iaitu kelmarin, bersabit dengan miskin dan juga miskin tegar ini.

Daripada jawapan secara bertulis daripada pihak kerajaan, meskipun kesungguhan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, saya rasa ianya perlu dipertingkatkan lagi kerana data yang kita perolehi daripada pihak kerajaan sendiri yang telah pun menyatakan pada 31 Disember 2010 dan data juga telah dikeluarkan pada 31 Mac 2011 menampakkan kepada kita suatu kebimbangan di dalam tiga bulan terakhir ini iaitu kedudukan keluarga miskin dan miskin tegar di dalam negara kita. Ini adalah satu fakta yang mana telah menunjukkan bahawa miskin tegar yang ketua isi rumahnya kurang daripada 60 tahun sejumlah 6,832 dan telah pun meningkat pada 31 Mac 2011 dengan angka hampir 9,000. Ini fakta. Keluarga miskin tegar yang melebihi 60 tahun angkanya ialah 1,654 dan meningkat kepada angka 2,230.

Daripada keluarga miskin yang kurang daripada 60 tahun, 66,884 dan meningkat hampir 80,000. Yang melebihi 60 tahun daripada angka 25,000 pada 31 Disember 2010 telah meningkat kepada hampir 27,000. Jawapan daripada kerajaan pada 18 April ini telah menampakkan suatu keadaan yang membimbangkan kita.

Ucapan ini Tuan Yang di-Pertua, bukanlah bermaksud untuk menyatakan bahawa kerajaan tidak berusaha ke arah mempertingkat serta membanteras persoalan ini, tetapi apa yang saya hendak kemukakan di sini adalah ini. Misalnya dari usaha kerajaan untuk mengadakan serta mewujudkan rumah mampu milik kepada rakyat miskin. Pada hari ini kerajaan telah meletakkan suatu dasar bahkan telah mewujudkan suatu rundingan dengan pihak bank perdagangan, *commercial bank* dengan izin, untuk mendapatkan pinjaman sejumlah hampir RM200,000 bagi menyelamatkan rakyat dan juga pegawai kerajaan untuk memperoleh rumah mampu milik ini.

Kita faham, tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat. Kepada pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan sendiri bahkan sebahagian besar daripada rakyat di dalam negara kita ini, sekiranya pendapatan mereka ini lebih kurang RM2,000 sebulan, saya penuh yakin dan percaya dengan dasar dan juga kemudahan pinjaman berjumlah RM200,000 rumah mampu milik ini, saya yakin dan penuh percaya kepada kakitangan kerajaan akan gagal memperoleh pinjaman ini bahkan akan menanggung suatu beban kewangan yang cukup tinggi selama berpuluh-puluh tahun untuk menyelesaikan pinjaman ini.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan dalam Dewan yang mulia ini, bersekali dengan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meskipun dasar telah pun diletakkan oleh pihak kerajaan tetapi dari segi penguatkuasaan oleh pihak kementerian terutama sekali daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta penguasa-penguasa tempatan sendiri hendaklah melaksanakan suatu *enforcement* ataupun penguatkuasaan secara khusus supaya ianya berkesan dengan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberikan satu contoh di dalam Dewan ini. Pembangunan tanah yang mempunyai keluasan melebihi daripada lima ekar ataupun 10 ekar yang dikemukakan oleh pemaju-pemaju perumahan kepada penguasa-penguasa tempatan misalnya. Saya hendak bertanya di dalam Dewan yang mulia ini, sejauh manakah kerajaan memastikan setiap pemaju perumahan yang telah mengemukakan cadangan pembangunan kepada penguasa-penguasa tempatan ini untuk memastikan pembinaan 30 peratus yang terdiri daripada perumahan kos rendah yang perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju perumahan?

Dasar memang ada Tuan Yang di-Pertua. Kita faham Tuan Yang di-Pertua dasar telah jelas dikemukakan oleh pihak kerajaan tetapi penguatkuasaan terhadap pemaju perumahan bagi memastikan 30 peratus adalah merupakan satu tanggungjawab sosial dan tanggungjawab wajib daripada pemaju perumahan untuk melaksanakan perumahan kos rendah. Saya yakin ianya tidak dipatuhi oleh sebahagian besar daripada pemaju-pemaju perumahan yang ada di dalam negara kita ini.

Oleh hal yang demikian Tuan Yang di-Pertua, selagi perkara ini tidak dapat ditegaskan dan penguatkuasaan oleh pihak penguasa tempatan tidak dapat ditegaskan dalam soal ini, maka selagi itulah kita tidak dapat mengatasi persoalan rumah kos rendah yang menjadi satu permintaan yang cukup tinggi di kalangan rakyat jelata di dalam negara kita ini.

■1250

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah merujuk kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam majlis perasmian tempoh hari telah menyatakan bahawasanya negara kita ini sedang berkembang dan telah mengingatkan sebahagian daripada rakyat dan seluruh rakyat kita ini supaya berawas terhadap kenaikan harga barangan di dalam negara kita. Daripada jawapan pihak Menteri sebelum daripada ini telah menyatakan usaha yang gigih telah pun dilaksanakan dalam usaha kita mengawal barangan di dalam negara kita ini. Maknanya kenaikan harga barangan bukan sahaja bertumpu kepada kenaikan harga barangan makanan di dalam negara tetapi juga bertumpu kepada keseluruhan harga barangan yang menjadi sebahagian besar daripada tuntutan yang memberi kesan kepada kenaikan terutama sekali kos pembinaan perumahan di dalam negara kita ini.

Sekali lagi saya nak tumpukan ucapan saya ini Tuan Yang di-Pertua, terhadap penguatkuasaan serta saya pohon jasa baik daripada pihak kerajaan yang setakat ini hanyalah memantau beberapa harga barangan makanan yang bertumpu terhadap gandum, gula, minyak dan sebagainya, beberapa jenis barangan makanan. Apakah boleh melalui Dewan yang mulia ini, saya nak kemukakan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan terus melanjutkan ataupun memperluaskan lagi pengawalan terhadap harga barangan makanan di dalam negara kita ini kerana pada hari ini kita lihat suatu beban yang cukup tinggi yang dirasai bukan sahaja di kalangan kakitangan kerajaan, rakyat yang miskin dan miskin tegar bahkan sebahagian daripada Ahli Dewan Negara kita juga terasa tempias dengan kenaikan harga barangan ini.

Rakyat seolah-olahnya memanjat suatu tiang yang licin. Cuba nak panjat Tuan Yang di-Pertua, gelongsor balik, cuba nak panjat tetapi gelongsor balik. Maka kita perlu suatu tindakan yang tegas daripada pihak kerajaan ataupun mohon izin daripada pihak kerajaan supaya memperluaskan lagi skop pengawalan harga barangan ini. Jawapan daripada pihak kerajaan sebelum daripada ini, misalnya harga barang makanan.

Kenaikan harga bawang di dalam negara kita ini adalah berpunca daripada fenomena alam, bencana yang berlaku di negara India misalnya, kekurangan sumber bahan makanan daripada negara pengeluar, ancaman musuh, bencana alam di negara India, kesannya harga bawang naik dalam negara.

Kita boleh terima tetapi kita memerlukan suatu sokongan daripada pihak kerajaan untuk memperluaskan bidang ini supaya kesan kenaikan harga barangan makanan ini tidak dapat dirasakan, paling tidak supaya dapat dikurangkan kesan dan juga tempas kenaikan harga barang ini. Masa dulu Tuan Yang di-Pertua, kita bawa duit RM100 pergi ke *supermarket*, kita boleh bawa penuh balik satu beg dengan nilai RM100, kita boleh bawa balik ke rumah dengan senang hati RM100. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, bawa RM100, separuh beg pun tidak boleh kita bawa balik ke rumah.

Ini bererti bahawa kenaikan harga barangan itu cukup berkesan. Meskipun kerajaan kita menaikkan upah ataupun gaji kakitangan kerajaan tetapi dengan kenaikan harga barangan ini tidak mampu dengan kadar kenaikan gaji yang dialami oleh pegawai kerajaan. Apatah lagi mereka-mereka yang tidak mempunyai suatu pendapatan asas yang cukup kukuh untuk menampung kenaikan harga barangan ini. Begitu juga kenaikan harga barangan bukan makanan yang memberi kesan, yang juga memerlukan suatu tindakan yang berkesan. Sekali lagi saya nak pohon kerajaan supaya mengadakan suatu tindakan yang berkesan misalnya kenaikan harga rumah ini cukup mendadak.

Pada peringkat awal dulu pemaju perumahan mengenakan kenaikan harga rumah yang begitu tinggi dengan asas kononnya bahawa kenaikan harga besi. Pada masa itu harga besi lebih kurang menjangkau RM6,500 per tanpa, selepas itu harga besi turun balik kepada RM4,500 per tan tetapi harga rumah tidak turun-turun Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini harga besi tak sampai RM3,000 per tan, harga rumah tidak turun-turun, harga rumah tetap naik. Saya pohon jasa baik daripada kerajaan campur tangan. Oleh sebab itu saya mengatakan bahawasanya rakyat seolah-olah memanjat suatu tiang yang licin. Cuba nak naik tetapi turun, cuba nak naik tetapi turun.

Maka sampai bila rakyat kita terpaksa memanjat suatu tiang yang cukup licin, yang tidak mampu digalas beban yang dirasakan oleh rakyat jelata di dalam negara kita ini? Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga saya nak sebutkan di dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua ialah *beyond* daripada *political thinker*. Pohon izin, saya nak bercakap ini bukan atas asas politik tetapi saya nak bercakap ialah di luar daripada skop itu. Bukan atas asas mewakili daripada parti-parti tertentu tetapi saya nak memikirkan, membuka Dewan ini supaya kita boleh bermuhasabah terhadap permasalahan yang timbul di dalam negara kita ini kerana ianya merupakan suatu tanggungjawab bersama di kalangan kita.

Saya terpanggil Tuan Yang di-Pertua, apabila saya terbaca suatu keratan akhbar. Di hadapan saya ini satu keratan akhbar yang dikeluarkan bertarikh 21 Mac 2011. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, mata pun kurang sekarang tetapi oleh kerana semangat dan momentum saya pada tengah hari ini cukup baik, saya nak bercakap dengan cukup tenang. 21 Mac 2011, tajuk akhbar nya ialah, "*Anak Tak Sah Taraf Cecah 234,647 Orang*". Angka 234,647 orang anak luar nikah ini suatu angka yang cukup besar Tuan Yang di-Pertua, peningkatan tahun ke tahun cukup meningkat.

Maka kita sebagai Ahli Dewan ini, di dalam Dewan yang mulia ini kita perlu bermuhasabah dan pihak kerajaan juga perlu bermuhasabah dengan keruntuhan moral yang berlaku di dalam negara kita ini cukup hebat. Maka persoalannya, kita pohon daripada pihak Jabatan Perdana Menteri, pihak JAKIM, Jabatan Agama Islam serta berbagai-bagai kementerian yang bersangkutan dengannya, yang berkaitan dengannya. Kementerian Penerangan yang menyiarkan sumber berita dan juga berbagai-bagai bentuk hiburan dalam negara kita dan berbagai-bagai kementerian perlu bermuhasabah kerana angka ini adalah terlalu besar dan peningkatan ini bukan sahaja meningkat anak luar nikah tetapi kejadian serta masalah sosial yang lain juga turut meningkat di dalam negara kita ini.

Apa yang menarik perhatian kita Tuan Yang di-Pertua ialah peningkatan di kalangan orang Islam sendiri yang terlibat dengan anak luar nikah ini dan ini ialah memerlukan suatu perhatian yang cukup khusus daripada Jabatan Perdana Menteri, pihak JAKIM dan pelbagai pihak NGO dan sebagainya yang terlibat di dalam gerakan dakwah dan sebagainya supaya dapat kita menggembleng tenaga, supaya dapat kita mengatasi angka ini kerana angka ini adalah merupakan suatu angka yang cukup besar Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang keempat saya nak sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua ialah khusus kepada Kementerian Penerangan.

Kita berterima kasih dan kita juga sedar bahawasanya kewujudan Kementerian Penerangan yang ada adalah mengawasi seluruh pengawalan berita dan sebagainya yang wujud di dalam negara kita ini sama ada daripada segi media cetak, sama ada daripada segi surat khabar, majalah dan sebagainya ataupun TV, RTM, ASTRO dan sebagainya. Kita sedar peranan telah dimainkan oleh pihak kementerian kita tetapi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masih lagi terdapat perkara-perkara yang berlaku, yang dipaparkan di dalam akhbar-akhbar di dalam negara ini telah melambangkan suatu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa cukup, Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada pukul 2.30.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Insyallah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

■1430

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mengikut jadual di sini Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahahim telah berucap sebentar tadi dan kita minta Yang Berhormat sambung.

2.33 ptg.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahahim: Terlebih dahulu saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan kepada saya untuk menyambung sedikit lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada lebih kurang..., Yang Berhormat sudah cakup 20 minit tadi, teruskan.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, semasa saya telah berhenti berucap tadi saya telah memulakan ucapan saya untuk menyentuh Kementerian Penerangan dan Komunikasi. Apa yang menjadi harapan kepada kita dan juga setiap rakyat jelata dalam negara kita ini ialah supaya setiap pemberitaan yang dilaporkan sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik di dalam negara kita ini menggambarkan sesuatu fakta, paling tidak ianya akan memberikan suatu gambaran sebenar kepada rakyat, memberikan suatu pengharapan kepada rakyat dalam usaha kita menggembelng seluruh dan semua peringkat rakyat di dalam negara kita ini ke arah yang lebih baik.

Apa yang saya hendak menarik perhatian di dalam persidangan Dewan ini Tuan Yang di-Pertua ialah, akhir-akhir ini, kebelakangan ini kita lihat sering media elektronik dan juga media cetak di dalam negara kita ini telah meletakkan suatu sumber pemberitaan berunsur fitnah. Bukan sahaja menyerang di atas individu atau peribadi, pun izin Tuan Yang di-Pertua bukan bermaksud menyelamatkan sebilangan pemimpin sama ada politik ataupun kerajaan tetapi di atas sifat sebagai manusia Muslim, ianya mestilah berasaskan kepada satu perkara yang benar. Misal kata pada hari ini, orang akhbar pertama muka hadapan akhbar kita sering meletakkan dan telah meletakkan pemberitaan mengenai kes khalwat yang melibatkan pegawai tinggi kerajaan di muka hadapan.

Bukan bermaksud saya jauh sekali saya hendak menyelamatkan atau mengecam mana-mana pihak, tetapi di atas sifat sebagai manusia Muslim, pemberitaan ini adalah merupakan suatu sumber penderitaan yang belum tentu benar atau tidak benar.

Begitu juga dengan kes-kes yang lain. Pendakwaan oleh pihak SPRM bukan sahaja keluarga dan juga peribadi yang tertentu yang menanggung beban akibat daripada pemberitaan di muka hadapan akhbar. Bahkan saya juga yakin bahawa pegawai SPRM akan tertekan seolah-olah kehilangan kawan dan sahabat apabila meletakkan pemberitaan ini sebagai suatu berita besar.

Sedangkan kes ini belum lagi dibicarakan sama ada benar ataupun tidak benar. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dan kita baca di dalam surah Al-Baqarah ayat 191 kalau tidak silap saya, dan ayat 217 yang menyatakan... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maknanya fitnah itu lagi besar daripada membunuh. Kalau kita kaji dari segi asbabun nuzul ataupun sebab-musabab ayat itu diturunkan oleh Allah SWT dalam surah Al-Baqarah adalah jelas apabila terkeluar suatu pemberitaan daripada kaum musyrikin atau kaum kafir menyatakan bahawa Nabi Besar Muhamad SAW mengeluarkan suatu fatwa yang mengatakan, menghalalkan perang pada bulan Ramadhan. Sedangkan Nabi Besar Muhamad SAW tidak pernah mengeluarkan fatwa ini, tetapi fatwa ini telah disebar di kalangan tanah Arab yang menyatakan Nabi Besar Muhamad SAW telah menghalalkan perang pada bulan Ramadan. Maka dikeluarkan ayat ini, seolah-olah ayat ini merupakan suatu fitnah dan fitnah ini adalah lebih besar daripada dosa membunuh sesama manusia.

Oleh hal yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kepada saya ialah memohon jasa baik daripada Kementerian Penerangan dan pihak yang Berwajib supaya unsur-unsur fitnah yang dikeluarkan melalui media cetak dan juga media elektronik pada hari ini supaya dapat dikawal yang sekali gus akan memberikan suatu gambaran dan imej pemberitaan yang baik di dalam negara kita dan juga sekali gus mengaibkan sesama manusia adalah merupakan sesuatu yang tidak diizinkan oleh Allah SWT sehinggalah ianya diputuskan benar dan benar-benar bersalah. Adalah lebih baik pemberitahuan ini dikeluarkan setelah dijatuhi hukuman supaya memberikan iktibar kepada semua pihak dan semua rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini kita lihat misalnya pemberitaan mengenai video dan sebagainya. Ini adalah merupakan suatu pemberitaan yang di luar kawalan kita. Adalah lebih baik akhbar-akhbar dan juga media elektronik dalam negara kita ini memberikan suatu gambaran yang jelas pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri misalnya, mengenai hala tuju negara, transformasi ekonomi, transformasi dari segi teknologi di dalam negara kita di dalam kita melangkaui dan melangkah kepada masa hadapan di dalam negara kita daripada kita mengeluarkan suatu kenyataan sebegini.

■1440

Saya pohon daripada Kementerian Penerangan juga supaya dapat mengenal pasti inti pati secara lebih *detail* bentuk-bentuk hiburan yang dikeluarkan oleh TV-TV di dalam negara kita termasuk TV berbayar.

Akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat selepas Zohor pun kita tengok filem Indonesia, selepas Asar pun filem Indonesia, selepas Maghrib pun filem Indonesia, selepas Isyak pun filem Indonesia. Seheinggakan cucu saya pun sudah pandai cakap bahasa Indonesia, "*Atuk, bila mahu makan?*" Sudah pandai cakap Indonesia sekarang. Kebanjiran...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat. Silakan, dua minit lagi.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, kebanjiran filem-filem asing ini Tuan Yang di-Pertua perlu dikawal, termasuklah pemberian mengikut jam kepada industri perfileman dalam negara kita. Ini supaya kita menyelamatkan industri perfileman. Perlu kaji balik. Ada sesetengah syarikat yang tidak berwibawa ditawarkan sekian jam untuk bayaran bagi siaran kepada RTM dan sebagainya. Perlu dikaji semula kerana kita tahu ada syarikat yang tidak mampu, ia *sub* balik kepada syarikat yang mampu. Syarikat yang mampu pula terpaksa mengenakan bayaran yang rendah kepada ahli-ahli seni kita, pelakon dan juga artis-artis kita yang sekali gus akan menekan daripada 'A' sampai ke bawah. Oleh yang demikian bagi menyelamatkan industri perfileman dan juga penyiaran dalam negara kita ini, perlu kita membuat suatu garis panduan serta satu gerakan yang lebih berkesan.

Begitu juga peranan TV berbayar dalam negara kita ini. Akhir-akhir ini bil daripada Astro nampaknya telah menambahkan sedikit cukai pula di dalam setiap bil. Masa kena potong kita kena bayar balik, imbuhan kepada pemasangan balik siaran. Apabila kita bayar, tunggu empat hingga lima hari baru ia sambung balik. Bukan itu sahaja, ini tidak termasuk semasa cuaca buruk. Kita di kawasan pedalaman biasanya tidak dapat siaran sepenuhnya siaran Astro. Bermakna Astro sendiri dari segi tanggungjawab sosial dengan kata lain - kepada ia sahaja yang ia kira, kepada rakyat jelata ia tidak pernah kira. Ini kita kena kaji balik kerana Astro adalah merupakan TV berbayar di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya hendak - saya tidak tahu salah di mana tetapi saya terpanggil untuk menyebut sekali lagi walaupun sahabat saya Yang Berhormat Ir. Zamri telah menyebut perkara ini sepintas lalu. Izinkan saya memberi sedikit pandangan, terpanggil atas sifat saya mewakili Kerajaan Negeri Kelantan di dalam Dewan kita yang mulia ini dan juga sekali gus rasa terpanggil untuk menyebut apabila berita ini telah disiarkan di dalam *Borneo Post* pada 25 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dalam *Borneo Post* pada 25 Mac kenyataan daripada seorang Menteri - bapa Menteri kita. Saya cukup kagum dengan seorang Menteri, sama ada Menteri daripada mana-mana pun, saya *still respect* pada seorang Menteri. Pada saya, saya cukup harap Menteri akan bawa sebarang perubahan dan sebagainya. Kata Menteri berkenaan di dalam ucapan beliau di hadapan walaupun tidak ramai tetapi disiarkan di dalam *Borneo Post*, "*I have been to many other countries and I can tell you that Miri is the cleanest city in the world.*"

Dalam para yang berikutnya, “*Look at Kelantan now - after 20 over years under PAS, the capital city was once acknowledged by their leaders themselves as one of the dirtiest city.*” Bermakna Miri paling bersih dan Kota Bharu paling tidak bersih.

Saya rasa kenyataan ini adalah kenyataan yang cukup bombastik dari segi bahasa. Saya tidak tahu hendak hukum macam mana kenyataan seperti ini. Walaupun kenyataan ini tidak sepatutnya dikeluarkan oleh seorang Menteri yang tidak terlibat dalam soal bersih dan juga kotor sesebuah bandar, tetapi saya rasa ini adalah kenyataan seorang Menteri dan saya terpenggil untuk menyebut di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat *clarify* ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat. Masa cukup.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang yang diberikan dan apa yang saya sebut sekiranya salah itu adalah kelemahan saya, sekiranya baik itu adalah petunjuk daripada Allah SWT. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Kita mempersilakan Yang Berhormat Datuk Akbar Ali. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kita hanya ada hari ini dan esok sahaja. Nampaknya ramai yang menghantar *last minute* kepada saya. Saya minta kerjasama cuba bercakap lebih - jangan tahan, tetapi cara menyampaikan itu lebih *direct to the point without much of deliberations* dengan izin. Mempersilakan Datuk Akbar.

2.48 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membicarakan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana banyak melakukan perubahan dan inisiatif yang baik bagi Dewan yang mulia ini. Izinkan saya memendekkan dengan merakamkan dalam dua buah pantun;

Apakah baik keladinya,

Maka ditanam dalam-dalam,

Apakah baik hati budinya,

Maka disebut siang dan malam.

Sebab baiklah keladinya,

Maka ditanam dalam-dalam,

Sebab banyak baik budinya,

Maka dikenang, disebut siang dan malam.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, selepas itu masa Yang Berhormat terhad juga... [Ketawa]

Datuk Akbar bin Ali: Tidak mengapa. Yang patut dicakap, dicakap.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia kerana sepanjang 47 para itu adalah satu yang bernas dan patut dipatuhi. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan di atas kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong dan juga diapit pula oleh seorang Permaisuri yang cantik dan ayu. Maka saya ingin rakamkan dua buah pantun untuk Baginda,

*Burung jelatik burung jeladan,
Burung tekukur terbang tinggi,
Sama cantik sama padan,
Bila diukur sama tinggi.*

Sebelum saya berlaku derhaka ataupun kurang ajar, maka saya ingin melafazkan pantun ini;

*Melipat baju tepung diuli,
Puteri berdandan penuh berahi,
Ke bawah Tuanku Menjunjung Duli,
Tangan diangkat dibawa ke dahi.*

Ucapan saya akan lebih tertumpu pada para 8, 10, 14, 16, 17 dan 22. Saya sedar kalau saya quote *The Maxims of Ptahhotep* dengan izin, *'Be a craftsman in speech that thou mayest be strong, for the strength of one in the tongue, and speech is mightier than all fighting'*. Oleh sebab itu saya juga terpanggil di atas nasihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa seharusnya saya harus bercakap dengan izin, *'To say things of more value, otherwise remain silent'*. Saya teringat atas pandangan nasihat Pythagoras seorang *Greek mathematician*, *'Do not say a little in many words but a great deal in a few'*. Sehubungan itu saya pergi kepada perkara pertama daripada tujuh isu yang ingin saya bangkitkan.

Pertama sekali, saya bersama-sama dengan kawan-kawan yang lain dalam merakamkan setinggi tahniah di atas kejayaan Barisan Nasional di PRN Sarawak baru-baru ini. Sesungguhnya keputusan itu boleh dilihat dari pelbagai sudut dan pelbagai pandangan telah diberikan. Cuma saya ingin memperkatakan di sini bahawa PRK, PRN adalah bukti jelas bahawa betapa segar dan sihatnya demokrasi hidup dan subur di Malaysia. Ini bermakna kerajaan kita yang dipimpin oleh Barisan Nasional yang kuat dan yang lemah sama dihargai, yang kaya yang miskin juga dihormati kerana semuanya mempunyai satu undi.

■ 1450

Ini bermakna membawa saya kepada Aesop (620 BC - 560 BC), bahawa dengan izin, *"In critical moments even the very powerful have need of the weakest"*.

Ini kita perlu insaf dan bagaimana kita mahu interpretasikan keputusan pilihan raya itu, maka saya teringat kepada apa yang dikatakan oleh Polybius (205 BC -118 BC), "*Those who know how to win are much more numerous than those who know how to make proper use of their victories.*" Saya jangka pemimpin agung kita Dato' Sri Najib adalah antara *those few* yang tahu *how to make used of the victories.*

Seterusnya kepada yang kedua, saya ingin membicarakan tentang prestasi Kerajaan Barisan Nasional dan juga prestasi Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dan juga prestasi Perdana Menteri kita sekarang kerana saya terpanggil kawan-kawan kita telah membicarakan perkara ini sepanjang dua hari yang lalu. Saya sedar bahawa kalau mengikut sekali lagi *the great Maxims criticism come easier than craftsmanship.*

Dalam usaha ini, saya sebagai salah seorang ahli parti yang seharusnya setia kepada pemimpin, saya ingin mengikut jejak langkah seorang pengikut *Dr. Martin Luther King* yang setia Marc Morial dalam mempertahankan *Dr. Martin Luther King* dan saya menggunakan rangkap yang sama dalam mempertahankan pemimpin kita.

We will not stand silent as some seek to hijack, as some seek to distort and contort, as some seek to *bamboozle and* confuse the vision of *Dr. Martin Luther King* dan dalam konteks ini *the vision of* Tun Dr. Mahathir dan Dato' Sri Najib. Dalam usaha ini memang mudah saya terpanggil *react* dengan izin apa yang dikatakan *the third Newton's Law of motion for every action there is an equal reaction*, dengan izin. Akan tetapi saya juga dipandu oleh sabda Nabi Rasulullah SAW bahawa kita perlu berjaga-jaga kerana bukanlah seorang itu, seorang mukmin yang sempurna kalau dia sering mencerca dan memfitnah seorang Muslim yang lain.

Oleh yang demikian, saya ingin memperkatakan mana-mana yang telah bercakap sebelum ini di Dewan yang mulia, mereka tidak berbohong. Mereka bercakap benar cuma mungkin dengan izin, *they do not tell the whole truth* dan saya juga dengan izin tidak mampu *telling the whole truth* kerana maklumat adalah banyak dan begitu luas sebab lebih banyak daripada air tujuh lautan. Maka, apa yang boleh diperkatakan dalam bahasa *statistician* ialah *approximating the true value*. Dalam hal ini, eloklah kita melihat konsep pembangunan sesebuah negara merangkumi tiga prinsip Islam iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Ia sejajar dengan konsep pembangunan yang dikemukakan oleh *Nobel Laureate winner*, dengan izin, Amartya Sen yang cuba membina *Human Development Index* (HDI) yang mengambil kira kesihatan, ekonomi, dan pendidikan.

Jadi, dalam hal ini, saya ingin bersama dengan Professor Hans Rosling sebagai bekas *Deputy Chief Statistician* kita semua perlu kemukakan maklumat yang lengkap untuk menghapuskan sebarang *miss consumption*.

Jadi, dalam hal ini untuk memberikan gambaran yang holistik seharusnya kita menggunakan apa yang dipanggil dengan izin, *socioeconomic environmental outcome mix* dan saya cuma mengemukakan 12 perkara di bawah *mix* ini dengan izin.

Pertama sekali kita tidak boleh lari daripada keamanan dan keselamatan. Sesungguhnya kita bertuah seperti yang terbukti dalam GPI dan telah disebut oleh baginda di para 22 bahawa negara kita adalah yang kedua terselamat di Asia dan ke-22 terselamat di seluruh negara. Beliau disokong dengan kadar jenayah bahawa di Malaysia kadarnya per 100,000 ialah 780 berbanding dengan sebuah negara maju seperti Turki 1,336 kes per 100,000 dan purata OECD adalah sebanyak 6,203 kes per 100,000. Jadi, kita lebih baik daripada sebuah negara yang maju. Dari segi perpaduan pula telah pun diterangkan pagi ini kita cukup baik dan saya tidak mahu ulang lagi malah kita lebih baik daripada USA, Ireland.

Ketiga tentang kebebasan bersuara. Kita harus berterima kasih bahawa walaupun ada ISA dan sebagaimana, namun pemimpin kita tidaklah seperti pemimpin di Selatan negara kita yang kalau kita silap buka mulut akan sentiasa akan dibawa ke mahkamah. Kita harap tidak ada pemimpin kita terutama di Utara akan cuba menutup mulut mengikut jejak pemimpin di Selatan.

Keempat ialah tentang kualiti hidup. Terdapat banyak indikator boleh digunakan untuk mengukur tentang tahap kesihatan *Infant Mortality Rate* (IMR), kaji hayat, dan sebagainya. Dari segi *Infant Mortality Rate* yang merupakan indikator antara yang terbaik mengukur tahap kesihatan ialah dengan jelas menunjukkan bahawa IMR kita telah menurun dengan ketaranya. Contoh, pada tahun 1990, bagi setiap 1,000 kelahiran hidup 13.1 bayi meninggal dan ini telah menurun kepada 6.2 pada tahun 2010, *alhamdulillah*. Jangka hayat kita kalau dulu pada tahun 1990, seorang lelaki hanya boleh hidup hampir 69 tahun manakala perempuan kira-kira 74 tahun. Nah! Pada tahun 2010, lelaki seperti saya ada harapan untuk hidup kira-kira 72 tahun dan perempuan 77 tahun. Itu sebab agaknya kubur dia lebih dalam daripada lelaki.

Dari segi HDI pula kita telah dapat meningkatkan tahap secara komposit pembangunan negara kita, kita telah berganjak dan berlonjak dari tahap medium *development* kepada *high development*. Itu satu kejayaan sebagaimana yang diukur pada tahun 1980 markah kita hanyalah 0.541 tetapi pada tahun 2010 meningkat kepada 0.744. Angkanya antara 0 ke 1 - 1 adalah yang terbaik dan tertinggi.

Kelima, pertumbuhan ekonomi yang pesat. Purata sepuluh tahun yang lalu, pertumbuhan ekonomi kita adalah lebih kurang lima peratus setahun. Saya akui kita tidak setinggi China atau India namun dalam banyak perkara lain kita mengatasi China dan India. Contohnya kadar pengangguran, inflasi dan kemiskinan mereka lebih tinggi dari kita. jadi, *overall* dengan izin kita lebih baik.

Keenam, peluang pekerjaan. Semalam telah diterangkan oleh Datuk Rahman Bakar tentang pengangguran kita. Betul! Kadar pengangguran kita sepuluh tahun yang lalu secara purata kita di bawah empat peratus. Mengikut *International Labor Organization* (ILO), mana-mana kadar pengangguran di bawah empat peratus ditakrifkan secara *statistically defined*. Maka, kita menikmati guna tenaga penuh. *Alhamdulillah*, itu semua usaha pemimpin kita yang disokong oleh rakyat. Berbeza sekali dengan apa yang dialami oleh USA sekarang, kadar penganggurannya sekitar sembilan peratus, begitu juga di United Kingdom dan Perancis. Walaupun kadar pertumbuhannya naik tetapi kadar penganggurannya tinggi. Dalam bahasa yang mudah sekiranya ekonomi baik tetapi kadar penganggurannya tinggi, ini bermakna rakyat menghadapi kemiskinan umpama itik di air mati kehausan ayam di kepek mati kelaparan.

Kelapan, kadar kemiskinan. Sesungguhnya kadar kemiskinan telah menurun dan ini perlu dilihat dengan betul. Contohnya, pada tahun 1990, kadar kemiskinan Malaysia 16.5 peratus. Kalau tahun 1970 hampir 50 peratus. Pada tahun 2009 kadar kemiskinan kita 3.8 peratus. Bagaimanakah kedudukan di USA? 14 peratus purata tetapi bagaimana tentang orang *black* atau kulit hitam di sana? Ia hampir suku penduduk kulit hitam adalah miskin.

■1500

Begitu juga di *Egypt*, kadar kemiskinannya 20 peratus, kadar penganggurannya 12 peratus dan kadar inflasinya 8 peratus sedangkan kita di Malaysia 1.7 peratus. Maka, tidak timbul boleh wujud huru-hara di Malaysia berbanding dengan *Egypt*, Tunisia dan sebagainya kerana keadaan kita amat berbeza. Jadi, kita jangan jadi dizaman *digital economy* ini seperti 'donkey xote'.

Seterusnya tentang jurang pendapatan. Adalah terlalu mudah, di dalam bahasa Indonesia adalah terlalu "gampang", dalam menguruskan ekonomi kalau kita semata-mata menekankan satu angkubah. Contohnya, kita mahu melonjakkan pertumbuhan ekonomi, itu cukup mudah dan budak tadika boleh buat. Akan tetapi yang susah bagaimana hendak merangsang dan mengurus ekonomi dengan mengambil kira 12 angkubah ini, ini yang sukar. Itu yang kalau berlaku adalah *excellent* dan *miracle*.

Jadi, di sini antara tersusah ialah hendak merapatkan jurang dan jurang itu boleh diukur dari dua cara. Pertama, dipanggil "*intra*" dan satu lagi dipanggil "*inter*", antara kumpulan. Dari segi "*intra*", biasanya proksi yang digunakan untuk mengukur jurang ialah *Gini coefficient*, yang diukur di antara 0-1. *Zero is perfect equality and one is perfect inequality*, dengan izin. Jadi, bagaimana kedudukan kita contohnya, pada tahun 1995 berdasarkan *Gini coefficient*, jurang kita pada mata 0.456, *it is bad*.

Akan tetapi pada tahun 2009, *alhamdulillah*, telah menurun pada 0.441. Ini kejayaan kita berbanding dengan Singapura yang kadang-kadang ada orang yang memuja dan memujinya.

Singapura berdasarkan kepada ukuran yang sama pada tahun 1990 *Gini coefficient* nya 0.440 dan pada tahun 2007 telah melompat pada 0.485, itu kedudukan Singapura yang sering dipuji dan dipuja.

Dari segi *inter* pula, *inter* antara kaum atau antara bandar dan luar bandar, kita boleh menggunakan *income ratio*. Contohnya, pada tahun 1995 kalau kita ambil pendapatan luar bandar RM1, pendapatan di bandar RM1.95, bermakna orang di bandar 95 sen lebih tinggi pendapatannya. Akan tetapi pada tahun 2009, RM1 orang luar bandar, RM1.85 pendapatan orang di bandar, bermakna ia sudah mengecil sebanyak 10 sen. Begitu juga antara misalnya, Bumiputera dan Cina. Pada tahun 1995, RM1 yang dimiliki oleh Bumiputera, orang Cina mempunyai RM1.80 tetapi pada tahun 2009, RM1 yang dimiliki oleh orang Bumiputera, orang Cina memiliki RM1.38. Nah! Begitu ketara jurang dapat dirapatkan.

Begitu juga dikatakan tadi antara *social economic growth*, kumpulan sosial ekonomi, biasanya *top 20 (T20) and middle 40 (M40)* dan *big forty, bottom forty*. Di sini juga kita lihat nisbah pendapatan *within the group* telah mengecil. Jadi, kalau ingin tahu, saya memang ada angka-angka ini tetapi saya takut saya kesuntukan masa.

Buktinya ada, kadar inflasi adalah satu lagi faktor ekonomi yang perlu ditangani dengan baik kerana ia amat *delicate*. Kita telah berjaya mengekalkan pada 1.7 peratus pada tahun lepas berbanding Venezuela 88 peratus, berbanding Jepun diflasi 0.8 peratus dan juga contoh Mesir seperti mana yang saya sudah katakan tadi. Jadi, dalam menangani inflasi, kita mahukan inflasi tetapi *a moderate inflation*. Kita tidak mahu *hyper inflation neither do we want deflation like Japan*. Apa yang ada pada kita hari ini dari segi inflasi pada tahun lepas adalah sesuatu yang baik.

Begitu juga hasil kerajaan, dalam usaha menangani ini semua, kerajaan mampu mengurus kewangan kerajaan dengan baik di mana kalau kita lihat terutama sekali peratus kenaikan *revenue* kerajaan. Bagi tempoh sepuluh tahun 1990–2000, *revenue* meningkat sebanyak 107 peratus dari 30 bilion kepada 62 bilion. Akan tetapi antara tahun 2000 dengan 2010, daripada 62 bilion kepada 162 bilion meningkat 161 peratus. Bermakna pengurusan hasil negara telah dapat diuruskan dengan baik. Oleh yang demikian, defisit fiskal kita hanyalah 5.6 peratus berbanding Ireland hampir 12 peratus dan berbanding Greek 12 peratus dan UK hampir 13 peratus. Saya tidak hendak cakap fasal hutang negara dan sebagainya kerana kita jauh lebih baik daripada Singapura *as a percentage of GDP* dan juga Japan yang meningkat sehingga 200 peratus, masa takut tidak cukup.

Ini bermakna, Perdana Menteri kita amat perihatin terhadap apa yang diperkatakan oleh Aesop 620 BC, "*It is thrifty to prepare today for the wants of tomorrow*" dan MK20 mungkin juga dipengaruhi oleh Confucius (551 BC-479 BC), "*He who will not economize will have to agonize*". Itu nasihat Confucius.

Seterusnya yang terakhir, angkubah pembangunan mampan. Kita boleh buat itu semua tetapi dengan memperkosa alam sekitar, itu bukan yang dituntut oleh rakyat, kerana ingat, kita tidak mewarisi bumi ini dari orang tua kita tetapi *we are borrowing this world from our generation*.

Kita tidak pinjam daripada mak bapa kita, kita tidak mewarisi daripada mak bapa kita tetapi kita meminjam daripada anak-anak kita kerana kita pinjam, kita kena pulangkan dengan baik dan untuk memulangkan dengan baik, kita mesti menguruskan *environment* ini dengan baik. Terbukti dari MURNInet yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menunjukkan kemapanan pengurusan negara ini. Dalam bahasa Universiti Kebangsaan, 'kelestarian'.

Cuba kita lihat sebagai contoh, *carbon dioxide emission* dan kita boleh banding dengan negara OECD, kita hanya mengeluarkan per kapita *carbon dioxide* hanyalah 6.7 metrik tan, purata. Berbanding dengan OECD, secara purata 9.5 metrik tan. Jika kita ambil kira *endangered species*, kita menjaga lebih banyak lagi daripada mereka iaitu sebanyak 631. Berbanding mereka hanya 166, kerana kita ingin memulangkan apa yang kita pinjam kepada generasi akan datang. Ini bermakna, seperti mana yang dinyatakan oleh pakar OECD - Jon Hall, "*Development should look at social economic and environmental areas together, not stand alone*". Yang demikian, bolehlah saya katakan bahawa *socio economic environmental outcome mixed* yang dapat dijayakan oleh Perdana Menteri kita adalah suatu yang amat menakjubkan. Tidak ada pemimpin negara lain, G3, G8, G20 ataupun 'Bricks' yang boleh menandingi pencapaian ini. Jikalau ada sesiapa yang dapat membuktikan kepada saya berdasarkan 12 angkubah ini, saya bersedia untuk berbicara.

Ini bermakna, apa yang dilakukan oleh pemimpin kita adalah selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Alfred Noble. Apa yang beliau katakan ialah, untuk memenangi Nobel Prize, seseorang itu mesti meninggalkan a *deep imprint on economics*. Jadi, saya jangka Tun Dr. Mahathir mahupun Datuk Seri Najib, setara dengan sekurang-kurangnya Joseph Stiglitz dan Armensen tadi untuk mendapat Nobel Prize tadi, *at least* di bidang ekonomi.

Oleh yang demikian, saya ingin menegaskan lagi bahawa sesungguhnya Datuk Seri Najib tidak berpuas hati dengan pencapaian sekarang kerana itulah beliau telah merangka berbagai transformasi, GTP, ETP, PTP dan sebagainya untuk melonjakkan lagi negara kita ke tahap yang lebih tinggi. Untuk itu kita harus menyokong dan sekurang-kurangnya beliau memerlukan dua penggal untuk merealisasikan *vision* ini dan untuk kita pula sama-sama menikmatinya.

■1510

Jadi kita cukup jelas bahawa beliau cukup sedar bahawa beliau tidak boleh melakukan benda yang sama untuk mendapat keputusan yang luar biasa.

Ini kerana beliau berpegang kepada Einstein, “*Doing things over and over and over again and expecting different result is lunatic*”. Jadi kalau kita tidak mahu jadi orang gila kita kena ikut macam *Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib*, kita kena ikut apa yang dikatakan Einstein. Kita mesti buat yang luar biasa untuk dapat keputusan yang luar biasa.

Seterusnya, saya berpindah kepada teknologi hijau. Saya sedar teknologi hijau *is not the ends*. Ia hanyalah *an abler* seperti IT, seperti GBI, seperti *Green Building Index, Township Tool and Residential New Construction Tool (Version 2)*. Cuma di sini saya ingin tanya Kementerian Kerja Raya sejauh mana GBI dan *Residential Tool Pre-Construction Tool* itu tadi telah mengambil kira kemungkinan yang bakal berlaku di Malaysia iaitu kemungkinan gempa bumi. Saya mengatakan demikian saya ulang apa yang saya sudah cakap pada tahun lepas, Malaysia walaupun di luar daripada *ring of fire* tetapi nampaknya kita ada potensi untuk terperangkap dalam *that ring of fire*. *Why*, mengapa, dengan izin?

Earthquake ataupun gempa bumi di Jepun baru-baru ini telah menyebabkan pulau Jepun berganjak 13 kaki menghala ke Amerika Syarikat. Hawaii pula berganjak 13 kaki ke Timur. Itu kesan daripada gempa bumi di sana dan kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Alamak. Kalau begitu – jadi Tuan Yang di-Pertua saya berharap GBI mengambil kira ini semua.

Seterusnya saya ingin perkatakan tentang - kita *prepare* banyak-banyak ini Tuan Yang di-Pertua. Tidak tidur malam tadi. Saya mengharapkan terutama sekali FELCRA, RISDA yang mewakili 500,000 orang peserta menggunakan kemudahan teknologi hijau. Ini kerana saya lihat FELCRA dan RISDA masih lagi agak *behind the curve* dengan izin, *not in front of the curve*. Maksud saya menggunakan teknologi hijau sekarang dan *biotech* untuk meningkatkan pendapatan peserta FELCRA dan peserta FELDA.

Ini kerana contohnya harga sekarang hanya mengambil kira buah tandan basah dan juga tempurungnya sahaja minyak daripada tempurung. Sedangkan POME (*palm oil mill effluent*) boleh memerangkap biogas untuk menjana tenaga elektrik. Kedua, serat yang dihasilkan oleh POME tadi kalau dicampurkan gentian sawit dan enzim boleh menghasilkan biokompos untuk dijadikan baja organik. Ketiga, ia mengandungi kandungan bahan fenolik yang tinggi, berpotensi untuk menjadi antioksidan dan men'sentasasi'kan bahan yang digunakan untuk merawat H1N1.

Ini semua boleh jadikan duit begitu juga dengan tempurung kelapa sawit. Ia menjadi sumber *biofuel* yang mana kalau di *compact* kan boleh menggantikan arang batu. Malangnya, bahan-bahan ini yang sepatutnya boleh meningkatkan pendapatan peserta FELCRA dan RISDA sebanyak 20 ke 30 peratus tidak diambil kira kerana pegawai-pegawai FELCRA dan RISDA masih lagi *behind the curve*. Jadi kita haraplah pergunakan ini untuk meningkatkan pendapatan para peserta tadi.

Begitu juga dengan ikan, kita sekarang menjual ikan hanya berdasarkan harga isi sedangkan tulangnya, sisiknya, kepalanya dan ekornya sudah – kalau menggunakan *biotech* sedia ada boleh dijadikan gelatin, boleh jadikan bahan *makeup* dan boleh meningkatkan pendapatan dengan sebanyak 35 peratus.

Saya haraplah Jabatan Perikanan dan MARDI akan berada *in front of the curve* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya dapat berkongsi berkenaan apa yang dipanggil *British disease* yang berdasarkan laporan *The Fair Access to the Professions* yang diterbitkan pada tahun 2009. Kita terima kasih Dasar Ekonomi Baru telah dapat menghapuskan kemiskinan, membesarkan kaum *middle income group* dan menghapuskan monopoli MCKK, VI dan *Penang Free School*. Akan tetapi, saya bimbang dalam keadaan sekarang kita akan kena penyakit *British disease* mengikut laporan ini. Contohnya, *only children from the riches British families can enjoy carriers in top profession lawyer, judges* dan juga *engineer* dan sebagainya, hanya *from top family*. Begitu juga *burst top worst...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Oleh itu, saya harap dasar sekarang yang saya agak bimbang. Contohnya, biasiswa nasional lebih banyak diberi kepada bukan bumiputera sebanyak 60 peratus, biasiswa JPA 44 peratus dimiliki oleh bukan bumiputera dan penggantian pinjaman kepada biasiswa oleh PTPTN bagi mereka yang dapat kelas satu diberi kepada bumiputera hanya 28 peratus dan pada bukan bumiputera 72 peratus. Saya tidak kisah mereka ini dapat tetapi saya bimbang jurang antara kaum akan meluas. Itu yang saya bimbang dan bagaimana usaha lain pula untuk mengatasi jurang yang bakal melebar ini.

Seterusnya, tadi pasal bekalan air di Selangor. Saya harap bukan sahaja kepentingan rakyat dan negeri diambil kira, ambil kira sama pemegang *concession* kerana mereka juga meminjam dan perlu ada komitmen untuk membayar. Kita bimbang penarafan bon terhadap syarikat air ini sudah menurun dan ia memberi kesan kepada pemegang bon seperti KWSP. Jadi saya hendak tanya apa tindakan Kementerian Tenaga Air dalam hal ini yang dilihat kurang berkesan. Jadi tunjukkanlah keterampilan dengan adanya PAAB dan Syarikat Suruhanjaya Penguasaan Air supaya bertindak lebih cergas lagi, lebih aktif lagi dalam menangani isu-isu ini supaya masalah seperti yang dialami oleh Selangor dapat diatasi dengan berkesan. Maka lapan buah negeri lain di Semenanjung akan sedia duduk di bawah payung Pusat.

Akhir sekali, saya haraplah Akta Pencen yang sudah diberikan kepada pegawai kerajaan dipanjangkan kemudahan ini kepada Ahli Dewan yang mulia ini. Saya haraplah Tuan Yang di-Pertua bahawa saya seperti mana yang dikatakan oleh Claudius; *“Say not obvious what you know but you must know what you say”*. Saya harap begitulah dan saya ingin meminta maaf sebelum saya menyokong kepada Ahli Dewan yang mulia ini;

*Turun hujan perahu berlabuh,
Di malam gelap menangkap ikan,
Saya menyusun jari sepuluh,
Salah dan silap pohon maafkan.*

Saya menjunjung kasih menyokong titah *Yang di-Pertuan Agong*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Orang Melaka dah semestinya hebat dengan pantunnya. Walau bagaimanapun masa tidak mengizinkan kita maka saya hendak terus kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, dipersilakan.

3.18 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Bismillahir Rahmannir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam hormat dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk menjunjung kasih dan membahaskan titah *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong* semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kedua Belas pada 7 Mac baru-baru ini. Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah bahawa pada tahun 2010 negara telah menunjukkan prestasi ekonomi yang amat baik dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 7.2 peratus.

Tanda-tanda peningkatan ekonomi boleh dilihat daripada Indeks Bursa Malaysia yang kini melebihi 1,500 dan pelaburan langsung asing yang telah meningkat sebanyak empat kali ganda. Di antara tahun 2009 dan tahun 2010 yakni kadar pertumbuhan tertinggi di Asia. Kerajaan di bawah kepimpinan *Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib* sekarang sedang mengambil langkah untuk mencapai hasrat menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan pendapatan per kapita USD15,000 atau RM50,000.

■ 1520

Langkah-langkah ini adalah berlandaskan Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi serta Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas. Pelaksanaan ini akan memberi kesan yang menyeluruh kepada rakyat seperti kewujudan 3.3 juta peluang pekerjaan. Rakyat juga akan menikmati peningkatan dalam mutu kehidupan melalui sistem pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam yang lebih efektif. Walau bagaimanapun hasrat kerajaan untuk mencapai matlamat ini hanya akan berjaya sekiranya kita dapat mengatasi beberapa masalah pokok. Empat masalah pokok yang saya ingin utamakan telah pun disentuh oleh beberapa orang Yang Berhormat yang berucap sebelum saya.

Walau bagaimanapun, sungguhpun saya mungkin mengulangi beberapa isu, anggaplah ulangan ini sebagai perkara-perkara yang amat penting untuk melonjakkan negara kita ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkara-perkara yang saya akan bangkit ialah pendidikan dan pembangunan modal insan, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, keharmonian kaum dan gejala rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pertama masalah pendidikan dan pembangunan modal insan. Sementara masalah prasekolah telah pun dikentarkan dan melalui program seperti PERMATA sedang dilaksanakan. Masalah pendidikan di peringkat pertengahan perlu ditangani di dalam masa yang sama. Masalah kualiti dan jumlah pendidik, kualiti pembelajaran, bilangan penempatan pelajar di sekolah, bilangan dan kualiti bangunan sekolah adalah masalah-masalah yang biasa kita dengar. Kita semua berharap kerajaan berusaha untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Jikalau tidak salah, Malaysia sekarang mempunyai lebih daripada 50 buah universiti termasuk kolej-kolej *twining*, dengan izin. Isu yang saya ingin sarankan adalah kualiti graduan-graduan yang dihasilkan kerana jika hendak menjadi kompetitif, kita tidak ada pilihan melainkan melahirkan graduan-graduan bertaraf dunia. Saya nampak sementara kita berebut-rebut untuk menambah bilangan institusi-institusi bertaraf universiti dan menambah jenis-jenis program ijazah, kualiti produk daripada institusi-institusi ini kadangkala tidak memenuhi permintaan pasaran domestik apatah lagi di peringkat antarabangsa.

Kini masih ramai lagi graduan-graduan yang tidak mendapat pekerjaan setaraf dengan kelayakan yang diperolehi. Adalah tidak wajar kerajaan terpaksa melatih semula setengah-setengah graduan untuk menyesuaikan pasaran pekerjaan. Satu kajian yang mendalam amatlah perlu untuk menangani masalah ini. Satu lagi masalah berhubung dengan IPT adalah kekurangan fokus di dalam kursus-kursus vokasional. Sementara kita berjaya melahirkan graduan-graduan yang berijazah, tetapi fokus kita untuk melahirkan juruteknik, *foreman*, penyelia bangunan dan pekerja separa profesional adalah kekurangan. Kita lihat pada masa ini makin banyak pekerja asing memenuhi bidang-bidang ini yang akan memberi masalah dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak selesai perbahasan berhubung pendidikan jika saya tidak menyebut betapa mustahaknya penguasaan bahasa Inggeris yang telah diiktiraf sebagai bahasa perdagangan di peringkat antarabangsa. Oleh itu saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan supaya tindakan untuk menguasai bahasa Inggeris dipertingkatkan supaya kita tidak ketinggalan. Sementara menyedari dan menyokong penuh usaha-usaha dan tindakan memartabatkan bahasa ibunda.

Nampaknya tindakan untuk penguasaan bahasa Inggeris tidak begitu memberangsangkan kerana masih terdapat kekurangan guru bahasa Inggeris istimewa di sekolah-sekolah pedalaman dan juga standard penguasaan bahasa Inggeris sama ada kefasihan dalam percakapan ataupun lebih lagi dari segi surat-menyurat dari graduan-graduan yang keluar daripada universiti.

Saya suka memberi pengalaman saya sendiri di dalam pentadbiran syarikat saya. Di antara kerja-kerja yang syarikat saya buat ialah mengeluarkan lebih daripada 100 laporan penilaian hartanah setiap hari untuk pelbagai kegunaan termasuk pinjaman dari bank dari Perlis ke Sabah. Bank Islam dan Bank Rakyat pun berkehendakkan laporan ini di dalam bahasa Inggeris. Apatah lagi Chartered Bank, Citibank dan Hong Kong Bank. Kepakaran untuk menyediakan laporan-laporan ini di dalam bahasa Inggeris amatlah perlu dalam syarikat profesional seperti syarikat saya dan saya percaya perlu juga di dalam profesion-profesion seperti perakaunan, perundangan, kejuruteraan dan lain-lain.

Begitu jugalah perlunya kepakaran bertutur dalam bahasa Inggeris apabila perundingan dibuat dengan syarikat-syarikat antarabangsa mahupun ia datang dari Singapura, Jerman, Itali, UK ataupun Hong Kong. Kelemahan penguasaan bahasa Inggeris ini akan menyebabkan kekurangan daya saing terutama malangnya bagi golongan bumiputera. Saya tidak ada jalan lain, kadang-kadang mengambil mat salih sebagai pekerja sungguhpun terpaksa membayar gaji tiga kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah berhubung kait dengan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, cepat dan berkesan. Kita selalu mendengar bahawa jika dibandingkan dengan jiran kita di sebelah Selatan *whether we like it or not* dengan izin, kita tertinggal jauh dari segi indeks kompetitif. Jika kita hendak mencapai taraf negara maju, kita tidak ada pilihan melainkan mempunyai sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap, cepat dan berkesan. Kita perlu menguatkuasakan secara serius akan peraturan-peraturan yang sedia ada dan meminda prosedur-prosedur yang tidak relevan demi memudahkan rakyat, pelabur dan komuniti perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak guna negara kita mencapai tahap berpendapatan tinggi jika kita tidak ada keharmonian kaum. Keharmonian kaum ini hanya dapat dicapai jika semua pihak menyedari tentang peranan masing-masing berhubung dengan isu-isu yang sensitif dan berbaur perkauman. Adalah menjadi tugas setiap warganegara termasuk dan istimewa pula ahli-ahli politik untuk memastikan isu-isu sensitif tidak disensasikan atau untuk kepentingan-kepentingan peribadi kerana ia boleh mencetus perpecahan antara kaum. Kita berbangga dan menghargai keharmonian yang telah tercapai sekian lama dan saya penuh yakin jika kita mengikut peraturan-peraturan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, keharmonian ini akan terus dapat di kecapai.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak membangkit berhubung dengan gejala rasuah yang menjadi topik hangat sejak kebelakangan ini bersama-sama dengan topik Pilihan Raya Sarawak dan topik jam Omega.

Mengikut indeks persepsi rasuah, Malaysia berada di tahap yang ke-56 dalam tahun 2010 berbanding yang ke-29 dalam tahun 1998. Usaha kerajaan untuk memerangi gejala rasuah adalah satu tugas yang sukar seperti yang terbukti dengan penangkapan pegawai-pegawai kastam dan peristiwa selepasnya. Oleh sebab kita memahami bahawa gejala rasuah yang berleluasa akan dapat memusnahkan satu-satu bangsa dan negara, kerajaan wajib meneruskan usaha murni ini walaupun menghadapi pelbagai kesukaran.

Gejala rasuah sekarang ini telah meresap ke semua peringkat termasuk syarikat-syarikat korporat sama ada besar atau kecil. Sementara kita mengucapkan tahniah di atas kerja-kerja oleh pihak SPRM, dari mata kasar nampaknya SPRM terlampau memberi keutamaan kepada kes-kes yang berprofil tinggi sahaja dan ketinggalan dengan laporan-laporan rasuah yang lain yang mungkin lebih serius. Contohnya, dari pengalaman saya sendiri, laporan yang telah dibuat hampir dua tahun dahulu belum pun mendapat *acknowledgement* dengan izin, apatah lagi memulakan penyiasatan. Tidak tahulah, boleh jadi tidak cukup staf.

Sekian sahajalah ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Dengan harapan semoga komen-komen saya dan kawan-kawan Yang Berhormat lain mendapat perhatian sewajarnya dari pihak-pihak yang berkenaan demi untuk mencapai hasrat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam usaha untuk membawa negara ini ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi di samping mencapai hasrat gagasan Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon.

3.33 ptg.

Tuan Lee Cheam Choon: *Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Saya ingin menyentuh mengenai masalah kekurangan guru terutamanya di SJK(C).

Tuan Yang di-Pertua, golongan guru merupakan tenaga penting dalam sektor pendidikan bagi menjayakan misi nasional dalam melahirkan modal insan yang berkualiti. Guru yang bertauliah dan mencukupi merupakan faktor utama untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara. Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran ini tidak terganggu, maka masalah kekurangan guru di sekolah haruslah diatasi dengan cekap dan segera.

Pengumuman Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini yang menarik balik surat pemberhentian perkhidmatan yang melibatkan kira-kira 13,000 orang guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang diberikan tahun lalu bukan hanya berita gembira kepada para guru terbabit tetapi juga kepada pelajar dan pihak sekolah, kerana ini sudah semestinya akan melicinkan lagi proses operasi di sekolah. Cuma, apa yang diharapkan ialah agar proses penempatan semula ini dapat dilakukan dengan segera agar pembelajaran para pelajar tidak terganggu dan berjalan lancar dan di samping itu juga dapat memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada guru tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi adakah penempatan semula GSTT ini melibatkan semua sekolah? Ini adalah kerana masalah kekurangan guru di SJK(C) terutamanya yang terdapat di bandar-bandar besar seperti Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang telah berlarutan sejak sekian lama. Adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk GSTT di SJK(C) yang tidak berpeluang untuk memasuki institut perguruan walaupun mereka telah banyak kali memohon kursus perguruan?

Satu perancangan dan sistem yang menyeluruh diperlukan untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini. Ianya termasuk perancangan daripada segi penyediaan latihan perguruan, penempatan guru, pengambilan semula guru bersara wajib secara kontrak dan sebagainya. Ia penting bagi memastikan semua sekolah termasuk SJK(C) mempunyai guru terlatih yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, anggaran sebanyak lebih kurang 85 peratus murid-murid yang tamat pelajaran dari SJK(C) melanjutkan pelajaran mereka ke SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) setiap tahun menyebabkan kelas Bahasa Cina merupakan saluran penting bagi pelajar-pelajar SMK khasnya bagi para pelajar keturunan Cina untuk mempelajari bahasa Cina di SMK. Namun demikian, kelas Bahasa Cina di SMK selama ini tidak mendapat perhatian yang sepatutnya dari pihak berkuasa. Ini menyebabkan kelas Bahasa Cina di SMK menghadapi pelbagai masalah. Antaranya termasuk kekurangan tenaga pengajar Bahasa Cina; kelas dijadualkan di luar waktu persekolahan; pihak sekolah tidak menjalankan kelas Bahasa Cina dan sebagainya.

Sekiranya masalah-masalah ini tidak diatasi dengan segera, ia akan mendatangkan kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina. Jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam akan merosot serta akan menjejaskan profesionalisme guru-guru Bahasa Cina di SJK(C) dan SMK dari segi kualiti dan latihan. Diharapkan pihak kementerian dapat mengambil perhatian dan tindakan susulan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah ini.

Bagi menampung kekurangan guru, pihak kementerian boleh juga menggunakan khidmat guru-guru yang telah bersara seperti daripada Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan (KGSK) yang masih minat untuk mengajar. Pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki golongan itu tidak sewajarnya disia-siakan selain dapat membantu dalam mengatasi masalah kekurangan guru. Walaupun terdapat peningkatan jumlah pelatih yang mengambil opsyen Bahasa Cina dalam Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dan Kursus Perguruan Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), adakah peningkatan tersebut dapat menampung kesemua jumlah kekurangan guru yang ada sekarang? Adakah perancangan pihak kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan guru ini dapat diatasi sepenuhnya?

Selain daripada itu, saya juga ingin menyarankan bagi memenuhi kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T), guru yang dihantar untuk berkhidmat di sekolah tersebut perlulah mahir dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina ataupun Bahasa Tamil bagi memastikan proses pelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam menjadi tulang belakang kerajaan dalam penyediaan personel sektor awam yang berprestasi tinggi dan sumber tenaga manusia yang berupaya memberi perkhidmatan yang cemerlang.

■1540

Melalui penggubalan dasar dan pengurusan sumber manusia dengan menepati ciri-ciri antaranya cepat dan cekap dalam semua tindakan mesra pelanggan, menepati masa, telus dalam semua peringkat pengurusan, adil dan saksama dalam pertimbangan, menentukan perkhidmatan dan maklumat mudah diperolehi dan boleh dicapai, dipercayai dan menepati undang-undang, dasar serta peraturan.

Bagi tahun 2011, Jabatan Perkhidmatan Awam diberikan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1.8 bilion. Perkhidmatan awam kini mempunyai 1.2 juta penjawat awam yang bertanggungjawab bagi mengoptimumkan sistem penyampaian kerajaan, di mana penambahbaikan sentiasa wajar diambil untuk mempertingkatkan produktiviti negara. Penjawat awam juga bertanggungjawab dari segi pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan memastikan pencapaian *Key Performance Index* (KPI).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan iaitu pertamanya, keperluan pengisian kekosongan untuk pelbagai jawatan untuk semua jabatan kerajaan bagi tahun 2011 mengikut gred dan kelayakan yang diperlukan serta apakah ada kriteria yang tertentu yang diperlukan, umpamanya dari segi kecerdasan mental dan kesihatan. Bagi memastikan penjawat awam mempunyai kompetensi yang tinggi bagi mendukung pelaksanaan program-program pembangunan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat.

Keduanya, kerajaan menyatakan jumlah penjawat awam yang berstatus kontrak mengikut gred dan mengapakah kerajaan lebih berminat melantik penjawat awam secara kontrak serta adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menyerapkan penjawat awam secara kontrak ini dalam jawatan tetap?

Yang ketiganya, apakah langkah kerajaan bagi memperkasakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan lain-lain agensi, jabatan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memantapkan perkhidmatan penjawat awam. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai komposisi dalam perkhidmatan awam, sebelum pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971, pecahan kaum dalam perkhidmatan kerajaan adalah 60.8 peratus Melayu, 20.2 peratus Cina dan 17.4 peratus dan 1.6 peratus lain-lain bangsa. Begitu pun saya difahamkan pada tahun 2006 iaitu setelah 35 tahun Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, peratusan kaum Cina telah merosot daripada 20.2 peratus kepada 9.76 peratus dan India pula menurun daripada 17.4 peratus ke 5.12 peratus. Sehingga 1 September 2010, saya difahamkan daripada 1,220,947 orang penjawat awam, pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut. Melayu 932,225 atau 76.2 peratus, Cina 72,782 iaitu 6 peratus dan India 50,148 orang iaitu 4.1 peratus dan bangsa lain 167,707 orang yang mengandungi 13.7 peratus.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, jumlah permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan mengikut pecahan kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak dan nyatakan bilangan yang berjaya mengisi kekosongan jawatan tersebut mengikut kaum. Jawatan serta gred dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan khususnya SPA untuk mengurangkan ketidaksamaan komposisi kaum dalam perkhidmatan awam termasuk kumpulan etnik daripada Sabah dan Sarawak. Peratusan penjawat awam terkini mengikut kaum Melayu, Cina, India, kumpulan etnik Sabah dan Sarawak dan lain-lain kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui dan saya menyanjung tinggi tentang niat dan usaha kerajaan ke atas semua pendekatan untuk penjawat awam. Banyak pendekatan yang telah pun diambil daripada fail meja hinggalah ke piagam pelanggan, itu sangat baik. Daripada objektif umum kepada operasi kepada moto, misi dan visi, pencapaian dan pengurusan yang cekap dan mencapai piawaian seperti ISO9001.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu bagi meningkatkan prestasi penjawat awam saya ingin mencadangkan iaitu pertamanya, semua penjawat awam yang baru di semua peringkat diwajibkan mengikuti kursus induksi bagi memahami dasar-dasar kerajaan, melahirkan penjawat awam yang bertanggungjawab, amanah dan berintegritas serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas.

Keduanya, kerajaan memberikan perhatian dalam perkhidmatan psikologi kepada anggota perkhidmatan awam agar dapat meningkatkan produktiviti dengan menggunakan sepenuhnya potensi diri dengan cekap dan berkesan. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar diwujudkan unit kaunseling dan melahirkan pasukan pembimbing rakan sekerja di setiap jabatan kerajaan dengan menyediakan kursus dan program meningkatkan kemahiran kaunseling di kalangan penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia, muka surat 10, perenggan 25 yang berbunyi, *"Kerajaan amat komited dalam memerangi rasuah. Ia dilaksanakan bukan sekadar untuk mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah tetapi atas kesedaran bahawa rasuah merosakkan negara dan bangsanya. Hanya dengan kerjasama semua pihak jenayah rasuah boleh dihapuskan. Berilah sokongan padu dan keyakinan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan."*

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Laporan Tahunan SPRM 2009. Sebanyak 58.8 peratus iaitu 294 kes yang disiasat oleh SPRM adalah untuk yang menerima rasuah. Sebanyak 21.6 peratus iaitu 108 kes adalah untuk yang menerima rasuah. Selain daripada itu ada juga kes-kes *abuse of public office* dan *money laundering*. Seterusnya sebanyak 939 kes termasuk dalam kriteria untuk penyiasatan terbuka, dan daripada itu, 500 orang telah ditangkap antaranya ialah 23 ahli politik, 190 pegawai kerajaan, dan 180 orang dari sektor swasta dan 107 orang dari awam telah ditangkap. Mengikut SPRM pada tahun 2010, seramai 1000 orang telah ditangkap dan 400 daripadanya telah dituduh, antaranya 76 hingga 80 peratus daripadanya telah dihukum, iaitu lebih kurang 320 orang telah dihukum.

■1550

Mengikut Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 2009 SPRM telah menyiasat 16 kes yang melibatkan personaliti-personaliti yang berprofil tinggi. Daripada 16 kes ini, lapan kes telah diselesaikan. Pada tahun 2010 pula, SPRM telah berjaya menyiasat 24 kes berkenaan dengan orang bernama antaranya yang telah dituduh adalah ahli-ahli politik, MP's (*Members of Parliament*), kerabat diraja, ahli-ahli korporat dan hakim-hakim. Pada tahun yang lalu juga SPRM telah menuduh dua orang eksekutif daripada Sime Darby yang telah menerima rasuah termasuk wang tunai untuk mendapatkan projek. Pada tahun ini pula, SPRM telah secara besar-besaran menangkap pegawai-pegawai berpangkat tinggi daripada Kastam Diraja dan memperoleh fail-fail dan dokumen-dokumen serta wang tunai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini semua adalah kerja yang kita alu-alukan, saya harap lebih lagi kes-kes yang dilaporkan dan disiasat. Antara cadangan saya adalah bahawa kita sendiri sebagai ahli politik mengambil inisiatif untuk mencegah apa jua rasuah.

Sebagai contoh, sekiranya pegawai-pegawai kerajaan mengharapkan sedikit bayaran, kita yang perlu mengelakkan diri daripada membayarnya. Kita sebagai ahli politik boleh buat satu *no bribery pledge*. Kita harus bermula dengan diri kita sendiri tanpa menuduh satu sama lain. Tuan Yang di-Pertua, politik perlukan wang tetapi saya rasa wang tidak seharusnya digunakan untuk mempengaruhi polisi dan cadangan-cadangan politik.

Satu lagi cadangan ialah kemungkinan negara kita boleh mengambil contoh daripada Amerika Syarikat yang mana adalah satu jenayah bagi syarikat-syarikat yang membayar rasuah di mana-mana sahaja ia berlaku walaupun ia berlaku di luar negara. Cadangan saya juga adalah supaya lebih banyak program-program *awareness*, dengan izin mengenai pencegahan rasuah dianjurkan oleh SPRM sendiri. Pegawai-pegawai kerajaan juga diharuskan menghadiri kursus-kursus dan dilatih. SPRM dan kerajaan juga harus terus menamatkan perkhidmatan mana-mana kakitangan atau pegawai yang terlibat dalam rasuah dan bukan sahaja menukar atau *transfer* mereka ini. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Datuk Paul Kong Sing Chu. Silakan.

4.53 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan sesi Parlimen pada 7 Mac 2011. Tuan Yang di-Pertua, inilah... [*Merujuk pada sekeping kertas*] Merupakan tajuk utama yang disiarkan oleh Daily Express pada 8 Mac 2011 yang mana Titah Baginda semasa pembukaan sesi Parlimen pada 7 Mac 2011 iaitu bertajuk *Royal Concerns on Racial Issues* dengan izin, atau lebih kurang dalam bahasa Malaysia bertajuk Agong Bimbang Dengan Isu Perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titahnya baginda tidak mahu isu perkauman dipolitikkan dan menyeru kepada semua rakyat negara ini supaya menjunjung kesetiaan dan patuh pada Keutuhan Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat perkara di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak sepatutnya dipersoalkan misalnya yang berkaitan dengan Kedaulatan Raja-Raja Melayu, Islam sebagai agama persekutuan dan hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, juga termasuk hak yang diberikan oleh undang-undang kepada masyarakat yang mencakupi soal kerakyatan yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini semua bertujuan menjaga keharmonian dan daripada perpecahan kaum. Baginda secara khusus mengingatkan kita bahawa kestabilan dan keharmonian yang ada selama ini hendaklah dijaga dan dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun agama Islam merupakan agama persekutuan tetapi ini tidak menidakkan agama lain dipraktikkan dengan aman.

Ini dapat dibuktikan yang mana setiap kaum bebas menjalani istiadat dan tradisi yang diwarisi oleh kaum tertentu dan Islam dalam kesederhanaan menerima baik agama lain yang diamalkan di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963, masyarakat majmuk di negara ini dapat hidup saling hormat-menghormati kecuali berlaku satu peristiwa atau titik hitam sejarah negara pada tahun 1969. Negara kita mampu meneruskan kesinambungan hidup dalam aman, stabil, bersatu dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini terdapat suara-suara sumbang oleh segelintir orang atau kumpulan yang menaikkan kemarahan dan memainkan isu yang berbau perkauman yang boleh mendatangkan bahaya atau *jeopardize the nation*, dengan izin dalam menjaga keamanan, keharmonian dan kestabilan negara. Sebagai contoh, terdapat suara sumbang seperti memanggil pendatang balik ke China atau balik India dan suara-suara ini telah kerap pula didengari.

Tuan Yang di-Pertua, saya terfikir mengapakah ini boleh terjadi? Kita sebagai rakyat Malaysia tidak sepatutnya mengutarakan wawasan politik yang menghancurkan negara. Perkataan atau sentimen sumbang atau berbau perkauman ini dilafazkan oleh mereka yang berpelajaran seperti ahli-ahli politik yang telah lama berkecimpung dalam dunia politik, pengetua dan guru-guru sekolah. Tidakkah mereka ini yang sepatutnya mempromosikan idea keamanan, kestabilan, keharmonian dan perpaduan supaya kita semua dapat hidup dalam satu negara yang aman atau *a better place to live*, dengan izin.

Saya dengan ini menganjurkan supaya pihak kerajaan mengambil tindakan yang keras daripada segi undang-undang terhadap mereka ini dan jadikan ia sebagai contoh supaya yang lain tidak mengikut jejak kumpulan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah tiba masanya kerajaan mengadakan satu undang-undang khusus untuk memastikan kestabilan dan keharmonian yang ada pada hari ini dapat terus dipertahankan.

■1600

Sesiapa yang didapati mengutarakan perkataan berunsurkan hasutan perkauman serta mendatangkan kebencian hendaklah dijatuhi hukuman yang berat kerana negara ini tidak mahu wujudnya salah faham di antara masyarakat yang berbilang kaum. Tanpa kestabilan, keamanan, perpaduan dan keharmonian, negara ini tidak mampu pergi jauh atau maju ke hadapan. Hari ini terdapat banyak negara yang boleh kita jadikan contoh kacau bilau dan hancur disebabkan perbalahan kaum atau etnik serta keganasan yang menjerumuskan negara tersebut ke kancah perang saudara. Libya adalah contoh yang paling ketara dan disebabkan perang saudara ini telah menjadikan rakyatnya sebagai pelarian. Ini menyusahkan banyak negara jiran yang lain.

Terdapat juga pemimpin negara-negara tertentu yang walaupun rakyat telah menjalankan pemilihan melalui peti undi tidak dapat menerima keputusan dan terus ingin berada atau mempertahankan kedudukan yang tidak lagi berpihak kepada mereka.

Misalnya, Laurent Gbagbo tidak dapat menerima kemenangan Alassane Ouattara di Ivory Coast, Jonathan Goodluck di Nigeria berdepan dengan huru-hara berdarah. Begitu juga di Kenya yang menyaksikan sejumlah tiga juta orang menjadi pelarian kerana kempen berdarah semasa keputusan undi diumumkan hujung tahun 2008. Sebenarnya banyak lagi negara yang berhadapan dengan peristiwa ini di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan mengenai isu pengeluaran makanan di negara ini juga berasas. Rakyat menanggung beban dengan kuota kenaikan harga yang tinggi yang antara lain disebabkan oleh isu seperti pemanasan global, malapetaka alam, polisi yang sentiasa berubah oleh negara pengeluar makanan dan lain-lain faktor sampingan. Malaysia sebenarnya mempunyai keluasan tanah yang memang sesuai untuk pertanian dan menjadikan negara ini sebagai negara mampu berdikari dari segi pengeluaran makanan. Akan tetapi malangnya, negara ini menjadi pengimport besar di mana tidak masuk akal yang bil atau bayaran import terus meningkat naik tahun demi tahun. Pada hari ini bil import kita mencecah RM13 bilion ataupun RM1,300,000,000.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, jika sebuah rumah murah berharga RM50,000, jadi jumlah RM13 bilion tadi boleh membina sejumlah 260,000 buah rumah harga rendah setiap tahun dan dalam masa yang singkat, setiap rakyat Malaysia mampu memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di peringkat Persekutuan dan juga terdapat kementerian yang sama di peringkat negeri di Sabah. Saya ingin mengetahui sejauh manakah kementerian ini telah berjaya mencapai wawasannya untuk tahun-tahun yang berlalu dari segi hasil pengeluaran hasil tani. Mengapakah sesuatu yang mudah dan asas dalam mengeluarkan makanan sendiri seperti beras, sayuran, daging dan makanan atau hasil laut perlu diimport?

Sebenarnya kita mempunyai keluasan tanah yang sangat sesuai yang terbiar di mana sepatutnya dapat menghasilkan keluaran makanan yang dihasilkan dari ladang misalnya. Mungkin sudah tiba masanya pihak kementerian menjana pertanian dalam bentuk *entrepreneur agriculturist* dengan izin, yang sememangnya pakar dalam bidang tersendiri mengatasi jumlah besar apa yang kita import selama ini. Kerajaan kita juga menanggung beban sejumlah RM10.3 bilion dalam bentuk subsidi bagi membolehkan rakyat membeli keperluan makanan harian mereka pada satu kuota harga yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, jika daya saing dalam bidang pertanian tinggi, tidak mustahil separuh daripada jumlah bayaran import dapat dikurangkan serta menjimatkan pertukaran asing berjumlah RM6.5 bilion setiap tahun. Jumlah subsidi dan simpanan ini dapat diuruskan kepada lain-lain perkara yang lebih berguna.

Satu perkara perlu diambil kira iaitu negara mestilah mampu mencipta dan membina industri berasaskan makanan yang berdaya saing atau *vibrant* juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan untuk tujuan mengeksport.

Sebagai permulaan, saya ingin menyarankan syarikat-syarikat GLC seperti Sime Darby, FELDA dan FELCRA misalnya menukar hala tuju mereka iaitu separuh daripada keluasan tanah dijadikan tapak pertanian dalam pengeluaran hasil makanan. Sektor persendirian hendaklah digalakkan mengambil bahagian dan memberikan kepada mereka *favorable policies and incentives*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, industri ladang kelapa sawit kita terlalu bergantung kepada pekerja asing. Hari ini terdapat sebanyak hampir 30 peratus buah kelapa sawit tercicir dalam proses jualan yang menyebabkan sejumlah RM10 bilion kerugian ditanggung setiap tahun. Jumlah ini sangat tinggi jika dicampur kira, dan industri kelapa sawit perlu berpindah dari cara manual ke cara mekanikal dan hanya menggaji sejumlah pekerja yang benar-benar diperlukan sahaja. Hari ini penuaian buah kelapa sawit sepatutnya telah dilakukan secara mekanikal, begitu juga dengan kerja-kerja penjagaan yang sepatutnya telah menggunakan mesin sepenuhnya.

Saya ingin tahu apakah yang telah dilakukan oleh pihak MPOB iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia, dan sejauh manakah R&D mereka telah berjaya dalam merevolusikan *mechanizing the industry* dengan izin. Jika kita asyik kehilangan RM10 bilion setiap tahun hanya dalam proses penuaian, jadi sudah sampai masanya kita mengambil iktibar dan bertindak segera dengan mendapatkan mereka yang benar-benar pakar untuk mencari penyelesaian kepada masalah yang kita hadapi kini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab industri kelapa sawit menghadapi kesukaran mendapatkan pekerja benar-benar mahir dalam proses penuaian, mungkin cara atau alasan terbaik iaitu ialah menggalakkan tuan punya estet atau ladang menukar status di mana ladang-ladang lama dijadikan pusat atau ladang pengeluaran makanan. Dengan galakan dan latihan yang berkesan, sudah tentu ramai rakyat Malaysia akan mendapati ia merupakan laba dalam menjana industri pengeluaran makanan.

Saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya mendapatkan atau mengeluarkan satu rangka induk ataupun *master plan* dengan izin, dengan kadar segera dalam pengeluaran makanan dan sekali gus mengurangkan bayaran import dan berharap pada tahun 2020, Malaysia mampu berdikari dalam pengeluaran makanan sendiri. Penyelesaian cepat hendaklah dicari supaya kita tidak bergantung kepada buruh asing dalam industri kelapa sawit.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Talent Corporation baru-baru ini merupakan langkah bijak oleh pihak kerajaan untuk memanggil pulang pakar-pakar atau mereka yang berkepakaran tinggi untuk berkhidmat dengan negara.

Walau bagaimanapun, saya merasakan yang mereka ini tidak bersedia untuk pulang kerana agak sukar bagi mereka memulakan kehidupan baru di Malaysia. Lagipun, mereka menerima gaji tinggi di negara maju. Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan insentif cukai berjumlah 15 peratus sebagai tarikan untuk mereka pulang. Saya berpendapat perkara utama yang menjadi penghalang mereka untuk pulang ialah selain dari memulakan hidup baru ialah menghadapi cabaran di tempat kerja dan tidak mendapat kerjasama dari golongan pekerja sokongan atau pekerja bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar Talent Corporation segera mengenal pasti cara untuk menghentikan *brain drain*, dengan izin. Statistik menunjukkan bahawa beribu-ribu pelajar Malaysia yang cemerlang diambil oleh Singapura tiap-tiap tahun. Malaysia kehilangan mereka melalui biasiswa, tawaran pekerjaan dan pemberian kerakyatan oleh Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, moto insan adalah paling penting, aset kepada negara, syarikat ataupun setiap organisasi. Tanpa rakyat yang berilmu dan berpotensi tinggi, negara kita tidak akan pergi jauh. Oleh itu saya menyarankan kepada kerajaan untuk memastikan supaya pelajar cemerlang dikekalkan untuk berkhidmat di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh berkenaan dengan transformasi pendidikan di peringkat sekolah terutamanya berkaitan dengan standard kurikulum baru yang mana akan meningkatkan kualiti pendidikan negara. Kemahiran komunikasi, maklumat dan teknologi serta kemahiran vokasional akan ditekankan. Pada peringkat pengajian tinggi, program kerjasama antara universiti dan industri haruslah diberi penekanan bagi meningkatkan daya kebolehpasaran para graduan kita. Baginda Yang di-Pertuan Agong menekankan bahawa kualiti dan kemahiran guru-guru dan pensyarah dalam pengajian dan pembelajaran hendaklah dipertingkatkan di samping mengekalkan sikap dedikasi dan integriti terhadap profesion mereka. Atas mereka ini, saya menyarankan agar kementerian menyemak semula kursus yang ditawarkan oleh semua universiti dan institut pendidikan guru dan juga kurikulumnya dalam memastikan guru yang dihasilkan adalah yang berkelayakan dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu saya bertemu dengan seorang kawan yang merupakan kontraktor PKK Kelas A. Dia memberitahu saya tentang tahap dan kualiti graduan universiti tempatan yang rendah. Dia juga memberitahu tidak berapa lama dahulu, dia ada mengambil beberapa graduan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan juga dari luar negara bekerja dengan syarikatnya. Graduan tempatan yang mempunyai tahap kualiti yang rendah diberi gaji sebanyak RM1,300 sebulan manakala bagi graduan luar negara, mereka dibayar gaji sebanyak RM3,500 sebulan. Dia juga memaklumkan bahawa dia terpaksa mengambil graduan UMS bagi tujuan untuk memenuhi kuota bumiputera syarikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, golongan muda merupakan masa depan negara yang perlu dilatih dan dipimpin dengan betul. Untuk bersaing di peringkat antarabangsa, kita perlu mempunyai sistem pendidikan yang baik dan berwawasan. Graduan yang berkualiti tinggi akan memperoleh pendapatan yang tinggi dan ini semestinya akan membantu negara untuk mencapai sasaran rakyat yang berpendapatan tinggi dengan lebih cepat dan membawa kepada tahap kualiti kehidupan yang lebih baik sebagaimana yang dimaklumkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan kita sekarang menghasilkan pelajar yang terlalu berorientasikan akademik yang mempunyai sijil kelulusan namun kurang dari segi kemahiran vokasional. Kerajaan kita juga telah mengurangkan tempoh persekolahan bagi pelajar-pelajar. Saya memohon agar pihak kerajaan dapat menilai semula polisi ini dengan tujuan untuk menghasilkan graduan-graduan yang berkemahiran tinggi dan boleh dipasarkan bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan. Kurang berkemahiran bermakna graduan kekal untuk memperoleh pekerjaan. Bagi meningkatkan kemahiran mereka, kerajaan terpaksa membazirkan banyak wang untuk melatih semula yang mana kosnya bukanlah murah. Adalah lebih *cost effective* jika dilanjutkan masa pembelajaran di universiti untuk setahun dua dan memberi latihan praktikal sebagai sebahagian daripada struktur kursus.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menekankan agar latihan vokasional dan teknikal disediakan untuk belia dan lepasan sekolah sebagaimana yang diperlukan oleh pasaran dan juga merupakan inspirasi negara. Saya menyeru pihak kerajaan untuk membuka lebih banyak institusi vokasional dan teknikal bagi melatih para lepasan sekolah dan belia yang tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran di bidang akademik. Sekarang ini pekerja berkemahiran kita hanyalah 25 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja yang ada. Secara idealnya ialah sepatutnya 40 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya menyeru semua pihak hendaklah bekerjasama dalam membanteras rasuah. Ia bukan hanya bertujuan untuk meningkatkan ranking Malaysia di dalam *Corruption Perception Index (CPI)*, dengan izin tetapi juga disebabkan oleh kesedaran bahawa rasuah akan memusnahkan negara dan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah wujud di dalam semua masyarakat. Apa yang perlu dilakukan oleh semua pihak adalah untuk mengurangkan gejala rasuah ke tahap di mana masyarakat akan memikirkan dua kali sebelum terlibat dalam gejala ini. Sebelum ini, mereka yang menjalankan aktiviti rasuah melakukannya secara tertutup. Kemudian mereka melakukannya *under table* dengan izin yang bermaksud wang diserahkan melalui cara yang salah. Sekarang kita semua ketahui yang ia dilakukan di atas meja atau terbuka.

Kita boleh melihat bahawa mereka yang terlibat dengan rasuah hidup melebihi tahap kemampuan mereka, memandu kereta besar dan mewah, tinggal di rumah yang besar dan menjalani kehidupan yang serba mewah.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980-an, terdapat seorang Menteri di Singapura telah membunuh diri kerana rasuah. Walaupun beliau merupakan kenalan rapat kepada bekas Perdana Menteri Lee Kuan Yew, namun Lee Kuan Yew telah menolak untuk membantu beliau. Itulah harga yang perlu ditanggung oleh seorang kerana terlibat dengan rasuah. Namun sekarang mereka yang terlibat dengan rasuah mungkin terlepas tanpa dikenakan sebarang tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ataupun MACC telah dirombak tidak beberapa lama dahulu bagi menjadikan ianya lebih berkuasa dalam usaha memerangi rasuah. Pesuruhjaya yang baru dilantik telah berjanji untuk menyiasat semua kes yang dilaporkan tanpa gentar dan adil. Banyak kes yang berprofil tinggi telah dilaporkan kepada SPRM baru-baru ini, namun sehingga kini masyarakat masih tertanya-tanya apakah status kes tersebut.

Saya menyeru SPRM agar memaklumkan kepada masyarakat berkenaan status siasatan yang berprofil tinggi ini bagi mengelakkan masyarakat hilang kepercayaan kepada SPRM dan seterusnya menyebabkan pelbagai spekulasi. Saya juga ingin tahu sama ada SPRM mengambil sebarang tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap peningkatan harga barang sebagaimana yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara dari tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sesuatu yang harus dipuji apabila MACC berserta dengan lima jabatan kerajaan yang berkaitan serta agensi kerajaan yang lain mengambil tindakan bersepadu terhadap satu jabatan kerajaan besar iaitu Kastam Diraja Malaysia kerana terlibat dengan rasuah yang menyebabkan negara kehilangan cukai pendapatan berjumlah RM2.2 bilion setahun.

RM2.2 bilion merupakan satu jumlah yang besar. Apabila laporan tindakan SPRM terpampang di akhbar saya mendapat tahu daripada beberapa orang rakan saya bahawa terdapat beberapa orang pegawai kastam di Kota Kinabalu berasa bimbang dan menghilangkan diri. Saya menyeru kepada pihak kerajaan untuk memastikan setiap mereka yang terlibat yang mendatangkan kerugian pendapatan kepada negara atau kerajaan hendaklah dihukum seberat-beratnya di bawah peruntukan undang-undang yang ada. Ini juga diharap SPRM mengambil tindakan yang sama tegas terhadap jabatan ataupun agensi kerajaan lain yang terlibat dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah merupakan satu penyakit yang mesti dihapuskan daripada masyarakat dengan apa cara sekalipun supaya masa depan negara kita bertambah baik dan dapat mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Para pelabur tidak lagi berasa bimbang kerana tidak perlu berhadapan dengan persoalan rasuah. Saya berasa lega apabila Baginda Yang di-Pertuan Agong memberikan jaminan bahawa SPRM akan memerangi habis-habisan rasuah, salah guna kuasa dan apa jua bentuk penipuan atau *fraud*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi kita mestilah mempunyai kestabilan, keamanan, bersatu dan hidup dalam harmoni. Kita mesti mampu menjaga pakar-pakar kita yang ada. Kita juga mesti mempunyai sistem pelajaran yang berkualiti dan yang penting masyarakat kita mesti bebas rasuah.

Baginda Yang di-Pertuan Agong sememangnya prihatin terhadap semua perkara-perkara ini dan saya berharap pihak kerajaan akan mengambil kira nasihat yang diberikan oleh Baginda untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara model yang berjaya menjadi contoh kepada negara-negara lain. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor.

4.25 ptg.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil kementerian yang dimuliakan. Saya pertamanya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberikan kesempatan untuk berbahas Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada hari ini di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin merujuk langsung kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, khusus dalam mempertegaskan persoalan rasuah. Dalam satu para *paragraph* 25, Duli Yang Maha Mulia menyebut tentang bagaimana kerajaan amat komited dalam memerangi rasuah yang dilaksanakan bukan sekadar untuk mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah akan tetapi atas kesedaran bahawa rasuah akan merosakkan negara dan bangsanya. Hanya dengan kerjasama semua pihak, jenayah rasuah boleh dihapuskan. Titah Baginda lagi, berilah sokongan padu dan keyakinan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya merasakan saranan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ini perlu diambil serius bagi diri saya dan seluruh Ahli Dewan yang mulia ini. Ini kerana ianya membangkitkan persoalan rasuah ini sebagai soal negara. Kita berjuang, kita memerangi rasuah demi negara bukan demi kelompok atau parti kita.

Ianya amat relevan hari ini. Oleh kerana ada peristiwa malang kematian berlaku di SPRM. Kita lihat ianya dijadikan modal politik untuk kepentingan politik pihak-pihak tertentu. Kita kesal dengan episod tersebut. Kita sedih, keluarga lebih sedih dan kita ingin ucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat. Akan tetapi dalam pada itu kita juga harus faham, SPRM juga kesal dan mungkin kekesalan SPRM itu besar daripada kekesalan kita dan kesedihan kita. Ini kerana tidak ada mana-mana pegawai SPRM atau kakitangan yang mahu supaya kematian itu berlaku di premis mereka buat kali yang kedua. Dalam masa yang sama, kita bukan mahu mempertahankan SPRM. Kita mahu tindakan diambil, langkah dipertingkatkan dan kita lihat memang ada siasatan yang tangkas dilakukan.

Dalam masa yang sama kita jangan menanggung di air yang keruh. Jangan serangan terhadap SPRM itu kita lakukan untuk menjahanamkan imej SPRM. Kita harus lakukan kritikan untuk memperbaiki SPRM. Apatah lagi dalam keadaan SPRM di era baru transformasi. Hakikatnya SPRM hari ini jauh berbeza dengan BPR yang lalu. Saya sendiri pun buat keputusan untuk kembali dalam kerajaan hanya selepas dua minggu pengumuman dibuatkan oleh Perdana Menteri pada ketika itu untuk melakukan perubahan yang mendasar di dalam Perlembagaan sendiri dengan akta baru SPRM.

Jadi, ini era baru transformasi SPRM. Ia diiktiraf dalam dan luar negara. Malah, ACA Hong Kong sendiri mengiktiraf SPRM ini di landasan yang betul. *Ethisphere*, satu badan luar negara yang berpusat di New York baru-baru ini menyatakan dengan mengumumkan bahawa antara seratus tokoh yang berpengaruh dan diiktiraf di dalam dunia ialah Ketua Suruhanjaya SPRM Malaysia. Dan beliau satu-satunya rakyat Malaysia yang tersenarai dalam 100 tokoh yang berpengaruh oleh *Ethisphere* tersebut.

■1630

Sebab itu seruan Duli Yang Maha Mulia di dalam titah ucapan beliau itu amat relevan dan justeru sokongan padu harus diberikan kepada SPRM. Kita sedar, kita kesal tentang episod yang berlaku dan kita tidak mahu lagi ada kisah kematian di SPRM tetapi dalam masa yang sama kita juga tidak mahu SPRM itu mati atau diserang sehingga jahanam imejnya hanya kerana sedikit permainan politik, kerana harganya jauh lebih besar dari harga satu dua jiwa, harganya ianya iakan merosakkan dan menghampakan seluruh generasi itu sendiri.

Saya ingin sekali lagi mengutip hadis Riwayat Tarmizi yang pernah saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini di mana Rasulullah SAW dengan jelas menyebut bahawa cabaran umatnya ialah cabaran harta, cabaran rasuah. Sebab itulah kita harus semuanya menggarap isu rasuah ini sebagai isu negara, sebagai isu rakyat, bukan isu yang kita dapat jadikan sebagai modal politik untuk kepentingan pihak-pihak tertentu, parti-parti tertentu, kepentingan kita kerana akhirnya yang menjadi mangsa adalah generasi umat dan rakyat keseluruhannya.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan kepada kerajaan supaya melakukan inisiatif, insentif kepada kelompok-kelompok *non political, non partisan* supaya mereka dapat dilihat tampil ke depan untuk menjuarai persoalan rasuah ini kerana kita tidak mahu persoalan rasuah ini didominasi oleh kelompok-kelompok politik sahaja kerana kelompok politik biasa apabila menuntut kepentingan pihak mereka, mereka akan cepat dan tangkas tetapi kalau ia membabitkan kepentingan kelompok lain, lain pula ceritanya.

Sebab itu kita harus ada satu inisiatif, insentif di pihak kerajaan untuk kita menyemarakkan dan memperkasakan kelompok-kelompok NGO, individu-individu, anak-anak muda, mahasiswa untuk tampil membahaskan duduk di barisan hadapan untuk menjadi kelompok pendesak *the advocacy group*, dengan izin dalam membahaskan dan mendominasi persoalan rasuah ini. Kita ada contoh sebenarnya dan di Indonesia, *Indonesian Corruption Watch* lebih berpengaruh hari ini daripada mana-mana parti politik dalam menjuarai persoalan rasuah. Di India kita ada *Corruption Monitor* yang juga cukup berpengaruh di dalam mendepani persoalan-persoalan rasuah dan saya kira kita juga Malaysia, Kerajaan Malaysia harus mengambil inisiatif dan insentif untuk cuba menyemarakkan dan memperkasakan kelompok-kelompok *non partisan, non political* ini untuk berjuang melawan dan memerangi rasuah tanpa ada rasa kepentingan sempit kelompok, parti dan hanya fokus khusus untuk mencari perasuah-perasuah dari mana pun mereka, dari parti mana pun mereka, besar mana pun mereka dan ini harus dilakukan dan ini harus dimulakan dengan insentif dan inisiatif oleh kerajaan.

Saya punya pengalaman menubuhkan sebuah NGO, Gerakan Rakyat Anti Korupsi, GERAK Malaysia. Saya tahu dan saya sedar ianya bukan kerja mudah, tekanannya kuat. Sebab itu tidak ramai yang mahu ke depan dan sehingga hari ini masih belum ada lagi LSM, NGO, kelompok-kelompok *non partisan, non political* yang mampu untuk bangkit dan bangun untuk berjuang secara efektif dan berkesan dalam soal ini.

Sebab itu saya merasakan saya menekankan sekali lagi pentingnya pihak kerajaan itu sendiri memberikan dorongan, memberikan inisiatif daripada pendaftarannya sehinggalah kepada geran diberikan kepada kelompok-kelompok ini supaya mereka dapat menjuarai persoalan rasuah ini dan dapat menghapuskan dominasi parti-parti politik dalam persoalan rasuah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga dapat lihat ada perbahasan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan rasa kecewa mereka tentang pendakwaan yang minimum berbanding siasatan yang dilakukan. Siasatannya banyak dan apabila sampai pendakwaannya sedikit. Ada ditimbulkan oleh beberapa teman-teman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini beberapa hari lalu.

Saya juga kecewa dengan keadaan ini, cuma kita kena faham pembuktian terhadap perasuah itu selalunya sukar dan dalam konteks Malaysia ini saya masih ingat semasa saya memimpin GERAK dalam forum saya secara tertutup dengan teman-teman di BPR pada masa itu, saya bawa persoalan ini dan antaranya mereka memberitahu tentang piawaian yang cukup tinggi yang diletakkan dalam kes-kes rasuah ini sebelum ianya didakwa. Pembuktian itu harus hingga ke tahap 90 peratus *evidence, the burden of proof* sehingga 90 peratus barulah boleh didakwa dibawa kepada Peguam Negara dan didakwa.

Itu pun kita lihat banyak kes-kes mahkamah kalah, banyak kes-kes rasuah di mahkamah yang dibawa oleh Peguam Negara hasil siasatan yang dilakukan oleh SPRM dan BPR sebelum itu dengan *burden of proof and evidence* sehingga 90 peratus kalah di dalam mahkamah kerana itu sistem undang-undang dan cara dan silat peguam-peguam yang handal-handal belaka. Baru-baru ini kita tengok macam mana ada setiausaha politik seorang Menteri yang ditangkap dengan jutaan ringgit. Hari pertama dia bawa ke mahkamah, peguamnya sudah mencabar perkara pokok tentang sumber duit itu. Tidak ada bukti bahawa ianya bersumberkan daripada persoalan rasuah. Hebat hujahnya, peguamnya pun hebat. Orang yang punya duit banyak memang punya keupayaan untuk ambil peguam yang hebat-hebat dan ini antara masalah dan dilema yang ada pada SPRM, Jabatan Peguam Negara dalam menghadapi kes-kes rasuah ini.

Justeru saya mencadangkan pihak kerajaan, pihak SPRM, pihak Jabatan Peguam Negara untuk mempelbagaikan kaedah menghukum ini. Kena cari jalan baru untuk menghukum perasuah-perasuah ini. Akta SPRM itu tidak harus mengikat kita hanya kepada Akta SPRM itu. Harus cari akta-akta lain. Kalau tanya saya, pada hemat saya Akta Cukai Pendapatan contohnya boleh kita gunakan. Mungkin sukar untuk kita mensabitkan seorang perasuah itu dengan perlakuan rasuahnya sukar untuk membuktikan *transaction* berlaku tetapi agak lebih mudah untuk kita menghukum, untuk kita mencari silapnya apabila dia membuat pengisytiharan harta, pengisytiharan pendapatan yang tidak betul, yang palsu dan berbeza dengan aset yang dia ada dan sebagainya.

Justeru saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya pihak kerajaan khususnya SPRM dan Peguam Negara untuk mencari dan mempelbagaikan kaedah menghukum supaya perasuah-perasuah ini akhirnya dapat dihukum walau tidak di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau SPRM, dia dapat dihukum di bawah Akta Cukai Pendapatan dan akta-akta yang lain dan ini praktik yang biasa dilakukan oleh banyak negara khususnya negara-negara yang mencapai pencapaian yang tinggi dalam persoalan memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga baru-baru ini dikejutkan dengan tangkapan yang banyak oleh SPRM dan lebih kita terkejut dengan aset yang banyak mencecah jutaan ringgit malah ada sampai terkumpul kalau harta terkumpul itu sampai berbilion ringgit.

Apabila sebut bilion ringgit ini kita juga ingin ingatkan SPRM hati-hati apabila membuat kenyataan tentang bilion ini sebab apabila sampai ke angka RM108 bilion, ianya amat mengejutkan dan kesannya besar kerana yang rosak bukan setakat imej perasuah tetapi imej seluruh institusi dan saya rasa ini memberikan persoalan integriti dan tidak adil kepada ramai pegawai-pegawai dalam institusi tersebut yang amanah.

■ 1640

Jadi dalam kita membuat kenyataan, tangkapan, ini kita sokong kita setuju semua tangkapan, kenyataan tentang jutaan dan bilion itu tetapi harus hati-hati. Tetapi hakikatnya jutaan yang terlibat, jutaan yang diambil, jutaan yang dirompak, jutaan yang disuap dikumpul menjadi bilion, ini contoh bagaimana bahana dan bahaya rasuah ini cukup berat dan membabitkan umat dan rakyat. Sebab itu kalau kita lihat pada Sirah Rasulullah SAW, ada kisah yang menyebut tentang Rasulullah SAW ini enggan untuk sembahyang jenazah seorang perasuah, apabila diketahuinya seorang perasuah, baginda tidak mahu menjadi imam kepada solat tersebut dan ini hanya berlaku dalam kes rasuah, dalam jenayah rasuah dan kalangan mereka yang mempunyai jenayah rasuah.

Jenayah-jenayah lain walaupun berat dan tetap berdosa tetapi Rasulullah SAW tetap mengimamkan solat, tetapi dalam kes rasuah di dalam sirahnya, Rasulullah SAW enggan untuk bersembahyang. Hari ini apabila kita lihat dengan angka jutaan dan bilion ini, kita seharusnya lebih faham dan harus lebih sedar bahawa masalah rasuah ini adalah masalah yang cukup berat malah paling berat.

Justeru saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya hukuman itu juga seharusnya hukuman yang paling berat. Jika kita tengok di dalam undang-undang Malaysia ini, Akta Dadah Berbahaya itu yang paling berat, hukuman mati mandatori, pengedarnya dirampas harta dan aset walhal kalau tanya saya, dadah ini terus wujud walaupun ribuan pusat serenti dibuat. Satu, memang ada orang menghisap dadah dan keduanya kerana ada pengedar dadah yang mampu untuk merasuah pelaksana-pelaksana hukum pegawai kerajaan ataupun pemimpin sehinggakan dadah ini terus berleluasa. Maknanya puncanya tetap persoalan rasuah. Sebab itu kalau boleh saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini harus dibuat penelitian supaya ada pindaan di bawah akta SPRM ini untuk kita mengenakan hukuman berat. Jika pengedar dadah, kita boleh merampas dan menyita terus harta dan asetnya mengapa kita tidak boleh merampas dan menyita terus harta dan aset perasuah-perasuah ini?

Ini harus kita lakukan supaya ia menjadi pengajaran kepada semua yang lain dan kita juga harus mengutip pengajaran daripada kisah yang berlaku pada zaman Uthmaniah, pada zaman Empayar China bagaimana ribuan pegawai-pegawai kerajaan, bala tentera yang dibuang hanya kerana mereka merasuah.

Dan mereka bukan sekadar dibuang tetapi aset-aset mereka diambil, ini hanya pihak Sultan atau Maharaja itu baru sedar setelah mereka kalah di dalam peperangan kerana selalunya mereka menang, merasa susah berjuang hebat, menang perang tetapi lama-kelamaan selalu kalah di dalam peperangan, dan apabila Maharaja dan Sultan *check*, rupanya kalah perang kerana kapal yang sepatutnya besar menjadi kecil kerana rasuah. Terdapat peluru yang patut dilontar jauh tidak sampai sedepa kerana masalah rasuah.

Sebab itu di dalam kes Turki dan Uthmaniah dikisahkan ribuan yang dibuang dan aset serta harta mereka dan keluarga mereka, itu lebih tegas seperti yang dilakukan diambil dan dirampas dan selepas itu barulah menang perang, jadi inilah natijahnya. Jadi kalau kita hendak menang perang, lawan rasuah kita mesti tegas kita kena merampas dan menyita harta dan aset jutaan ringgit yang diambil oleh perasuah. Saya juga ingin mengutip ayat al-Quran Surah Al-Haj... *[Membacakan sepotong ayat Al-Quran]* Secara jelas menyebut bahawa jangan satu perkataan jelas, "*Jangan membiarkan harta itu berlegar-legar di kalangan orang-orang yang berkuasa dan rasuah di kalangan kamu*". Jadi ini beberapa cadangan yang ingin saya sampaikan di dalam membahaskan Titah Ucapan Diraja pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal akhir yang ingin saya sampaikan adalah soal video seks ini. Saya hendak sebut pun tidak berapa hendak gemar. Kita bercerita pasal tamadun, cerita fasal ayat al-Quran dan persoalan mengenai rasuah, tiba-tiba kita kena bercerita tentang video seks. Tetapi saya rasa terpanggil untuk membangkitkan soal ini kerana ada teman-teman Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan, saya tidak ada masalah dengan apa yang dibangkitkan, saya bersetuju kita harus lebih berhemah, berhati-hati untuk pemaparan kepada umum itu harus berhemah, siapa yang menyangkan kalau betul melanggar undang-undang harus ditangkap, didakwa, saya tidak ada masalah dari segi sudut itu. Ada yang membuat kenyataan menubuhkan Suruhanjaya Diraja, ada yang membantah walaupun dulu dia yang paling kuat hendak menubuhkan Suruhanjaya Diraja, okey saya boleh menerimanya semua itu.

Tetapi yang saya ingin tekankan sebab saya tengok yang ini nampak lompong sedikit, yang saya ingin tekankan dalam kita membicarakan, bersikap tegas dengan yang menyangkan pemaparan dengan peranan media yang kita tegur, saya bersetuju tetapi dalam waktu yang sama kita juga harus bersifat tegas terhadap pelaku atau pelakon, tidak kiralah kedua-duanya, kita harus bersikap tegas dan komitmen bahawa perbuatan itu adalah perbuatan yang jijik dan sesiapa pun yang melakukan perkara itu wajib dikutuk oleh Dewan yang mulia ini, apatah lagi kalau ia membabitkan sesiapa pun di kalangan kita yang duduk, telah diangkat atau diberikan mandat untuk duduk di Dewan yang mulia ini lebih tegas seharusnya kenyataan dan komitmen kita untuk menghukum dan memberikan kenyataan serta saranan yang cukup jelas, bahawa orang yang berperangai sejjik ini tidak layak langsung untuk duduk di dalam Dewan yang mulia ini.

Ini yang saya ingin tegaskan dan dalam waktu yang sama saya bersetuju bahawa kita harus berhati-hati, paparannya, respons kepada kelompok muda dan sebagainya, orang yang menayangkan, saya bersetuju semua itu tetapi dalam waktu yang sama saya ingin menegaskan juga harus ada penegasan kita dari sudut untuk menghukum dengan sekeras-kerasnya orang yang melakukan perbuatan yang jijik itu...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Mohon untuk mencelah,

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor: Ya, ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengan hujah yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan rasuah dan juga isu seks. Kita difahamkan bahawa melalui laporan akhbar pada hari ini, Perdana Menteri akan melancarkan satu laman e-mel kepada seluruh rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas mulai Jun dan juga kita difahamkan bahawa terdapat satu dakwaan bahawa syarikat Tricubes yang akan diberikan kontrak sebanyak lima puluh juta ini merupakan sebuah syarikat yang bermasalah, yang perlu dibantu sehingga terpaksa diberikan kontrak sebegini.

Jadi adakah perkara seperti ini di dalam kita memberikan sebarang tender kepada mana-mana syarikat tidak kiralah, hendak buat e-mel kah, hendak membuat sekolah kah atau perumahan, jika syarikat ini memang syarikat bermasalah, kita juga akan mendorong mereka untuk terlibat di dalam rasuah sekiranya mereka tidak mampu menyiapkan projek seperti ini. Itu yang pertama saya pohon tanyakan Yang Berhormat. Dan yang kedua berkenaan dengan isu seks.

Gejala seks ini ia bukan hanya bermula di kalangan pemimpin, dia juga bermula di kalangan rakyat, masalahnya sekarang yang terlibat dengan gejala seks ini daripada paparan akhbar, jumlah besar juga melibatkan orang Islam, orang muda dan ini adalah aset masa depan. Mungkin hari ini kita katakan yang terlibat mungkin usianya begini dan begini tetapi pada masa hadapan ia adalah satu senario yang cukup panjang, cukup banyak. Jadi saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat, kekangan di dalam negara kita di Mahkamah Syariah '356', tiga tahun penjara, enam sebatan denda RM5,000 di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang ditetapkan oleh Parlimen dan ini tidak dipinda daripada tahun 1984. Jadi dengan kes-kes yang telah pun dipaparkan demikian rupa melibatkan semua pihak, adakah Yang Berhormat yang berada di pihak kerajaan mampu untuk menekan kerajaan bagi memastikan diberikan keluasan daripada '356' ini kepada pindaan yang lebih logik untuk kita menghalang kes-kes zina atau mukadimah zina bagi mengelakkan perkara ini menjadi permainan politik dan menjadi bahan ketawa kerana mereka boleh membayar dengan ribu, empat ribu. Jadi ia adalah kesan daripada sudut pendidikan kepada rakyat kerana melibatkan maruah dan juga jati diri pemimpin dan juga rakyat pada masa hadapan, saya pohon pandangan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd: Terima kasih Yang Berhormat Ustazah Mumtaz, pertama tentang e-mel syarikat yang membuat inisiatif e-mel kepada seluruh rakyat Malaysia yang berumur lebih daripada 18 tahun.

■1650

Saya juga baru terbaca. Saya tidak tahu secara detil tetapi saya juga baru terbaca dalam BERNAMA tentang kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa syarikat itu ataupun inisiatif ini langsung tidak akan membabitkan duit awam. Ia secara seratus peratus wang swasta.

Namun begitu, kalau memang ada masalah syarikat ini, saya memang tidak akan teragak-agak untuk membawa perhatian kepada pihak yang berkenaan iaitu pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kementerian Kewangan. Mungkin pegawai-pegawai mereka pun ada untuk kita ambil tindakan. Saya bersetuju, apa pun inisiatif, kontrak yang membabitkan kelompok awam ataupun tidak membabitkan kelompok awam, secara prinsipnya kita tidak boleh benarkan syarikat-syarikat yang bermasalah dan akhirnya nanti boleh membebankan kerajaan kita pada masa yang akan datang hasil daripada pemberian tender dan kontrak tersebut.

Tentang hukuman dan pindaan yang seharusnya dilakukan terhadap hukuman mereka yang melakukan kesalahan syariah seperti zina dan sebagainya, memang saya cukup bersetuju. Saya bukan bersetuju dengan bab zina itu, saya bersetuju bab hukuman itu. Hukuman harus dipertingkatkan. Saya rasa memang sudah ada pun usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk kita meminda persoalan hukuman yang terlalu ringan yang dikenakan terhadap penjenayah. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat dari sudut kita untuk memerangi gejala-gejala seks yang semakin berleluasa ini. Sampai ke Dewan pun ada. Bukan Dewan kitalah, Dewan Rakyat di seberang. Harap-harap Dewan kita tidak adalah. Sampaikan di Dewan pun tengok video seks dan sebagainya.

Saya memang bersetuju supaya ada satu usaha yang dilakukan dan memang harus dinaikkan hukuman itu. Apatah lagi semacam dalam kes video seks ini, katanya pelakunya pakai jam Omega. Jadi jam Omega ini mahal. Jadi kalau setakat RM5,000 itu, dia senyum sahaja bayar. Jadi kita kena naikkan harga hukuman ini ke atas sesiapa juga. Saya bersetuju ia bukan masalah pemimpin atau sesiapa pun, pakai jam Omega atau tidak pakai jam Omega. Sesiapa juga yang melakukan kesalahan zina ini yang termaktub di bawah Akta Mahkamah Syariah harus dihukum dengan hukuman yang cukup berat sehingga ia cukup untuk memberi pengajaran kepada dirinya, keluarga dan juga kepada orang-orang lain.

Saya rasa sudah selesai semua bab saya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Pau Chiung Ung.

4.53 ptg.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan ini.

Pertama, menyentuh mengenai Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan insentif baru untuk menarik balik pakar-pakar warganegara yang bekerja di negara asing dengan memberikan cukai pendapatan 15 peratus dan ganjaran-ganjaran lain. Tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan pandangan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menitikberatkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama serta mampu bersaing di peringkat global dalam usaha mencapai status negara maju.

Selama ini kerajaan telah pun melancarkan berbagai-bagai program untuk menarik balik minat pakar yang berkhidmat di negara asing supaya balik ke negara asal mereka. Sehingga kini, berapakah pakar yang telah pun menyahut sambutan kerajaan dan balik berkhidmat di negara kita? Apakah bidang mereka? Adakah pakar-pakar yang telah pun balik ke negara sebelum ini juga menikmati ganjaran insentif baru tersebut? Apakah kesan insentif tersebut ke atas pendapatan negara?

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak, peniaga berniaga di kedai runcit dan pasar raya menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja buruh dan tidak dibenarkan untuk mengupah pekerja asing. Pada masa ini adalah susah mengupah pekerja tempatan kerana mereka semua berebut pergi menanam kelapa sawit dan getah yang berharga tinggi. Adakah kemungkinan untuk melonggarkan syarat bagi membenarkan peniaga di bidang tersebut mengupah pekerja asing di negeri Sarawak?

Kedua, menyentuh mengenai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bersuara, *“Penekanan juga akan terus diberi kepada peningkatan produktiviti, produk bernilai tambah tinggi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pemasaran.”*

Pada masa kini, bidang penanaman kelapa sawit menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh yang semakin serius. Masalah ini menyebabkan banyak kelapa sawit dibazirkan kerana tiada tenaga buruh untuk memetik pada masa yang sesuai. Apakah tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah tersebut? Semenjak pelancaran Skim Penanaman Semula Kelapa Sawit, berapakah peladang telah pun mendapat daripada skim tersebut? Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan?

Pada masa kini, harga getah asli melonjak tinggi. Skim penanaman semula getah juga amat diperlukan. Berapakah peladang akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan skim penanaman semula getah?

Seterusnya mengenai Kementerian Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan antara destinasi pelancongan yang terkenal dengan menduduki tangga ke sembilan dalam senarai Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2009. Adakah kedudukan negara kita bertambah baik selepas usaha gigih Kementerian Pelancongan pada tahun 2010? Adakah kementerian berjaya mencapai matlamat untuk menarik pelancong ke Malaysia pada tahun 2010 dan berapakah pendapatan dijanakan?

Isu seterusnya berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya adalah benar seperti dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu sektor pertanian masih penting dari segi penjanaan pendapatan dan menjamin bekalan makanan. Selain melakukan penyelidikan untuk menambah baik spesies produk pertanian utama, apakah usaha yang dilakukan kepada produk pertanian sampingan seperti buah-buahan?

Beberapa tahun kebelakangan ini di negeri Sarawak, petani-petani buah naga (*dragon fruit*) dengan izin, menghadapi masalah kematian pokok-pokok buah naga akibat penyakit. Sehingga kini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih belum dapat memberikan sebarang kaedah penyelesaian yang dapat mengawal penyakit tersebut. Adakah pihak kementerian mempunyai apa-apa maklumat berkenaan masalah tersebut?

Bidang pengeluaran burung walit berkembang pesat kebelakangan ini dan membantu negara menjana pendapatan yang lumayan. Adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan lagi pertumbuhan bidang tersebut? Adakah kementerian mempunyai syarat-syarat tertentu dalam bidang tersebut? Atau adakah sebarang ganjaran dan galakan untuk memajukan lagi sektor ini? Saya cadangkan Kementerian Pelancongan mempromosikan bidang sarang burung walit dalam risalah-risalah pelancong supaya pelancong dari luar negara dapat mengetahui produk sarang burung walit dan pencapaian negara kita dalam sektor ini.

Seterusnya isu yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun merasa keadaan jalan raya yang kurang sempurna menjelang lawatan kerja ke Limbang dan Lawas baru-baru ini.

■1700

Semasa lawatan kerja ke Sarawak baru-baru ini, Menteri Kerja Raya pun mengakui bahawa banyak jalan raya negeri Sarawak telah pun melebihi usia dan perlu diperbaiki. Saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan dapat menambahkan peruntukan untuk memperbaiki keadaan jalan raya untuk negeri Sarawak.

Tindakan sedemikian amatlah penting untuk memastikan kejayaan projek SCORE serta semua rakyat negeri Sarawak dapat menikmati jalan raya yang berkualiti. Menteri juga mengatakan bahawa mempunyai perbezaan antara struktur Jabatan Kerja Raya Persekutuan dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak. Mohon kementerian memberi penjelasan selanjutnya. Yang keenam, Jabatan Perdana Menteri. Projek Penjanaan Elektrik Bakun akan mula beroperasi tidak lama lagi. Adakah hasil janaan lebih bekalan elektrik akan dijual atau membekalkan ke negeri jiran seperti Sabah dan juga negara jiran seperti Brunei dan Indonesia? Berapakah jumlah perbelanjaan Projek Bakun Hidro tersebut dan dijangka berapa lamakah kos tersebut dapat diambil balik?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya penduduk luar bandar tentu berasa gembira apabila mendengar Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mementingkan kesejahteraan penduduk luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung serta penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak. Dalam RMKe-10 peruntukan besar telah pun diberikan untuk memajukan kemudahan seperti jalan luar bandar, infrastruktur awam, bekalan air bersih dan elektrik serta telefon di luar bandar. Apakah hasil pelaksanaan projek-projek berkenaan sehingga kini?

Yang ketujuh, Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, didapati bahawa terdapat perbezaan piawaian pengangkutan kenderaan berat antara Semenanjung dengan negeri Sarawak, di mana kelas kenderaan berat yang sama tetapi mempunyai limit berat pengangkutan yang berbeza. Apakah sebab-sebab perbezaan ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari 2011 dalam satu operasi pemeriksaan lesen-lesen pemandu bas, pelbagai syarikat bas di negara kita didapati bahawa enam orang pemandu bas tidak memiliki lesen manakala 206 kes melanggar undang-undang. Statistik ini menunjukkan bahaya rakyat kita apabila menaiki kenderaan awam yang begitu umum tersebut. Apakah tindakan-tindakan selanjutnya yang diambil oleh kementerian untuk mencegah masalah itu terus berlaku?

Yang kelapan Tuan Yang di-Pertua, kes-kes bunuh diri selepas pengumuman dalam *facebook* menunjukkan pemikiran belia kita yang semakin tidak mantap. Adakah kementerian merancang bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mencari jalan atau program penyelesaian dalam pembentukan semula dan pendidikan pemikiran belia kita. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani. Sebelum itu saya ingin tahu sekiranya masih ada masa selepas Datuk Hajah Wan Hazani berucap, ada lagikah Ahli Yang Berhormat ingin berucap pada petang ini?

Puan Doris Sophia ak Brodi: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

5.04 ptg.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih diberi peluang kepada saya turut membahaskan Ucapan Junjung Kasih Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit isu keselamatan dalam Negeri yang membabitkan beberapa jabatan atau agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pertubuhan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pertahanan Awam, Pencetakan Nasional Malaysia Berhad dan RELA.

Tuan Yang di-Pertua, sementara undang-undang yang dipakai atau akta yang terlibat pula termasuklah semua akta berkenaan dan juga yang dibaca setara seperti Akta percetakan, Akta Hasutan juga semua akta yang menyentuh soal jenayah dan semua peruntukan kesalahan sivil. Undang-undang dan akta di dalam Malaysia yang ada adalah yang terbaik di Asia, cuma peringkat penguatkuasaannya tidak dijalankan dengan baik tetapi ingat, jangan sekali-kali kita menundingkan akta yang ada hingga rakyat merasa dizalimi. Gunakan dengan bijaksana dan bertimbang rasa, bertanggungjawab, toleransi, mengikut keadaan dan biarlah rakyat rasa disayangi, dihormati dan dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan kerajaan yang ada pada hari ini, Perdana Menteri Malaysia dan kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan beberapa ikhtiar untuk memberi jaminan keselamatan kepada semua rakyat. Keamanan dan keselamatan adalah jaminan masa depan negara untuk terus menarik pelabur asing. Peningkatan pelancongan serta perhubungan global yang baik kerana semua ini akan menjana ekonomi negara menjadi maju dan rakyat terus mampu mencapai pendapatan yang tinggi. Akan tetapi kenapakah masih ada pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan berbulan-bulan terpaksa berulang-alik, yang memberi kuasa pemutus kelulusan dilengah-lengahkan sehingga mengambil masa yang lama terpaksa berulang-alik untuk mendapatkan satu-satu kelulusan kerja.

Bagaimanakah negara kita untuk meningkatkan ekonomi negara kalau tidak ada kerjasama yang bersungguh-sungguh dan keprihatinan yang mendalam di antara ketua-ketua jabatan dan ahli-ahli perniagaan dan ahli-ahli politik. Pemantauan pihak Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa demi masa depan negara yang maju. Dengan pendapatan yang tinggi rakyatnya, keharmonian di dalam negara perlu ditingkatkan, kasih-sayang persaudaraan 1Malaysia di semua peringkat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mat rempit dan jenayah jalanan telah dapat dikurangkan, PDRM telah menerapkan satu budaya kerja yang jitu di dalam menangani jenayah dari laporan yang dipaparkan di akhbar kebelakangan ini. Kejayaan termasuklah menahan mereka yang terlibat dengan pengedaran dadah antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri-negeri di seluruh negara di dalam estet swasta, FELDA, FELCRA, kampung-kampung tradisional perlu ditingkatkan pemantauan berterusan kepada anak-anak terutamanya anak-anak yang suka mengambil kesempatan atas pengaruh ibu bapa mereka perlu diambil perhatian. Di peringkat negeri juga terdapat laporan penahanan mereka yang terlibat dengan pengedaran dadah di dalam jumlah yang memecah di angka jutaan ringgit Malaysia. Laporan Suruhanjaya Diraja menambahbaikkan perjalanan dan pengurusan Polis Diraja Malaysia yang dikeluarkan beberapa tahun lalu menampakkan hasil yang sangat ketara pada hari ini, di mana imej PDRM dapat dipulihkan.

■1710

Langkah-langkah kemas kini dan positif banyak dilakukan. Daripada segi infrastrukturnya, PDRM dapat membina lebih banyak kemudahan di dalam menempatkan pegawai-pegawai serta keluarga supaya daya ingatan bekerja dengan jiwa yang bersih dapat dilakukan. Hari ini kita dapat pastikan bahawa peratusan yang tinggi penjawat-penjawat di dalam PDRM bebas daripada unsur-unsur negatif. Kepada penjawat-penjawat atasan dan kepimpinan orang-orang yang berpangkat dan berada, orang-orang yang kaya yang tidak kedekut yang banyak menghapuskan air mata orang-orang miskin dan rakyat yang di dalam kesusahan, tolonglah mereka di pedalaman yang jauh dari bandar. Kehidupan mereka ini hanyalah sementara termasuklah kita semua, kehidupan atas dunia ini hanyalah sementara. Kebaikan dan kesucian, keikhlasan kita semua sebagai seorang pemimpin atau pegawai atau ahli perniagaan, perjuangan bangsa dan agama dan negara hendaklah kita utamakan.

Mereka-mereka yang baik hati yang banyak menyapu air mata orang miskin yang pernah saya lihat mereka-mereka ini akan terpancar, terserlah di wajah mereka cahaya yang kita sendiri dapat melihatnya. Mudah-mudahan kita semua di dalam pelukan kasih sayang Allah. Nikmat hidup kita rasai dan kita hargai. Bertualah kita menjadi rakyat Malaysia, kita mempunyai pasukan keselamatan daripada tahun ke tahun, pada tahun-tahun yang lepas PDRM hingga ke hari ini *alhamdulillah rahmatullah* negara kita maju, aman sentosa, menjadi rebutan semua jiran-jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penubuhan unit *Special Task Force Operation* untuk menangani jenayah yang ditubuhkan lebih kurang dua setengah tahun dulu juga telah menampakkan kejayaan yang cemerlang di mana kerjasama dengan semua pihak di seluruh dunia telah dapat melumpuhkan jenayah-jenayah antarabangsa.

Sebagai contoh, jenayah islamiah yang terlibat di Indonesia dan di negara ini dapat ditangani dengan kerjasama erat yang diberikan oleh Republik Indonesia. Begitu juga masalah keganasan di Selatan Thailand dengan kerjasama yang diberikan oleh pasukan keselamatan negara Thailand di bawah kepimpinan Perdana Menteri Thailand.

Hari ini kita banyak mendengar dan membaca rintihan orang-orang yang ditipu di sempadan atau yang berhampiran terutamanya dengan negeri yang bersempadan dengan negara-negara jiran kita begitu juga di dalam bandar yang ditipu oleh individu atas nama cinta dan ramai yang tergoda adalah wanita-wanita, dikatakan *one special husband* dan mereka ini sanggup mengeluarkan banyak wang dan wang-wang simpanan kerana cinta yang begitu mendalam yang menggila kemudiannya terperangkap dengan sindiket penipuan yang didalangi oleh lelaki keturunan Afrika. Persoalannya ialah apakah jaminan yang boleh diberikan oleh PDRM dan apakah langkah-langkah konkrit yang bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan wanita-wanita kita ini? Kalau setakat memberi jaminan bahawa siasatan akan dilakukan adalah tidak memadai kerana mereka telah pun kehilangan banyak wang dan maruah dan banyak kes di mana tangkapan tidak dapat dilakukan.

Kita minta supaya PDRM kalaulah perlu, kalau saya, saya kata sangat perlu ditangkap mereka ini yang disyaki dan dihantar mereka pulang ke negara asal mereka. Kita boleh beri alasan keselamatan dalam negara. Mungkin agak keterlaluan kalau saya katakan dengan paksa barangkali itu pun jika telah sampai kepada tahap yang kita sendiri hilang kesabaran dan kekacauan, kebimbangan ibu bapa melepaskan anak-anak tidak kira laki-laki ataupun perempuan. Begitu juga dengan mereka yang terlibat dengan kes dadah dan dijadikan *mastermind* untuk membawa dadah ke luar negara, ke negara asing, digunakan anak-anak muda kita laki-laki ataupun perempuan. Harapan saya, PDRM selain daripada memberi laporan di akhbar dan media massa, hendaklah menjadikan ia sebagai satu kempen yang benar-benar menakutkan mereka yang terlibat dan dijadikan contoh di mana perlu bahawa nasib tidak akan menyebelahi mereka kerana mereka tidak tahu diri mereka dijadikan mangsa.

Untuk dijadikan contoh, akhbar *Berita Harian*, Khamis, 30 Mac 2011 di mana tiga rakyat Filipina dijatuhkan hukuman mati di negara China melalui suntikan. Kalaulah di sebelah jiran kita, di sebelah salah satu dari negara jiran kita, kalau ditangkap kes dadah, jangan diharap keluarganya anak yang ditangkap itu akan kembali lagi kepada keluarganya. Cara hukuman mati yang Filipina buat ialah melalui suntikan. Kalau kita di Kelantan, kalau di sebelah negara jiran kita, kita panggil "*cucuk air sejuk*" bererti apabila ditangkap atau apabila disyaki dia adalah pengedar dadah ataupun sebagai mengancam keselamatan negara, kalau ditangkap, *nauzubillah*. Bererti kehilanganlah keluarga anak laki-laki ataupun perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, wang bukanlah segala-galanya. Kenapa perlu membuang hak untuk memajukan diri di masa hadapan? Ramai memperkatakan nilai murni, agama, keluarga, kebahagiaan dan macam-macam lagi dapat mengelakkan mereka daripada terjebak tetapi faktor-faktor ini juga tidak kukuh untuk menghindari mereka daripada terlibat. Jadi, apakah sebenarnya yang dapat kita semua lakukan?

Apakah dengan bergaji tinggi dan mempunyai kekayaan dapat mengukuhkan institusi keluarga atau rakyat daripada terlibat dengan dadah? Mungkin senang dapat duit melalui pengedaran dadah.

■1720

Kalau inilah kebanyakan mereka ini yang terlibat, saya mahu - kalau kehendak sayalah PDRM mesti memastikan ia sebagai sebuah badan yang berfungsi seperti helang di awan di mana tidak akan terdapat ruang untuk mereka melakukan jenayah berkaitan dengan dadah. Aksi PDRM mestilah diibaratkan seekor helang menyambar mangsanya. Kerjasama dengan AADK seluruh negara perlulah ditingkatkan. Perbincangan dengan pengarah-pengarah negeri perlulah dikerapkan.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM dapat berkongsi dengan baik di bawah satu kerajaan yang politiknya stabil seperti yang ada di bawah Barisan Nasional. Kerjasama PDRM dengan agensi-agensi lain juga menampakkan kejayaan. Misalnya di dalam menangani PATI dan salah laku pegawai-pegawai di bawah agensi-agensi lain PDRM tidak teragak-agak di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dan tidak terpengaruh di bawah mana-mana tekanan sama ada dari individu tertentu, badan-badan bebas atau NGOs, atau mana-mana agensi kerajaan yang lain. Kepercayaan diberikan oleh kerajaan sangat telus supaya PDRM dapat bertindak dengan bebas dan berkesan. Kerajaan di bawah Barisan Nasional telah mendapat memastikan ia selama ini berupaya menyelamatkan negara dan banyak peristiwa ia bukanlah mengenai kelakuan seorang perilaku itu sahaja tetapi menyeluruh kepada suatu suasana yang akan terjadi Barisan Nasional dan kepimpinan akan dihadapi dengan penuh kebijaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai keselamatan berkaitan dengan perdagangan strategik. *Berita Harian* - Jumaat, 18 Mac 2011 memaparkan berita dua kontena misteri dirampas mengandungi komponen penting membawa senjata berbahaya. Jika pada minggu pertama April 2011, laporan berkisar kepada pegawai kastam yang sejumlah 62 orang ditahan oleh SPRM, dan agensi-agensi yang lain yang berkaitan dengan salah guna kuasa dengan Jabatan Kastam.

Maka isunya ialah sejauh manakah keselamatan negara terabai disebabkan oleh ketamakan pegawai-pegawai terlibat dengan urusan import eksport? Ini bermakna wujud banyak penipuan sehinggalah barangan yang telah disenaraikan di bawah sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dapat berurus dari negara China ke sebuah negara yang kenakan sekatan. Kargo berkenaan dengan pembangunan persenjataan nuklear di tahan di dermaga 17 *north port* hanya diketahui setelah maklumat diterima oleh Sekretariat Perdagangan Strategik MITI.

Persoalannya ialah jika ini boleh terjadi, bayangkanlah barang-barang lain yang mungkin di dalam borang kastam dikatakan sebagai barangan yang sukar dikelaskan. Bentuk yang mana untuk awam yang mana pula untuk KDN atau tentera. Walaupun dikira Jabatan Kastam bukan mempunyai masalah tetapi ini juga menunjukkan kejayaan jabatan atau kementerian lain di bawah pemerintahan Barisan Nasional seperti pihak SPRM, Kementerian Kewangan, Jabatan Imigresen, juga dengan kerjasama dengan PDRM dan MITI yang dapat menyerlahkan kekurangan dan kesalahan yang memberikan ruang dan cara untuk menambahbaikkan jabatan yang bermasalah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Luar Negeri, kerajaan di bawah pemerintah Barisan Nasional telah meluaskan hubungan di peringkat global dan memastikan polisi kerajaan dapat difahami sepenuhnya di peringkat semua pegawai yang berkhidmat di kementerian ini. Di peringkat Asia yang terhampir dengan kita, Malaysia mengamalkan *slow response, to respond to internal problem and another members*. Melainkan di mana untuk membantu penyelesaian masalah dalaman sebuah negara dan itu pun Malaysia mesti mengambil kira pandangan dan sentimen negara-negara jiran yang lain.

Polisi inilah yang menyebabkan negara kita dihormati dan disayangi oleh negara-negara di seluruh dunia buat masa kini. Sebagai contoh masalah di selatan Thailand, di mana rakyat di situ menuntut satu wilayah yang terdapat di sesetengah negara di danau *Philippine*. Ini kerana Malaysia tidak terlibat di dalam masalah ini. Sebaliknya kerajaan melalui perjanjian persefahaman dengan Thailand bersetuju untuk mencari jalan penyelesaian tetapi tidak dengan mencampuri urusan tanpa kerelaan Kerajaan Thailand. Isu keselamatan sempadan diambil oleh kedua-dua pihak tentera dengan menjaga sempadan, begitu juga isu yang berkaitan dengan agama Islam dan isu keganasan yang berkaitan dengan agama. Malaysia mengambil jalan atau polisi sederhana dan menerapkan nilai dan pandangan agama, yang penting ialah menjamin hak seseorang dapat beragama tidak dibataskan.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan kepimpinan. Perdana Menteri dalam ucapan beliau - menyambut 65 tahun di New York pada 27 September 2010. Perdana Menteri menyeru supaya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cuma tinggal tiga minit lagi. Bolehkah Yang Berhormat selesaikan tepat jam 5.30 petang? Boleh?

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Sekejap, sedikit sahaja... Perdana Menteri menyeru supaya semua pihak supaya menyahut seruan menolak keganasan agama bercirikan ketaksuban dan dengan keganasan yang melibatkan harta benda awam dan rakyat yang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dalam usaha ini berdasarkan konsep 1Malaysia dan berslogankan 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan', yang mana konsep memerlukan seluruh rakyat menerima kemajuan kaum, semua satu kekuatan negara sebagai satu kekuatan negara dan menilai satu strategik pengukuhan kepada keharmonian rakyat semua lapisan masyarakat. Konsep 1Malaysia ini boleh diterjemahkan dengan pelbagai cara misalnya melalui politik dan kepimpinan melalui saluran diplomatik melalui persidangan melalui saluran kebudayaan dan tidak ketinggalan melalui laporan-laporan akhbar yang positifnya.

Saya sebenarnya hendak sambung berkenaan kajian untuk rasuah, tetapi memandangkan masa yang tidak mencukupi... Jadi saya rasa sambung sedikit untuk rasuah. Saya ingat esok pagi saya minta Tuan Yang di-Pertua tolong bagikan masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah berucap selama 25 minit. Kalau boleh selesaikan.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada satu minit lagi... *[Disampuk]* Tepat, tepat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, telah berbahas Titah Ucapan Diraja selama tiga hari dan esok 21 April 2011, hari Khamis adalah hari akhir untuk berucap Titah Ucapan Diraja. Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi empat hari untuk berucap. Saya rasa masa yang begitu panjang dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat telah berpuas hati dengan masa yang diberi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah berbahas rasanya telah berbahas dengan bersopan-santun, menjaga tatatertib dengan baik, khususnya menjaga nama baik Dewan Negara yang mulia ini. *Alhamdulillah*, tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat... *[Tepuk]* Tepuk untuk diri sendiri... *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini telah ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 21 April 2011. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.